

# K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI  
PERTANYAAN -PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**  
Rang Undang-undang Perbekalan 2001  
**Jawatankuasa :**  
**Jadual -**  
Maksud B.1 hingga B.13 (Halaman 17)

**USUL:**  
Anggaran Pembangunan 2001  
**Jawatankuasa :**  
P.7 dan P.8 (Halaman 17)



**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

- Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)

- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Noh bin Haji Omar, D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)

Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)

- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)

- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Bung Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)

- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)



- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, S.P.D.K., D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

**Ketua Penolong Setiausaha**

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Salammat

Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

**JURUBAHASA SERENTAK**

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman

Mazidah binti Mohamed

Paizah binti Sallehudin

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah

**Monarita binti Mohd. Hassan**

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Mashitah binti Kamaruddin

Marzila binti Muslim

Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd. Azmi bin Embong

Sulaiman bin Sirad

Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Khamis, 16 November 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

## DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato Goh Siow Huat [Rasah]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, adakah kementerian sedar belia-belia yang duduk di luar bandar adalah begitu ramai yang berpotensi menjadi ahli sukan di peringkat negeri dan negara. Contohnya, gimnastik dan sukan bina badan. Adakah kementerian bersetuju untuk memberi peralatan-peralatan kepada ahli-ahli sukan ini melalui pertubuhan-pertubuhan sukan di luar bandar atau kampung.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan sesungguhnya menyedari ramai atlet yang berbakat di seluruh negara termasuk yang berada di luar bandar. Atas kesedaran ini, Majlis Sukan Negara telah menubuhkan pusat-pusat latihan dan kemudahan sukan di sekolah-sekolah di peringkat daerah dan negeri.

Pusat-pusat latihan ini dibekalkan dengan peralatan yang memadai serta jurulatih-jurulatih termasuk jurulatih luar negara di pusat-pusat kecemerlangan. Di samping itu, Kementerian Pendidikan juga menyediakan peralatan sukan di sekolah, di bawah program sekolah sukan sambilan. Melalui program mengenal pasti bakat, semua atlet muda yang berpotensi akan dipindahkan ke sekolah-sekolah ataupun ke tempat-tempat yang berdekatan dengan pusat-pusat latihan sukan masing-masing.

Kementerian memang berharap agar peralatan-peralatan sukan dapat disediakan kepada semua ahli sukan di luar bandar atau kampung.

Walau bagaimanapun, ini melibatkan kos yang amat tinggi dan kementerian akan memberi pertimbangan berdasarkan kemampuan kewangan dan keperluan ahli-ahli sukan di tempat-tempat yang tertentu.

**Dato Goh Siow Huat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, buat masa ini berapa projek pertandingan Rakan Muda atau pusat latihan daerah yang sudah dibina dan untuk Rancangan Malaysia Yang Kelapan, berapa projek pusat latihan daerah ini akan dibina? Sekian, terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat bagi Rasah dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam tempoh Rancangan Malaysia Yang Ketujuh iaitu di antara tahun 1996 hingga tahun 2000, kerajaan telah pun meluluskan projek pusat pertandingan Rakan Muda ataupun pusat latihan daerah sebanyak RM67 juta. Buat masa ini sebanyak tujuh buah pusat sedang dibina dan ianya dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2001, sedangkan bagi Rancangan Malaysia Kelapan iaitu antara tahun 2001 hingga tahun 2005, Kementerian Belia dan Sukan akan menyediakan 45 buah pusat pertandingan Rakan Muda di peringkat daerah.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Walaupun kerajaan telah membuat program begitu

banyak berhubung dengan kemudahan-kemudahan sukan tetapi masih banyak lagi terdapat kekurangan terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar.

Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu ketika dahulu ada penglibatan daripada pihak pemimpin di kawasan dan juga dengan pihak pertubuhan badminton Malaysia dan juga dengan penglibatan daripada Kementerian Belia dan Sukan iaitu berhubung dengan pembinaan gelanggang rakyat untuk hendak mengatasi kemudahan terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar.

Jadi, saya ingin tahu, sejauh manakah penglibatan projek ini, kejayaannya kerana saya dapati ada yang dapat dan ada yang tidak dapat. Jadi, adakah Yang Berhormat mempunyai rancangan untuk hendak meneruskan program ini ataupun apakah kedudukannya sekarang.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, kiranya kalau tidak silap saya, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sungai Benut tadi adalah bersabit dengan projek 1001 gelanggang khas untuk acara sukan badminton.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesungguhnya ini merupakan satu projek yang berwawasan dan ianya dikelolakan oleh Yayasan Badminton dan bukannya oleh Kementerian Belia dan Sukan. Walaupun demikian, kementerian saya tetap mengambil berat tentang pelaksanaan projek yang disebutkan dan saya sendiri akan mengambil inisiatif untuk memantaunya setakat mana yang boleh, sebab saya juga dapat maklum balas dari Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini bahawa terdapat kawasan yang tertentu yang rupa-rupanya rasa tercicir, tidak dapat bantuan yang diharapkan. Sekian.

**2. Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:-

- (a) bagaimanakah keadaan inflasi negara setakat ini; dan
- (b) apakah langkah yang diambil untuk mengawal kenaikan kadar inflasi terutamanya yang melibatkan barang-barang makanan utama.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]:** Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan negara termasuk Malaysia menggunakan Indeks Harga Pengguna (IHP) sebagai ukuran kadar inflasi. IHP bagi bulan Oktober 2000 berbanding dengan bulan Oktober 1999 naik sebanyak 1.9%. Ini terutamanya disebabkan kenaikan indeks kumpulan makanan sebanyak 2.1% yang menyumbang sebanyak 40.2% kepada kenaikan IHP. Secara keseluruhannya, IHP bagi bulan-bulan Januari hingga Oktober 2000, iaitu berasaskan perbandingan dengan bulan yang sama tahun lepas menunjukkan kadar di antara 1.3% hingga 1.9%.

IHP bagi bulan Oktober 2000 berbanding dengan bulan September 2000 pula naik sebanyak 0.4%. Ini disebabkan kenaikan harga petrol dan diesel yang berkuat kuasa pada 1 Oktober 2000.

Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah yang diambil oleh kementerian ini untuk menangani kadar inflasi, terutama yang melibatkan makanan utama ialah seperti berikut:-

- (i) menentukan secara pentadbiran harga 11 jenis barang-barang, iaitu tepung gandum, gula, minyak masak, simen, besi keluli, minyak petrol, minyak diesel, gas petroleum cecair, roti dan ayam bagi menentukan harganya stabil pada paras berpatutan;
- (ii) memantau harga harian bagi 26 jenis barangan kegunaan harian yang dikutip di 15 bandar-bandar utama di seluruh negara;

- (iii) memantau perkembangan Indeks Harga Pengguna (IHP) khususnya kumpulan makanan yang mempunyai wajaran yang paling tinggi. Antara jenis barangan makanan yang dipantau ialah seperti daging lembu (wajaran 3.8%) beras, roti dan bijirin lain (wajaran 5.5%), ayam (wajaran 1.8%) dan ikan (wajaran 4.9%);
- (iv) menjalankan pemeriksaan fizikal di premis-premis perniagaan bagi menentukan tiada pengeluar/peniaga yang melakukan aktiviti untuk mengaut keuntungan berlebihan, dengan izin, *profiteering*, seperti menyorok barangan agar harga meningkat, menipu dalam timbangan dan sukat dan sebagainya; dan
- (v) bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan agensi-agensi berkaitan bagi menangani isu-isu berkaitan dengan harga dan bekalan barangan pertanian.

**Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan Setiausaha Parlimen. Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kerajaan kerana kita masih dapat kawal inflasi. Inflasi dan pertumbuhan ekonomi adalah dua indikator penting untuk kita melihat kesejahteraan sesebuah ekonomi. Ada negara yang mencapai pertumbuhan yang tinggi tetapi kadar inflasinya lebih tinggi daripada pertumbuhan ekonomi itu. Ini satu keadaan yang tidak baik.

Walau bagaimanapun, jawapan yang diberi oleh Setiausaha Parlimen tadi, kenaikan IHP daripada bulan September, Oktober dan juga 1999 ke tahun 2000 – 1.9% itu agak membimbangkan, saya kira kerajaan patut mencari jalan bagaimana boleh pertahankan ataupun memastikan lebih rendah kadar kenaikan IHP ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, adakah kerajaan bercadang untuk mengenakan kawalan harga kepada lebih banyak senarai barang-barang utama terutamanya barang-barang yang melibatkan penggunaan menyeluruh masyarakat?

**Tuan Wong Kam Hoong:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh yang begitu prihatin ke atas kepentingan pengguna-pengguna. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baru-baru ini kementerian saya telah mewartakan pemantauan yang lebih ketat dan rapi ke atas 25 jenis barangan keperluan harian di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 untuk musim perayaan termasuk Krismas dan sambutan Tahun Baru Cina. Baru-baru ini kementerian saya juga merangka satu skim di mana untuk musim perayaan, kementerian saya akan menambah 11 jenis barang keperluan harian dan di bawah skim ini kementerian saya akan menetapkan harga ceiling ke atas 11 jenis barang yang lazimnya digunakan pada musim perayaan termasuk Hari Raya Aidilfitri dan Tahun Baru Cina.

Di bawah skim ini, pemantauan rapi akan dibuat setiap hari pada harga barangan menjelang musim perayaan supaya harga ceiling berpatutan akan ditetapkan. Langkah ini yang pertama kali dilakukan dan akan memastikan barangan keperluan harian yang popular dan digunakan dengan lebih banyak pada musim perayaan, harganya tidak melambung naik dan membebankan pengguna.

Kawalan ini akan berkuat kuasa katalah untuk Hari Raya Aidilfitri, dua minggu menjelang Hari Raya Aidilfitri. Sekian, terima kasih.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya juga berterima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana jawapan beliau kepada soalan daripada Yang Berhormat sahabat saya Temerloh. Seperti Temerloh, saya juga bimbang tentang kadar kenaikan IHP yang begitu mendadak akhir-akhir ini.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya di Tumpat, satu daripada bahan penting untuk negara kita ini ialah beras. Akhir-akhir ini kalau kenaikan harga tidak

dikawal termasuklah harga beras yang mana rakyat di kawasan saya Tumpat, Rantau Panjang, Jeli dan beberapa kawasan menikmati suatu harga beras yang agak murah kerana mereka memperoleh beras itu daripada sempadan sebelah Thailand, maknanya rakyat di Kelantan ini telah mengamalkan WTO, AFTA dan *free trade* begitu lama.  
[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Soalannya Yang Berhormat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Akhir-akhir ini, pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna terlalu strict dalam mengawasi perjalanan beras daripada sempadan ke sempadan kita. Ini akan menyebabkan masalah besar kepada pengguna dan orang-orang yang menggunakan beras iaitulah rakyat semua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Soalannya Yang Berhormat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Boleh atau tidak saya merayu kepada pihak kementerian supaya melonggarkan semula kawalan ketat terhadap pembawa masuk beras ke kawasan sempadan di Kelantan dan juga di Kedah dan lain-lain. Terima kasih.

**Tuan Wong Kam Hoong:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Tumpat. Soalan ini sedikit terkeluar dari soalan asal. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat, beras adalah satu komoditi, harganya dikawal dan ditetapkan dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian saya telah melonggarkan perpindahan beras di antara negeri-negeri di Semenanjung iaitu untuk tiga hari dalam seminggu dan ini atas rayuan pengilang-pengilang beras dan pengguna-pengguna dari Kelantan. Ini bermakna pemerintahan Persekutuan juga prihatin kepada pengguna-pengguna dari Kelantan. Walau bagaimanapun, bolosi sempadan di antara Kelantan dan Thailand tidak begitu ketat dikawal oleh Kerajaan PAS di negeri Kelantan. Sekian, terima kasih.

**3. Tuan Goh Kheng Huat [Nibong Tebal]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar masalah kesesakan lalu lintas telah semakin serius di Jalan Tasek, Simpang Ampat, daerah Seberang Perai, Selatan dan akan bertambah teruk apabila pembangunan Bandar Mutiara yang mempunyai 10,000 unit rumah dan kedai siap sepenuhnya. Bilakah jejambat yang melintasi landasan kereta api di Jalan Tasek akan dibina bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas tersebut.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Tasek, Simpang Ampat daerah Seberang Perai Selatan adalah jalan negeri. Kementerian Kerja Raya difahamkan pembinaan sebuah jejambat melintasi landasan kereta api di Simpang Ampat merupakan sebuah projek yang dipertanggungjawabkan kepada pihak pemaju sebagai salah satu syarat untuk pembangunan kawasan perumahan Bandar Mutiara.

Buat masa ini, kerja-kerja pembinaan kawasan perumahan sedang dijalankan di Zon Fasa 6 Bandar Mutiara. Kementerian difahamkan bahawa pihak pemaju akan memulakan dan menyiapkan kerja-kerja pembinaan jejambat tersebut serentak dengan pembinaan perumahan di Zon Fasa 7 yang dijangka bermula awal tahun 2001. Jejambat yang akan dibina merupakan jalan dua lorong bertaraf JKR R5.

Selain daripada itu, ada juga beberapa projek Persekutuan iaitu tiga projek Persekutuan dalam kawasan ini yang sedang dilaksanakan untuk mengatasi masalah lalu lintas di kawasan tersebut. Projek pertama iaitu projek jejambat baru di lintasan kereta api 'Valdor' Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Skop projek pembinaan jejambat melintasi laluan KTM di Laluan Persekutuan I di 'Valdor' kepada empat lorong dua hala JKR standard 5 dengan jarak satu kilometer.

Projek yang kedua, memperelok persimpangan termasuk membina jejambat di Lintasan Kereta Api di Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Skop projeknya membina jejambat melintasi laluan KTM di Laluan Persekutuan I, di pekan Nibong Tebal menaik taraf jalan kepada empat lorong dua hala JKR R5 sejauh satu kilometer dan memperelokkan persimpangan sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, projek yang ketiga, memperelok persimpangan di Laluan Persekutuan I dan Jalan Valdor Tasek di Valdor Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.

Skop ini memperelok persimpangan dari Laluan Persimpangan I ke Jalan Tasek dan melebar satu jambatan. Projek telah dimulakan pada 17 Januari 2000, dijangka siap pada 16 Januari 2003. Projek ini telah ditawarkan kepada satu kontraktor iaitu Syarikat Lahasan Construction Sdn. Berhad di bawah satu kontrak dengan harga RM148 juta untuk ketiga-tiga projek ini.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Menteri yang sungguh rajin, walaupun ada sibuk-sibuk di kawasan Lunas sana. *[Ketawa]* Ini satu amalan yang baik. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, cukup.

**Tuan Lim Hock Seng:** Memberi jawapan dengan cukup terang. Kita tanya di sini Jalan Tasek, dia sampai Nibong Tebal, sampai *bounder* sekali dia *answer*. *[Disampuk]* Bagus, syabas. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Boleh duduk Yang Berhormat. Cukuplah.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jangan keluar dari soalan asal. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Hock Seng:** Sikit-sikitlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sikit-sikit pun tidak boleh. *[Disampuk]*

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, kalau saya baca soalan ini, walaupun saya bukan kawasan sana tetapi selalu saya ada pergi sana. Antara Jalan Tasek dengan Simpang Empat, Simpang Tiga dan jalan ini Jalan Persekutuan. Jalan Tasek, jalan negeri saya bersetuju, tetapi jalan besar ini yang dahulu kami dari Butterworth hendak datang ke Kuala Lumpur mesti lalu pekan Simpang Empat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Hey, ucapkanlah ini?

**Tuan Lim Hock Seng:** Tempat itulah menyebabkan kesesakan lalu lintas. Sebab dua-dua tepi ada kedai yang lama - kawalan sewa. Jadi, apakah Kerajaan boleh meluaskan Simpang Tiga di Jalan Tasek dengan Simpang Empat itu supaya kereta-kereta hendak membelok masuk ke Jalan Tasek itu tidak payah tunggu di tengah-tengah jalan dan kereta-kereta di belakang kadang-kadang kena *queue* sepanjang 1 kilometer. Jadi, saya mintalah Yang Berhormat kalau tidak sedia pada masa sekarang, tolong kajikan perkara ini dan membuat sesuatu. Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan meminta Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya untuk mengkaji kawasan yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi dan selepas itu saya akan memberi jawapan kepada Yang Berhormat melalui surat. Terima kasih.

**Tuan Wan Nik bin Wan Yussof:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *[Disampuk]* Mengenai jejambat yang melintasi landasan kereta api, saya mohon sedikit penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Menyampuk]*

**Tuan Wan Nik bin Wan Yussof:** Apa hey, hey, tidak selesai lagikah?  
*[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Wan Nik bin Wan Yussof:** Rompin kena penyakit apa pagi ini.  
*[Ketawa]* Adakah pihak Yang Berhormat Menteri menerusi KTM dapat mengenal pasti semua jalan atau landasan kereta api yang melintasi jalan-jalan utama ini perlu dibina jejambat untuk memudahkan laluan orang awam. Satu.

Yang kedua, .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payah. Sudah keluar tu, saya bagi satu cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Wan Nik bin Wan Yussof:** Jejambat maksudnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, jejambat, tetapi ini khusus untuk Jalan Tasek. Cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff:** Okay. Terima kasih. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya. Hanya perancangan untuk keseluruhan. Menteri fahamlah tu. Terpulang kepada Menteriilah.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang mengkaji beberapa tempat landasan kereta api, ada juga kita mengambil tindakan dan juga separuhnya dalam perancangan sekarang. Saya percaya jikalau Ahli Yang Berhormat memberitahu mana satu kawasan, kita boleh membuat kajian balas. Terima kasih.

4. **Tuan Lee Kah Choon [Jelutong]** minta Perdana Menteri menyatakan setakat ini sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan sistem berkomputer di mahkamah-mahkamah di negara kita.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, pengkomputeran dan teknologi maklumat telah pun diperkenalkan di mahkamah-mahkamah seluruh negara sejak awal tahun 1990-an lagi. Setakat ini sebanyak 501 unit sistem mikro komputer dibekalkan kepada mahkamah-mahkamah seluruh negara.

Selain dari ini, Kerajaan pada ketika ini sedang menguruskan pembekalan sebanyak 400 unit komputer peribadi tambahan khusus untuk kegunaan para hakim dan pegawai-pegawai kehakiman. Pembekalan ini dijangka selesai sebelum akhir tahun ini. Para hakim, pegawai dan kakitangan mahkamah juga diberi latihan asas dalam bidang teknologi maklumat dari masa ke semasa.

Satu sistem kewangan juga telah diwujudkan untuk kutipan hasil dan deposit mahkamah. Sistem ini digunakan untuk memungut hasil, merekod, menyelenggara dan menyesuaikan akaun-akaun hasil dan amanah mahkamah.

Usaha-usaha pengkomputeran dan teknologi maklumat setakat ini telah membantu dalam melicinkan kerja-kerja harian di mahkamah serta meningkatkan keupayaan para hakim untuk membuat rujukan melalui Internet dan hubungan melalui e-mel. Secara umum, usaha-usaha tersebut telah meningkatkan keupayaan dan produktiviti mahkamah.

Kerajaan mempunyai satu rancangan jangka panjang untuk meningkatkan keupayaan Pentadbiran Kehakiman melalui pengkomputeran dan penggunaan teknologi maklumat. Di bawah rancangan ini, akan diwujudkan satu sistem pengkomputeran yang menyeluruh dan bersepadu, merangkumi semua aktiviti utama mahkamah. Aplikasi-aplikasi yang dicadang untuk dibangunkan di bawah sistem ini



termasuklah sistem merekod keterangan perbicaraan, sistem pengurusan kes dan aplikasi-aplikasi pentadbiran undang-undang dan pengurusan mahkamah yang berkaitan. Terima kasih.

**Tuan Lee Kah Choon:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. saya mendapati bahawa banyak sistem asas iaitu *fundamental*, dengan izin, mahkamah seperti sistem *filing* masih menggunakan sistem *pigeon hole*, dengan izin, dan menyemak maklumat-maklumat mahkamah seperti surat kuasa, masih secara *manual*. Soalan tambahan saya ialah bagaimana mahkamah-mahkamah kita dapat mencapai visi masyarakat maklumat jikalau sistem-sistem asas iaitu *fundamental* ini yang disebutkan tadi masih dilaksanakan secara *manual*. Sekian.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah nyatakan bahawa kita mempunyai perancangan jangka panjang. Kerajaan telah pun meluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM20 juta bagi melaksanakan sistem di atas secara printis di mahkamah-mahkamah tertentu di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan Selangor. Jika terlaksana program ini, maka penyimpanan fail berpusat akan dapat kita wujudkan di mana semua bentuk maklumat akan disimpan di satu tempat di mana kesemua pegawai-pegawai di Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan dapat akses kepada fail-fail berkenaan. Dengan adanya penyimpanan fail berpusat ini maklumat-maklumat tidak akan hilang dan keselamatan adalah terjamin. Dan insya-Allah, kita akan laksanakan program ini. Terima kasih.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dimaklumkan bahawa kes-kes *ex parte* ataupun *non contentious cases* akan dilaksana menerusi e-mel tidak berapa lama lagi. Soalannya, *preparation* sudah diberitahu oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Persoalan saya ialah apakah mekanisme ataupun cara supaya dokumen-dokumen diselenggara menerusi e-mel itu dapat dijaga *confidentiality*nya. Terima kasih.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya yakin jika sesuatu program yang baru kita perkenalkan sudah tentu kita akan menjalankan dengan sebaik mungkin. Dan segala keraguan Yang Berhormat nyatakan tadi, kita akan pastikan supaya ianya tidak akan berlaku. Dan, kalau ini berlaku sudah tentu pihak yang *injured party* sudah tentu akan mengemukakan saman pula kepada pihak kerajaan jika menyebabkan rahsia-rahsia mereka ini diketahui umum. Terima kasih.

5. **Tuan Zawawi bin Haji Ahmad [Padang Terap]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah rancangan terkini kementerian untuk mengatasi masalah pelupusan sampah sarap di kota-kota raya seluruh negara khususnya Bandaraya Kuala Lumpur.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah bersetuju untuk menswastakan perkhidmatan pelupusan sisa pepejal seluruh negara kepada empat wilayah konsesi berkenaan. Bagi mengatasi masalah pelupusan sisa pepejal, khususnya di kota-kota raya seluruh negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang menyelaras penyediaan dan perancangan, pelan induk pengurusan pelupusan sisa pepejal di wilayah konsesi tersebut. Pelan induk ini akan meliputi pelbagai sistem pelupusan sisa pepejal seperti pembinaan tapak pelupusan, stesen pemindahan (*transfer station*), sistem kompositer (*compositing system*) dan *incinerator*.

Kementerian ini juga telah memohon peruntukan bagi program pembangunan di kawasan pihak berkuasa tempatan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan bagi melaksanakan perancangan dan pembinaan stesen pelupusan sisa pepejal yang bersepadu di seluruh negara. Bagi melupuskan sisa pepejal di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, kementerian ini sedang menyelaras pembinaan sebuah stesen pemindahan di Taman Beringin, Jinjang Utara, dan merancang untuk membina sebuah *incinerator* di Kampung Bohol, Mukim Petaling. Sisa pepejal yang akan

dikumpulkan di stesen pemindahan di Taman Beringin dan debu (*ash*) yang dihasilkan daripada pembakaran *incinerator* di Kampung Bohol ini akan dilupuskan di sebuah tapak pelupusan *sanitary* di Selangor.

Di samping itu, bagi membantu mengatasi masalah pelupusan sisa pepejal, kementerian ini telah merancang untuk melaksanakan program kitar semula di 29 pihak berkuasa tempatan bertaraf bandaraya, perbandaran dan empat majlis daerah. Pelaksanaan Program Kitar Semula ini akan mengurangkan jumlah sisa pepejal yang akan dilupuskan di tapak pelupusan, memandangkan sebahagian daripada sisa pepejal ini akan digunakan semula. Program Kitar Semula ini dijangka akan dilancarkan di kawasan PBT berkenaan pada awal Disember tahun ini. Sekian.

**Tuan Zawawi bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Apakah kementerian yakin bahawa dengan penswastan pelupusan sisa pepejal ini dapat menyelesaikan keadaan kebersihan di kebanyakan bandaraya yang masih belum memuaskan. Apa lagi di bandar-bandar kecil misalnya, kadang-kadang kalau kita pergi ke bandar-bandar kecil, kebersihan memang tidak memuaskan langsung, busuk.

Jadi, oleh yang demikian, saya minta penjelasan daripada pihak kementerian, apakah dengan cogan kata, yang kadangkala saya pun keliru cogan kata itu, seperti mana, 'Rakyat Bersih Negara Sihat'. Cogan kata ini adakah dapat mempengaruhi, satu. Yang kedua, adakah cogan kata ini sudah dirujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, betulkah ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini melarat cogan kata pula ni, Yang Berhormat.

**Tuan Zawawi bin Haji Ahmad:** Tidak, sebab itu ada berkaitan dengan kebersihan. Jadi, hendak bagi rakyat bersih, buat satu cogan kata 'Rakyat Bersih Negara Sihat'. Yang sihat itu rakyat sepatutnya. Jadi, saya minta penjelasan 'Negara Sihat' macam mana?

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kalau kerajaan tidak yakin projek penswastan pelupusan sisa pepejal ini akan berjaya, kita tidak mungkin hendak melaksanakannya. Oleh sebab kita yakin program ini adalah lebih elok, lebih berkesan daripada sistem yang digunakan sekarang maka kita ambil masa untuk kaji sepenuh-sepenuhnya penswastan sisa pepejal. Buat masa sekarang, memang kerajaan akan melaksanakannya dan kita boleh lihatlah pada masa sekarang di kota-kota yang besar ini, yang diambil alih oleh pihak konsesi ada juga kesan-kesan yang kita nampak atau kaedah-kaedah yang digunakan oleh pihak syarikat konsesi.

Mengenai cogan kata yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, ini memang telah lama digunakan, 'Rakyat Bersih Negara Sihat'. Cogan kata ini sudah diamalkan dalam Program Bersih dan Indah di seluruh negara dan kita nampak tidak ada masalah setakat ini, hanya disoalkan oleh Yang Berhormat sahaja. Sekian.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, pada pengetahuan saya, dalam perjanjian penswastan atau konsesi, pelupusan sampah sarap atau sisa pepejal pada masa kini, syarikat konsesi itu misalnya Alam Flora di Selangor tidak mengambil sisa industri (*industrial waste*), walaupun sampah toksik atau sisa toksik ditangani oleh suatu syarikat tertentu tetapi sisa industri biasa memang tidak ada satu sistem yang memuaskan. Kadang-kadang pelupusan sampah terpulung kepada individu pengilang.

Jadi, masalah timbul bila kontraktor yang mereka ambil itu tidak bertanggungjawab dan membuang sisa industri ini bukan di satu tapak yang ditentukan tetapi di merata tempat dan di tepi jalan untuk menjimatkan kos pengangkutan. Jadi, apakah cadangan daripada kementerian Yang Berhormat untuk menyelesaikan masalah ini. Dan pada masa yang akan datang ini adakah kementerian

akan membuat sesuatu keputusan supaya pelupusan sisa industri ini dimasukkan dalam perkhidmatan penswastaaan ini. Ini sahajalah, terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat kerana menghuraikan perkara sisa dari pihak industri atau pihak komersial, yang kita sebutkan *commercial waste*, dengan izin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *commercial waste* ini memang boleh dilupuskan kepada tapak-tapak pelupusan yang sedia ada yang dikendalikan oleh pihak berkuasa tempatan. Tetapi pihak yang mengendalikan usaha-usaha komersial ini perlu angkut atau membayar upah kepada pihak yang mengusahakan pengangkutan ini untuk mengangkut sisa ini kepada tapak pelupusan yang dikendalikan oleh pihak berkuasa tempatan. Ini tiada halangan hanya mereka kenalah buat sendiri sahaja.

Mengenai sisa-sisa yang disebut sebagai sisa toksik dari kilang ini memang ada cara-cara untuk pelupusannya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini sedang di dalam kajian dan sebenarnya pihak konsesi pun diminta kaji sama ada perkara ini atau sisa daripada *commercial waste* ini – yang disebut sebagai *commercial waste* ini boleh juga masuk di dalam perjanjian konsesi mereka. Tetapi buat masa sekarang perkara ini belum dibuat satu keputusan lagi. Sekian.

6. **Tuan Richard Riot anak Jaem [Serian]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah serta akan diambil bagi memastikan senjata api-senjata api ini tidak dibawa masuk ke negara kita memandangkan senjata api khususnya senapang angin/pump gun mudah diperolehi di Kalimantan Barat, Indonesia.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zn]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi membanteras kemasukan senjata api ke negara ini khususnya jenis senapang angin (pump gun) dari Kalimantan Barat, Indonesia. Langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- mengadakan sekatan jalan raya secara berterusan di lokasi yang strategik;
- tindakan bersepadu yang diambil oleh Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Kastam serta Jabatan Imigresen, terutamanya di pos-pos sempadan bagi mengawal kemasukan senjata api dari negara jiran;
- mendakwa sesiapa sahaja yang memiliki senjata secara haram; dan
- operasi polis dan angkatan tentera Malaysia, Operasi Awas di sepanjang sempadan dari Lundu hingga ke Lubuk Antu mulai Julai 2000.

**Tuan Richard Riot anak Jaem:** Sebelum itu saya ingin mengucap berbanyak terima kasih serta mengucap syabas dan tahniah kepada kementerian kerana telah mengambil tindakan itu. Kerana saya tahu di kawasan saya Tebedu khususnya di Kompleks Imigresen Tebedu, di sebelah Kompleks Imigresen Tebedu, di border town, dengan izin, Entekong, senjata api khususnya senapang angin boleh didapati, boleh diperolehi dengan begitu mudah. Ia dijual openly di gerai-gerai. Jadi, saya mengucap syabas dan tahniah kepada kementerian di atas kawalan ketat ini. Jadi, soalan saya selain dari mengambil tindakan-tindakan seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, adakah kementerian bercadang untuk mendirikan papan-papan tanda pemberitahuan memperingatkan kita bahawa memiliki senjata api termasuk senapang angin adalah salah di sisi undang-undang. Sekian, terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, cadangan itu adalah satu cadangan yang baik. Walau bagaimanapun, saya ingat semua rakyat mengetahui, memiliki senjata api dalam bentuk apa sekalipun

adalah satu kerja yang menyalahi peraturan dan undang-undang. Di kawasan yang berkenaan khususnya di Sarawak kerajaan telah mengambil tindakan termasuk selain daripada saya kata merampas tadi, membawa orang-orang yang berkenaan dituduh seperti mana yang saya katakan tadi, sejak tahun 1995 hingga 1999 kita telah merampas 48 senjata yang berkenaan dan telah membawa enam kes yang telah diambil dalam mahkamah. Sebahagian yang tinggal lagi akan diadakan berterusan. Sejumlah 11 orang telah ditangkap. Pada tahun 1996 - 4 orang; tahun 1997 - 1 orang; 1998 - 3 orang; 1999 - 4 orang.

Bagi menyahut seruan Yang Berhormat ini saya akan memaklumkan kepada pihak PDRM dan juga pihak pentadbir tempatan untuk mengadakan siaran ataupun flyer bagi rakyat tempatan mengetahui. Sesungguhnya kerja ini bukan sahaja dikerja oleh rakyat tempatan, kita yakin juga daripada tangkapan-tangkapan yang saya sebut tadi adalah keseluruhannya orang-orang Indonesia, bukan orang-orang keturunan rakyat Malaysia. Sekian.

**Tuan Joseph Mauh anak Ikeh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya berkenaan dengan senapang patah di negeri Sarawak juga. Saya telah difahamkan lebih kurang 60,000 laras senapang patah yang ada lesen kepunyaan bumiputera Sarawak terutamanya dipunyai oleh para petani dan pekebun kecil di luar bandar, dan kebanyakan senapang patah ini sekarang telah rosak dan tidak dapat digunakan oleh para petani untuk menjaga ladang dan kebun mereka daripada perosak binatang buas yang merosakkan tanaman mereka. Setakat ini Kerajaan Negeri Sarawak belum membenarkan untuk para petani membeli senapang yang baru sebagai ganti senapang yang telah rosak. Soalan saya, adakah kerajaan akan memberi permit kepada syarikat atau perseorangan yang mahir sebagai mekanik untuk membaiki senapang yang telah rosak itu? Sekian, terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, menjadi kebiasaan sesiapa sahaja yang memegang senjata api ini mestilah bersama-samanya mempunyai lesen, membawa dan mengguna. Oleh sebab itu, kalau terdapat kerosakan bagi senapang-senapang patah yang berkenaan, ini bagi yang lain-lainlah, yang 'patah' ini bukan patah kerana tak boleh guna, memang ia dipanggil 'senapang patah'. [Ketawa] Kalau sudah rosak, satu daripada tindakannya hendaklah dimaklumkan kepada pihak yang mengeluarkan lesen ini. Dan pihak yang mengeluarkan lesen ini akan melihat sama ada ianya masih boleh digunakan ataupun sepatutnya mesti dimansuh atau dikondem terus.

Saya tidak dapat mengetahui bagaimana kerajaan negeri Sarawak menyekat daripada untuk membeli senapang yang baru. Tetapi pada dasarnya sekiranya kita ada lagi mempunyai senapang yang berkenaan sememangnya kita tidak dibenar untuk membeli senapang yang lain, kecuali kita memohon melalui prosedur yang tertentu menyatakan bahawa senapang kita telah dikondem, telah tidak boleh digunakan dan pihak pengawasan yang mengeluarkan lesen ini mengesahkan senapang itu tidak boleh digunakan tetapi hendaklah beringat dalam siri mengemukakan keadaan senapang yang tidak sempurna ini janganlah lupa membawa lesen yang sama.

Sekiranya mereka mengemukakan bantahan ataupun keterangan ini tanpa membawa lesen yang sama, orang yang memegang senjata api ini akan menghadapi satu masalah lain iaitu menyimpan senjata tanpa lesen. Dan setelah disahkan bahawa perkara ini tidak boleh digunakan, bermakna pemegang senjata api ini tidak berguna menyimpan senjata di rumah mereka. Proses permohonan untuk mengganti membeli yang lain, ini hendaklah dikemukakan. Saya minta Yang Berhormat kalau dapat berhubung terus dengan saya nama-nama pemegang senjata api patah dan tak boleh digunakan terus ini untuk saya berurusan terus dengan pegawai yang mengeluarkan lesen yang berkenaan ataupun terus dengan Polis Diraja Malaysia.

7. **Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian khususnya dari aspek perundangan di dalam usaha mengurangkan kegiatan penyebaran fitnah melalui internet.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Rompin bersekali dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Selangor pada 14 Disember 2000 kerana isu yang dibangkitkan adalah perkara yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya kerajaan tidak membuat tapisan ke atas bahan-bahan dalam Internet. Walau bagaimanapun, pengguna-pengguna Internet tidak boleh menyebarkan kandungan yang berunsur fitnah atau berita palsu dan jelik. Dari segi perundangan seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 jelas memberi peruntukan bagi tindakan undang-undang yang boleh diambil terhadap mereka yang menyebarkan kandungan yang berunsur fitnah ataupun berita palsu di mana jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali. Selepas pensabitan itu jika mereka terlibat melakukan kesalahan lagi mereka boleh didenda selanjutnya RM1,000 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan.

Selain itu, pendekatan lain yang diambil oleh kementerian ialah melalui langkah-langkah pencegahan. Antara usaha yang akan diambil ialah untuk mengadakan kod kandungan, dengan izin, content code yang akan diwujudkan secara rundingan melalui forum kandungan, dengan izin, content forum. Secara jangka panjang, usaha-usaha melalui pendidikan masyarakat akan dimajukan untuk memberi kesedaran kepada pengguna khususnya generasi muda supaya bijak memilih dan menggunakan maklumat seperti perkhidmatan yang diberi melalui Internet.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana telah memberikan jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa ada peruntukan-peruntukan undang-undang boleh diambil tindakan kepada mereka yang menyalahgunakan Internet ataupun talian laluan data-data yang lain dalam komunikasi kita terutama sekali dari segi penyebaran fitnah, saya mengucapkan syabas. Ini saya minta dari segi pelaksanaan macam mana, sebab kadangkadangkang sebelah sana dia double standard, dia akan tuntutan kata Islam mahu, kita minta dia kata tapisan. Tetapi hendak menyebar fitnah dia kata tak apa.

Saya beri contoh, dalam Internet HTTP/www.Shahrizan.Demon.Couk. Surat khabar kata 'not' - n-o-t- *The Straits Times*: "To reason Malaysia to promote special hostage holiday package", ini sudah fitnah. Not *The Straits Times*. Ia berlawanan dengan *Straits Times* - n-o-t. Selepas itu "Tourism Malaysia to promote special hostage holiday package", ini fitnah.

Soalan saya, kalaulah kita betul-betul tekad dan mahu betul menjaga keamanan Malaysia, menjaga supaya tidak ada warganegara Malaysia difitnahkan. Dan kita tahu juga, soalan saya, adakah dari segi pelaksanaannya, di Barat pun ada langkah-langkah usaha untuk menghalang child pornography. Standard di Barat child pornography itu dikutuk dan diambil tindakan. Di Malaysia sepatutnya diambil tindakan kepada semua jenis pornography dan semua jenis fitnah. Tak tahulah.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, soalnya Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Soalan saya, bila lagi kita hendak ambil tindakan. Adakah kita takut kerana sebelah sana. Sebelah sana akan guna apa juga untuk kepentingan politik mereka, bukan kepentingan rakyat Malaysia, kepentingan politik dia sebenarnya. Barisan Nasional yang menjaga membela negara kita, rakyat Malaysia. Minta satu jaminan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bila lagi kita hendak ambil tindakan. Beri jaminan kita akan ambil tindakan tentang perkara ini.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, jaminan bahawa tiada tapisan di dalam Internet pun telah diadakan di dalam abuse of guarantee di dalam MSC. Kerajaan sedar memang ada banyak website di mana berita palsu dan fitnah-fitnah dan berita yang memburukkan imej negara wujud di banyak website dan kebanyakan website ini diadakan di negara asing khususnya di Amerika Syarikat. Setakat ini kerajaan masih memantau keadaan dan tindakan belum dijalankan. Segala fitnah ini banyaklah dari pihak-pihak....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Setiausaha Parlimen menjawablah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak bolehlah Yang Berhormat minta macam ini, tak usahlah Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat, ini tak betul.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Soal 'masih', apa masih, benda berlaku, ambil tindakan sahajalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya fahamlah Yang Berhormat. Duduklah. Yang Berhormat bagi Rompin hanya tanya adakah caranya hendak membuat sama ada orang yang kena fitnah membuat laporan polis dan sebagainya itu biasalah. Yang saya kira macam itulah. Ya, Bandau.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi menyentuh soal content code dan content forum. Adakah peraturan-peraturan bagi perkara ini telah siap dikemas kini. Adakah ini nanti di bawah perlindungan Akta Komunikasi dan Multimedia juga. Seterusnya setakat ini memandangkan apa yang disebut semua tadi itu berapa telah didakwa di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia di bawah seksyen 223? Terima kasih.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, penubuhan satu forum kandungan atau content of forum adalah di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia. Setakat ini rundingan telah dijalankan dengan semua pihak yang berkaitan dengan industri multimedia khususnya perisian atau kandungan dan satu draf kod kandungan atau content code telah pun diadakan dan masih dalam perundingan supaya ini dapat diterima oleh semua stake holders dalam industri multimedia dan komunikasinya. Sehingga sekarang sejauh yang saya tahu tidak ada tindakan atau kes yang diambil di bawah seksyen 233 di bawah akta ini.

8. **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kedudukan rompak bersenjata, kongsi gelap dan kecurian kecil sepanjang tahun 1998, 1999 dan 2000 dan bilangan perompak yang dibunuh oleh polis.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan kes samun bersenjata, kes kongsi gelap, kecurian kecil dan bilangan penjenayah yang telah dibunuh oleh polis sepanjang tahun 1998, 1999 dan 2000 iaitu dari Januari hingga September adalah seperti berikut:

Bagi kes samun senjata api sejumlah 2,194 kes telah dilaporkan, iaitu melibatkan pecahan sebanyak 805 kes bagi tahun 1998; 774 kes - 1999; dan 605 kes - 2000.

Bagi kes kongsi gelap, sejumlah 292 kes telah dilaporkan, iaitu melibatkan 125 kes - 1998; 97 kes - 1999; dan 70 kes - 2000.

Bagi kes kecurian kecil pula sejumlah 159,545 kes telah dilaporkan iaitu melibatkan 58,610 kes - 1998; 58,953 kes - 1999; dan 41,982 kes - 2000.

Berdasarkan kepada ketiga-tiga ini terdapat bahawa penurunan yang ketara sehingga tahun 2000 ini. Sementara itu jumlah penjenayah yang telah ditembak mati oleh polis bagi tahun 1998 hingga 2000 adalah seramai 78 orang, iaitu 27 orang - 1998; 26 orang - 1999; dan 25 orang - 2000. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

**Tuan Fong Kui Lun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidak lama dulu Polis Diraja Malaysia ada menyatakan untuk menyasiat dan menyediakan laporan mengenai kes-kes yang dianggap kesilapan polis menembak mati orang ramai, yang disyaki sebagai perompak atau mereka secara kebetulan berada bersama perompak yang banyak dilaporkan oleh waris-waris mereka, tetapi tidak diambil tindakan. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengapakah sehingga sekarang tidak ada satu laporan tersebut dan tindakan diambil ke atas anggota yang cuai ini. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Dalam masalah ini kalau Yang Berhormat tahu kes yang berkenaan saya percaya bukan sahaja keluarga tahu, orang ramai pun tahu. Polis tidak dapat menutup kalau ianya benar ataupun kalau ianya salah. Kebenaran atau kesilapan di atas tindakan sama ada penjenayah ataupun pihak polis hanya boleh ditentukan di dalam mahkamah. Kalau perkara ini belum lagi kepada mahkamah dengan tindakan-tindakan yang perlu diambil oleh pihak AG ataupun pihak pendakwa dan pihak polis sendiri sudah tentulah ianya tidak dapat dilaporkan kepada orang ramai. Itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

**Tuan Chang See Ten:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri huraikan tentang pelaksanaan *centralize monitoring system* supaya dapat mempertingkatkan keberkesanan untuk menjaga keselamatan terutama di kawasan taman-taman perumahan. Memandangkan anggota polis masih kurang bagaimana pandangan Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri tentang pengwujudkan jawatankuasa police komuniti supaya dapat kerjasama daripada pemimpin komuniti di kampung-kampung dan taman-taman supaya sama-sama berusaha untuk mempertingkatkan keselamatan di taman-taman dan kampung-kampung. Sekian, terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Ini satu soalan yang saya rasa sangat perlu disedari oleh semua pihak. Bahawa tanggungjawab keselamatan negara ini bukan hanya kepada pihak pasukan bersenjata ataupun pasukan Keselamatan Dalam Negeri sahaja. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyaran pada bulan yang lepas untuk mengawal ataupun menjaga keselamatan di kawasan perkampungan dan perumahan adalah baik sekiranya mendapat kerjasama daripada semua pihak. Di dalam kampung, Jawatankuasa Kemajuan Kampung, di kawasan perumahan rukun tetangga dan kerjasama antara orang kampung dengan Rela dan sebagainya adalah diperlukan.

Pihak polis sentiasa memberi kerjasama dan saya mengambil kesempatan ini untuk Ahli-ahli Yang Berhormat memaklumkan kepada kawasan masing-masing sama ada daripada Jawatankuasa Keselamatan Kampung, Jawatankuasa Rukun Tetangga, Jawatankuasa Kebajikan, Jawatankuasa Masjid dan Surau ataupun rumah-rumah ibadat sentiasa mempunyai satu talian, nombor talian terus dengan pejabat polis yang berdekatan. Apabila berlaku keadaan yang tidak sempurna, kecurian, rompakan pembunuhan dan sebagainya. Pada waktu-waktu yang tertentu yang mana pasukan polis tidak lalu di kawasan yang berkenaan kebiasaannya polis ada membuat rondaan di kawasan-kawasan perumahan.

Pada kali ini polis juga ada membuat rondaan di kawasan dalam kampung tetapi seperti kata Yang Berhormat kita hanya ada lebih kurang 82,000 orang tenaga polis dalam negara kita ini berbanding dengan 22 juta penduduk dalam negara ini, beratus ribu pula perkampungan dan kawasan perumahan sudah tentulah rondaan ini tidak dapat dibuat sehingga tahap memberi kepuasan kepada penduduk di kawasan perumahan dan perkampungan. Oleh sebab itu saranan saya tadi supaya kita ada talian terus maka jika berlaku perkara-perkara seperti ini penduduk yang berkenaan

hendak lah memaklumkan kepada pihak polis supaya kita yang mengambil tindakan ini tidak terdedah pula dengan keselamatan bagi diri kita sendiri.

Orang yang melakukan perkara ini biasanya mereka ada membawa senjata, sama ada senjat api ataupun senjata tajam yang lain yang boleh memudaratkan kita. Kerjasama kita sekampung, kita masyarakat perumahan dengan pihak keselamatan ini hendaklah mengadakan satu persefahaman yang baik bagi menjaga keselamatan. Kita yang mengambil tindakan, mereka yang melakukan kesalahan itu tidak terlepas atau tidak melebihi daripada kuasa-kuasa yang ada pada polis ataupun kuasa-kuasa yang tidak ada pada kita. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 9 hingga 24 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]*

### RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2001**

**DAN**

**USUL**

#### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 2001**

##### **Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2001 dan Anggaran Pembangunan 2001 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” *[Hari Pertama]*

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] *mempengerusikan Jawatankuasa* ]

**Tuan Tan Kok Wai:** Peraturan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Peraturan yang ke berapa Yang Berhormat?

**Tuan Tan Kok Wai:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada peraturan mesyuarat 66(5). Tuan Pengerusi, menurut peraturan selebih-lebihnya 18 hari hendaklah diberikan untuk perbahasan belanjawan di peringkat Jawatankuasa. Menurut satu notis mesyuarat yang dikeluarkan oleh Dewan Rakyat sungguhpun 14 hari diperuntukkan, ini sudah berkurangan dan kurang memuaskan. Tetapi apabila saya meneliti jadual giliran kementerian perbahasan di peringkat Jawatankuasa hanya 12 hari diperuntukkan. Ini bermakna 2 hari lagi dikurang daripada sepatutnya 14 hari dan sepatutnya 18 hari menurut peraturan mesyuarat.

Saya memandang perkara ini sangat serius kerana pada awal tahun ini apabila Dewan Rakyat yang baru bersidang bagi kali pertama....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya faham Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tempoh pun sudah dikurangkan, misalnya hari ini ya, dua kementerian termasuk Jabatan Perdana Menteri. Jabatan Perdana Menteri biasanya diberikan satu hari sungguhpun sepatutnya dua hari diberikan untuk Jabatan Perdana Menteri kerana begitu banyak Kepala dan Butiran untuk dibahas hanya setengah hari untuk satu kementerian besar.



**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat. Saya faham, ini buang masa banyak ini.

**Tuan Tan Kok Wai:** Ini satu perkara yang serius, sebab Parlimen direndahkan, diperkecil-kecilkan. Seolah-olahnya perbincangan di atas belanjawan tidak penting langsung.

**Seorang Ahli:** Rubber stamp

**Tuan Tan Kok Wai:** Dijadikan rubber stamp sahaja

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Janganlah katakan rubber stamp itu Yang Berhormat. Nampaknya Ahli Yang Berhormat sudah bercakap semua, kemudian berulang-ulang.

**Tuan Tan Kok Wai:** Kami datang ke sini bukan main-main. Kami datang ke sini untuk menjaga kepentingan rakyat bukan menjaga kepentingan Barisan Nasional.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat. Menjaga kepentingan semua ini. Duduklah Yang Berhormat, duduk.

**Tuan Tan Kok Wai:** Bukan saya hendak minta penjelasan

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yalah saya hendak beri penjelasanlah. Benda ini saya mengikut keputusan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Okay, okay saya tunggu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini bukan perkara hendak dibahaskan. Memangnya sekurang-kurangnya tidak lebih daripada 18 hari. Bermakna kalau kurang daripada 18 hari memang perkara pertimbangan biasa. Kita telah diputuskan supaya kita bersidang untuk Jawatankuasa ini hanya 12 hari. Memang diarahkan kepada pihak Parlimen supaya membuat 12 hari. Jadi kita patuh kepada arahan itu. Tetapi walau bagaimanapun apabila saya perhatikan apa yang kita bincangkan dalam masa dasar, kebanyakan semua perkara telah disentuh....

**Seorang Ahli:** *[Disampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Menteri-menteri menjawab pun kebanyakan perkara itu diminta penjelasan. Semua perkara yang sama. Saya kira apabila kita Jawatankuasa ini perkara yang khusus mungkin banyak perkara itu yang akan diulang kembali. Tetapi jikalau sekiranya ada perkara lain yang baru memang ada peluang bagi Yang Berhormat untuk membukakan soalan kepada menteri-menteri yang berkenaan. Jadi pada perkiraannya memang perkara Yang Berhormat hendak sampaikan baik semua apa tidak kira pada mana-mana memang Yang Berhormat berhak boleh menyampaikan tetapi saya minta kepada perkara-perkara yang khusus, sebab ini dalam Jawatankuasa. Itu dia Yang Berhormat. Jadi itu sudah keputusan Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Pengerusi, ini penjelasan Yang Berhormat Tuan Pengerusi memang tidak benar sekali misalnya apabila saya berbahas dalam peringkat dasar ucapan saya sepatutnya sekurang-kurangnya 1 jam tetapi saya dikurangkan berucap hanya 15 minit.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yalah kita mana tahu orang ini hendak 15 minit, orang ini hendak 1 jam, 2 jam. Tapi kita tidak tahu...

**Tuan Tan Kok Wai:** Tetapi Tuan Pengerusi, kata hampir semua hendak berucap telah pun berucap di peringkat dasar.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yalah kebanyakannya begitu Yang Berhormat, banyak yang berulang-ulang.

**Puan Chong Eng:** Mana ada berulang-ulang

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jadi kita sudah tinjau. Cukuplah Yang Berhormat itu penjelasan saya.

**Tuan Tan Kok Wai:** Adalah tidak adil bagi Tuan Pengerusi....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya tidak tahulah adil atau tidak adil, saya tidak tahu. Tetapi pada keseluruhannya memang ramai yang banyak bercakap.

**Tuan Tan Kok Wai:** ....memberi komen bahawa perkara-perkara yang akan dibincangkan, diulang-ulang lagi. Tuan Pengerusi mempersoalkan mutu perbincangan dalam Dewan ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat duduklah Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Memang banyak masa dibuang dari sana.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Itu saya tidak tahu, cukup Yang Berhormat cukup.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tetapi di sini banyak perkara-perkara yang membina harus ditimbulkan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini sudah keputusan Yang Berhormat daripada pihak kerajaan

**Tuan Tan Kok Wai:** Bolehkah tempoh perbincangan di peringkat Jawatankuasa dilanjutkan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Itu terpulang kepada kita memikirkan itu Yang Berhormat biasalah itu. Kalau kita lanjutkan kita boleh lanjutkan

**Tuan Tan Kok Wai:** Lebih banyak hari boleh diperuntukkan

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kita akan fikirilah Yang Berhormat. Kita sambung sampai malam, pukul 12.00 malam. Begitu, begini, kita akan fikir Yang Berhormat. Terima kasihlah atas pandangan Yang Berhormat diambil kira. Tetapi saya hendak bayangkan bahawa dalam ucapan dasar kita di antara yang terbanyak sekali, ramai sekali bercakap kali ini.

**Seorang ahli:** Malam tadi dia pun tidak ada, cakap sahaja hendak bincang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini satu perkara yang sudah dapat kita selesaikan. Jadi itu Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Boleh saya memulakan perbincangan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Mengenai tambahan masa itu pihak majlis akan memikirkan dari masa ke semasa mengikut yang sesuai. Peraturan Yang Berhormat? Kalau tidak peraturan saya tidak benarkan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya hendak mulakan perbincangan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Belum lagi. [Ketawa]. Belum lagi, begini Yang Berhormat nanti dahulu saya sebelum.. Ya minta Timbalan Menteri dahulu.

#### 11.14 pagi

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM44,939,410,180.00 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2001 di bawah Maksud Bekalan B.1 hingga B.51 bagi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM28,836,348,460.00 yang diperuntukkan dalam

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2001 di bawah Maksud Pembangunan P.7, P.8, P.14, P.16, hingga P.28, P.31, P.33 hingga P.37, P.39, P.40 dan P.42 hingga P.52 bagi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan seperti yang ditunjukkan dalam buku Anggaran Perbelanjaan dan Belanjawan Program dan Prestasi 2001 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 2000 dijadikan anggaran perbelanjaan. Saya tidak berhajat untuk memberi ucapan yang panjang dalam peringkat Jawatankuasa ini kerana huraian tujuan-tujuan utama mengenai peruntukan anggaran perbelanjaan yang dicadangkan itu telah pun dibuat dalam ucapan Belanjawan pada 27 Oktober 2000 yang lalu. Di samping itu penjelasan-penjelasan lanjut mengenai peruntukan anggaran ini boleh didapati dalam penyata daripada Kementerian Kewangan mengenai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2001 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15 Tahun 2000. Tuan Pengerusi, saya mohonkan mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:** Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muham ad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana kita hendak ramai yang boleh dapat mengambil bahagian sebab perkara ini Jawatankuasa perkara yang khusus. Jadi kita benarkan sepuluh minit tiap-tiap seorang. *[Disampuk]* Sebab kita ini perkara khusus. Memang kalau seorang itu hendak menyentuh boleh tetapi kalau balik kepada dasar sudah tentu perkara ini berlarutan. Kita hendak ramai supaya dapat mengambil bahagian. Mungkin tiap-tiap kementerian maka kita tetapkan setiap orang sepuluh minit.

**Maksud B.1 hingga B.13 [Jadual] -  
Maksud P.7 dan P.8 [Anggaran Pembangunan 2001] -**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat kepala Bekalan B.1 hingga B.13 dan kepala Pembangunan P.7 dan P.8 di bawah anggaran perbelanjaan yang tidak termasuk di bawah kementerian-kementerian dan Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. *[Beberapa Ahli Yang Berhormat bangun]* Ya, saya bagi ini ...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sri Gading.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Pendang, Pendang. Kadangkala saya minta maaf. Kadang-kadang kalau duduk belakang begitu saya tidak berapa perasan. Pendang. Minta Pendang.

**11.16 pagi.**

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamuala ikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Saya ingin menyentuh beberapa butiran dari P.1 sehingga P.7 dan juga butiran pembangunan dalam beberapa butiran.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan mesyuarat]***

Mulai dengan butiran pertama Parlimen. Satu, saya dapati seolah-olah kebebasan Parlimen ini sudah tergugat dengan jawapan yang diberi oleh Tuan Pengerusi tadi bahawa Parlimen menerima arahan dalam menentukan hari-hari persidangan pun sedangkan kita mempunyai peraturan Dewan dan peraturan Majlis dan kita juga berpandu kepada Perlembagaan yang meletakkan Parlimen sebagai institusi yang tertinggi sekali. Sepatutnya Parlimenlah yang menentukan tempoh perbahasan bagi sesuatu agenda yang dikemukakan bagi melambangkan kewibawaan dan kebebasan Parlimen. Hujah-hujah yang dikemukakan oleh Tuan Pengerusi bahawa ahli-ahli Parlimen telah mengambil bahagian yang luas dalam perbahasan peringkat dasar itu tidak dapat diterima kerana semua kita tahu apa perbahasan itu pun tidak seluas yang diharapkan sehingga pada akhirnya hanya diperuntukkan sepuluh

hingga lima belas minit sahaja sedangkan perkara-perkara yang hendak dibahas walaupun disebutkan berulang tetapi dalam konteks yang berlainan dan dalam pandangan sudut yang berlainan. Jadi sebab itu saya mengharapkan satu kajian mengenai dengan peraturan-peraturan tetap persidangan ini dibuat dikaji semula dan kebebasan yang lebih diberi kepada Parlimen. Dan juga Parlimen harus memikirkan tentang keselamatan ahli-ahli Parlimen pada waktu ini kerana sudah wujud budaya samseng di kalangan ahli-ahli UMNO yang telah ditunjukkan...

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** 36(6), 36(6)...

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ..yang telah ditunjukkan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ada peraturan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Point of order 36(6) Pendang, point of order Pendang. Saya menghormati Ketua Pembangkang tetapi standard ustaz Yang Berhormat tolonglah jangan sampai yang belakang itu. Yang under the belt menuduh kita samseng. It is not under the belt DAP? [*Disampuk*]. Ya, saya rasa saya minta tarik dulu tuduh kami UMNO. Saya rasa yang samseng sebelah sini. [*Menunjukkan kepada barisan pembangkang*]. Kalau tidak tarik saya tuduh samseng.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya belum selesai lagi Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Lebih baik Yang Berhormat ...

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kalau tidak saya tuduh on record samseng belah sana.

**Seorang Ahli:** Pendang samseng.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Rompin. Duduk, duduk.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya minta Yang Berhormat tarik diri. Saya bersetuju merayu kita ikut peraturan kita bersetuju. Tetapi menuduh ini standard apa ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya bersetujulah tidak eloklah kita gunakan ...

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya kata saya tuduh. Semua PAS samseng.

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:** Tuan Speaker, Dato', Dato', semalam ...

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Semua PAS samseng.

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:** Semalam Tuan Speaker telah memberitahu buat ruling ini telah berlaku ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Satu, satu.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya tidak pernah ganggu Dewan.

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:** Semalam Tuan Speaker sudah buat Dato'.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Biarlah kalau..

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:** Semalam Tuan Speaker sudah buat ruling. Menyebut parti tidak apa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ada pula tuduh parti tidak apa.

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:** Semalam sudah buat ruling, semalam.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ahli Parlimen UMNO dituduh di sini samseng.

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:** Yang Berhormat tidak adil semalam.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Duduk, duduk.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Inikah standard yang kita tunjuk oleh parti PAS pembangkang dan kita lihat Ketua Pembangkang sendiri double standard kita tunjuk kali ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya ingin menasihatkan supaya perkataan itu tidak akan digunakan sama ada tuju kepada sesiapa pun.

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:** Kita tidak sebut spesifik nama Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Dan saya tuduh parti PAS samseng sebelah sana.

**Timbalan Yang di -Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat Rompin.

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:** Tidakapa tidak ada masalah.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini samseng, samseng belakang ini. Saya minta Dato' Ketua Pembangkang balik kembali kepada Dewan yang mulia, bercakap dengan satu kematangan sebagai Ketua Pembangkang janganlah Ketua Pembangkang menuduh membawa satu contoh yang tidak baik 36(6).

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Pengerusi, saya menyebutkan ini kerana sudah terbukti..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ..sudah terbukti dalam peristiwa yang berlaku di dalam Dewan Undangan Negeri Selangor...

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Apa kena-mengena Selangor?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini Dewan Parlimen ini Dewan yang mulia.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya menyebutkan bahawa Parlimen dan Dewan Undangan Negeri kerana kebimbangan kerana budaya seperti itu perbuatan seperti itu dijadikan budaya dan amalan ahli-ahli Dewan Negeri kita sangat bimbang kalau ianya menjangkiti di Parlimen ini.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tetapi saya minta Tuan Pengerusi ruling 36(6). Kami bersetuju di sini supaya kita adakan budaya yang baik tetapi jangan menuduh kami ahli Parlimen UMNO samseng.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Siapa yang menumbuk siapa? Siapa yang menempeleng siapa di Dewan Undangan Negeri?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Semua, semua...

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini Dewan sana bukan Dewan sini..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Menuduh di sini.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Perbuatan sebegini mencemarkan Dewan Perundangan, mencemarkan badan legislative ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kedua-dua Yang Berhormat sila duduk. Sila duduk Yang Berhormat. Sila duduk. Saya telah membuat keputusan dan memberi nasihat kepada semua supaya semua perkataan tidak senonoh yang tidak elok supaya tidak akan digunakan dan saya juga menasihati kepada Yang Berhormat bagi Pendang elok jugalah perkataan samseng ini tuju kepada sesiapa pihak pun tidak akan digunakan. Teruskan.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tidak apa akan datang saya tidak akan gunakan. Saya akan cari istilah yang lain. *[Ketawa]*.

**Puan Chong Eng:** Budaya pukul orang.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Budaya pukulkah, budaya penamparkah budaya apakah. *[Ketawa]* Ini mencemarkan badan legislative Tuan Pengerusi sama ada di peringkat negeri ataupun di peringkat Parlimen. Ini harus menjadi pengajaran.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Penjelasan.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya merujuk kepada butiran 020200...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat apa?

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** ...betul dalam Dewan. Yang Berhormat negeri Selangor bukan gaduh dalam Dewan ...

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tidak bagi jalanlah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kebenaran daripada yang berucap.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Tidak dia fakta itu tidak betul. Bukan bergaduh dalam Dewan.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Pengerusi, merujuk kepada pilihan raya. Butiran 020200 mengenai menyewa pejabat pos untuk pendaftaran pemilih. Ini berlaku pada tahun ini dan dijangka sistem ini juga akan dilaksanakan untuk pendaftaran pemilih pada tahun 2001. Dan kita dapati dalam pendaftaran pemilih tahun 2000 yang dibuat hanya di pejabat pos dan tidak di buat secara lebih terbuka seperti mana amalan pada tahun-tahun yang lalu menyebabkan pendaftaran pemilih agak berkurangan dan sambutan atau respons daripada rakyat yang sudah mempunyai kelayakan untuk didaftar sebagai pemilih agak berkurangan terutama di kawasan-kawasan luar bandar khususnya lagi di kalangan pemilih-pemilih wanita.

Jadi kenapakah SPR tidak meluluskan sistem yang sudah pun dilaksanakan sebelum ini yang dirasakan lebih memberi peluang kepada rakyat yang sudah berkelayakan untuk mendaftar sebagai pemilih sekiranya mereka dapat berbuat begitu. Apakah kerana kekurangan peruntukan ataupun kerana ada satu muslihat yang tertentu yang dirancang bagi menyukarkan proses ini untuk menyekat usaha-usaha yang dahulunya dibuat diberi juga kepada parti-parti politik untuk membantu dalam proses pendaftaran pemilih ini daripada tahun 2000 dan dijangka pada tahun 2001

juga kalau mengikut peruntukan ini akan dilaksanakan dalam bentuk yang sama dan sudah tentu ini akan menyebabkan hasrat SPR untuk mendapat lebih banyak pemilih dan memberi peluang lebih banyak kepada rakyat yang sudah mempunyai kelayakan untuk memilih membuat pendaftaran dengan lebih selesa dan lebih mudah. Tidaklah perlu mereka dari kawasan pedalaman untuk turun ke pejabat-pejabat pos yang agak berjauhan untuk mendaftarkan diri mereka sebagai pemilih. Apa lagi dengan syarat-syarat yang ketat yang dibuat oleh sesetengah tempat-tempat pemilih yang memerlukan pemilih itu datang sendiri, yang memerlukan kad pengenalan itu mestilah kad pengenalan yang asli dan tidak menerima dokumen-dokumen yang lain dan ini sangat menyulitkan. Saya harap SPR perlu kembali semula kepada peraturan dan pelaksanaan yang lampau iaitu membuka pendaftaran secara lebih terbuka dan mendapatkan kerjasama daripada parti-parti politik untuk turut membantu dalam proses pendaftaran pemilih ini.

Tuan Pengerusi, dalam B.7, 010500 – Biro Tata Negara dan juga dalam peruntukan P.7, 05300 – Program Khas Bina Semangat yang kedua-duanya mempunyai peruntukan sekitar RM27 juta. Walaupun Dewan ini pernah diberi penjelasan tentang motif, matlamat ...

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ada peraturan. Shah Alam..

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed :** Duduk. Tuan Pengerusi, tadi sudah buat ruling 10 minit, 37(2) sudah lebih 10 minit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat..

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed :** 37(2) tadi sudah buat keputusan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat saya tahu tugas saya, belum sampai.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Sudah lebih daripada 10 minit macam mana ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Belum sampai, belum sampai, belum sampai. Lagi ada ...

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Pengerusi, ini semua kacau daun ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ada dua minit lagi.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Pengerusi, walaupun kita telah mendengar matlamat tujuan Biro Tata Negara dan pusat bina semangat ini tetapi dalam amalannya ia tidak menepati sasaran dia tidak menepati tujuan dan maksud apa yang diumumkan tentang Tata Negara. Sebab saya mendapat maklumat daripada sebahagian peserta-peserta program-program Biro Tata Negara ini dan juga program bina semangat ini adalah untuk meniupkan semangat perkauman menebalkan semangat perkauman dan meniru cara-cara kumpulan kelab freemason melaksanakan program-program. Di akhir-akhir sesuatu program itu dibuat satu upacara ikrar dalam suasana yang gelap dipasang lilin-lilinya sahaja dan lampu elektrik dipadamkan kemudian ditiupkan semangat membenci di antara kaum dengan kaum menimbulkan rasa curiga terhadap sesuatu kaum yang lain. Dan ini dilakukan oleh Biro Tata Negara. Dan ini bukan merupakan satu perkara yang rahsia lagi tetapi ini adalah perkara-perkara yang dilaporkan oleh mereka yang menjadi sasaran dalam program-program membina semangat atau program-program Biro Tata Negara dan dia lebih menjurus kepada ..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulung. Masa, boleh gulung.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Itu yang saya kata tadi itu. Ketua Pembangkang pun sama juga sepuluh minit juga.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sama. Masa peringkat dasar Yang Berhormat telah memberikan masa yang penuh.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tetapi ini terlalu banyak butiran berpuluh-puluh butiran ini Tuan Pengerusi. Jadi tidak ada makna lebih baik kita luluskan semua sekalilah hari ini senang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebab keputusan telah dibuat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya patuhlah arahan Tuan Pengerusi tetapi tidak ada erti kita membahaskan satu-satu kementerian yang mempunyai butiran yang berpuluh-puluh butiran. Apa lagi Jabatan Perdana Menteri, Badan Pencegah Rasuah dan lain-lain. lagi yang sangat penting untuk kita memberi. Kita memikul amanah rakyat untuk datang ke sini untuk berbahaskan tetapi kalau kebebasan Parlimen pun tidak ada lagi pada waktu ini ertinya memang betul-bahawa kebebasan dalam negara kita memang betul-betul tergugat pada waktu ini. Saya menghormatilah Tuan Pengerusi. Walau bagaimanapun saya merakamkan perasaan sangat dukacita atas arahan-arahan yang dibuat sehingga menyempitkan ruang anggota Parlimen untuk berdebat dan berbahaskan bagi kepentingan negara dan masyarakat kita. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** 36(1)

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat hendak berucap atau hendak mengemukakan peraturan.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tidak, saya hendak komen tentang peraturan. Yang Berhormat bagi Pendang bercakap tentang peraturan. Saya hendak bawa juga tentang peraturan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Menyampuk]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya bawa 36(1). Eh Kepong, duduklah. Sudah lama dalam Dewan ini. Saya bawa Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, dia bawa Peraturan Mesyuarat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Peraturan macam mana pula, dia berdiri ...

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Duduklah.

**Seorang Ahli:** Duduk!

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Hei Kepong, sudah berapa lama, berapa tahun di sini? Lama macam mana pun, tidak dapat jadi Setiausaha Agung. Apa lah. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Menyampuk]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Apa, saya bawa Peraturan Mesyuarat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Pendang. Saya menghormati Pendang...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** ...sebagai Ketua Pembangkang.



**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila, sila. Apakah peraturan itu?

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya hendak perkatakan perkara 36(1) tentang perkara-perkara yang membahaskan rang undang-undang, hanya perkara berkaitan undang-undang itu sahaja. Saya mengambil kesempatan yang ada – masa yang banyak diberi kepada Yang Berhormat Pengerusi untuk berhujah dalam ucapan dasar. Tidak bermakna menuduh Dewan yang mulia ini bahawa tidak diberi kesempatan kepada Ketua Pembangkang. Saya ingat dekat dua jam Ketua Pembangkang bercakap.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Menuduh mengatakan Dewan yang mulai ini tidak adil. Saya ingat Yang Berhormat Ketua Pembangkang berjalan dengan baik tetapi jangan terikut-ikut cara yang belakang sana. Itu yang saya minta komen.

**Puan Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ha, ini Batu Gajah.

**Puan Fong Po Kuan:** Peraturan Mesyuarat yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Rompin tidak betul.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Apa?

**Puan Fong Po Kuan:** Ini bukan meminda Akta Induk. Ini perbahasan Belanjawan. Jadi, balik baca Peraturan Mesyuarat dahulu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** Baca peraturan pun tidak betul, jadi Tuan Pengerusi tidak payah buat keputusan.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk] [Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tambun.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tambun.

**11.32 pagi.**

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh di bawah ..... *[Dewan riuh]* Mintalah...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah peraturan 41(e) – semasa seorang ahli itu bercakap, semua ahli-ahli lain hendaklah diam dan tidak boleh mengganggu dengan cara kurang adab, ya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya harap semua dapat mematuhi.

**Beberapa Ahli:** Suruh Rompin.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Semua, semua.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Pengerusi, saya punya *floor* *[Merujuk kepada Yang Berhormat Sri Gading]*.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Menyampuk]*

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Pengerusi....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Gading, apa hal?

**Beberapa Ahli:** Sri Gading, apa hal?

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Dia panggil saya bercakap tadi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tambun.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Ha, Tambun. Okay, bagi Sri Gading, selepas itu bagi saya lah.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya memang tidak sebut Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tadi, Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tadi saya ingat Tampin hendak berucap. Tampin bukan Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak, Sri Gading.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Okaylah Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tambun, teruskan.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Okay, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Gading, nanti ada peluang. Sila duduk.

**Seorang Ahli:** Apa ini? Tidak minum, *breakfast* lagikah?

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh di bawah B1 iaitu Parlimen, mengenai beberapa perkara.

Pertama, saya ingin memberi pandangan saya. Saya berpendapat bahawa kita perlu melihat balik Peraturan Parlimen kita ini. Di bawah Seksyen 66 ini, Tuan Pengerusi, sebahagian daripadanya menyatakan antaranya, ini berkenaan dengan..., "...*Rang Undang-undang Perbekalan dan kedua-dua Anggaran-anggaran biasa dan Pembangunan. Maka hendaklah diuntukkan selebih-lebihnya sebelas hari, dan daripada sebelas hari ini tidak kurang daripada dua hari hendaklah diuntukkan bagi jawapan-jawapan daripada Menteri-menteri, bagi sambungan perbahasan atau bacaan Kali Yang Kedua Rang Undang-undang itu dan usul berhubung dengan Anggaran Pembangunan.....*"

Semalam kita ada dua hari untuk jawapan daripada menteri-menteri. Saya mengesyorkan supaya kita melihat balik kepada peraturan ini supaya kita memberi masa yang lebih untuk jawapan daripada kementerian. Saya rasa dua hari itu terlampau pendek, lebih kurang 10 jam dalam dua hari. Sekarang kita ada 24 kementerian. Saya percaya semasa peraturan ini dibuat, kemungkinan kita hanya mempunyai dalam 10 atau 12 kementerian dan ketika itu latar belakang negara kita lebih berkait rapat kepada sektor pertanian. Sekarang kita telah berpindah daripada pertanian pergi kepada industri dan IT. Maka, masalah-masalah negara lebih kompleks lagi.

Saya percaya kalau empat hari, kita akan mempunyai masa yang cukup. Kita tidak payah tunggu sampai jam 10.00 malam dan begitu terhad sekali. Kalau 10 jam, 24 kementerian, maknanya satu kementerian hanya mempunyai masa dalam 20 minit sahaja. Saya mengaitkan perkara ini dari segi prinsip demokrasi di mana rakyat memilih wakil rakyat untuk mewakili rakyat dan di Parlimen inilah sebagai wakil kepada pengundi-pengundi kita, kita menyuarakan hak rakyat. Setelah rakyat membuat keputusan, rakyat akan memilih kerajaan. Kerajaan ini tidak boleh digugat oleh sesiapa sahaja. Kita ada undang-undang yang cukup di mana macam perhimpunan sebagainya tidak boleh dilakukan tidak menurut peraturan tersebut.

Jadi, kita mempunyai kerajaan dan di dalam Parlimen ini sebagai wakil rakyat, kita pula mengkaji apakah yang kerajaan kita buat. Inilah yang dikatakan proses *transparency*, proses *check and balance* itu berlaku di sini. Jadi, kalau kita kata Parlimen ini tidak *transparent*, Parlimen ini tidak ada *check and balance*, itu tidak betul kerana kita boleh bertanya kepada kerajaan apa sahaja yang kita kehendaki dan proses demokrasi itu berlaku di dalam Dewan ini. Jadi, saya mengesyorkan supaya peraturan ini dilihat semula.

Kemudian, saya percaya kita perlu peraturan baru. Saya lihat di beberapa Parlimen Eropah, ada peraturan mengenai dengan suara. Kalau suara kita lebih daripada satu level, Tuan Yang di-Pertua ada tukul dia boleh ketuk tiga kali. Kalau terus juga dengan suara yang tinggi, boleh dikeluarkan daripada Parlimen. Kerana semenjak saya menjadi Ahli Parlimen yang Kesepuluh ini, yang Kesembilan dulu tidak ada masalah. Yang Kesepuluh, saya dapati suara itu ...

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tentang perlu kita memberi masa. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat bagi Tambun, dalam masa perbahasan dasar, banyak masa diberi. Mungkin ada elok timbang untuk menambahkan masa tetapi kadang-kadang masa yang ada pada peringkat dasar itu tidak digunakan dengan sebaik mungkin. Tetapi cuba hendak menuduh, membuat perkara-perkara yang tidak betul. Sepatutnya digunakan tetapi tentang perkara Yang Berhormat kata, 44(2) ada kuasa. Tadi dibaca 44(2), ada kuasa untuk mengeluarkan.

Adakah Yang Berhormat setuju untuk memberi pandangan kepada Tuan Pengerusi, kalau ada lagi, tadi Ketua Pembangkang kata elok kita menghormati Dewan yang mulia. Kita bersetuju, bukan tidak bersetuju. Tetapi buat betul-betul mengikut 44(2) semasa membentangkan belanjawan, siapa yang memulakan kekacauan di Dewan ini? Membaling kertas, siapa dia? Bangun sini siapa dia? Mengacau, dalam sejarah, negara kita belum ada lagi peristiwa begini. Siapa mula? Ini kalau kata tadi, perkataan katakan, cara yang tidak diterima....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Jangan buang masa.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Hei, bukan masa sebelah sana, masa sebelah sini

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini saya hendak minta tanya, adakah yang sebenarnya masalah bermula dari sebelah sana? *[Menunjuk ke arah barisan Parti Pembangkang]*

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Pengerusi, dari segi peringkat dasar Belanjawan, kita ada sembilan hari (45 jam). Saya percaya masa ini sudah cukup. Seperti mana Tuan Yang di-Pertua buat keputusan sebelum ini, yang tidak dipersetujui oleh pembangkang, saya percaya dalam satu proses perbincangan

ini mesti ada peraturan. Tidak mungkin kita dapat bagi seluas-luasnya masa untuk membincangkan. Tidak mungkin. Dan saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Rompin.

Itu sebabnya, saya mengesyorkan aspek suara ini mesti masuk dalam peraturan. Di Finland begitu, bila suara tinggi sedikit, macam Yang Berhormat bagi Pokok Sena lah katakan, Tuan Pengerusi ada kuasa untuk ketuk tiga kali. Kalau terus juga, dia akan diminta keluar kerana semua orang patuh dan memahami kepada peraturan-peraturan ini. Saya dapati dalam dunia sekarang ini, bukan lagi menjadi satu fesyen – kita hendak menjerit-jerit dan marah-marah. Mengapa kita datang ke Parlimen hendak menjerit-jerit, hendak marah orang? Sepatutnya kita berbincang secara rasional. Kita boleh mengatakan apa sahaja yang kita suka tetapi tidak perlu kepada naik suara, hendak marah orang, ambil tape, hempuk sini, kalau kena kepala orang lain, akan memudaratkan orang lain. Adakah ini budaya Parlimen yang kita mahu?

Jadi, saya berpendapat isu suara ini juga harus diberi perhatian untuk dipertimbangkan dalam peraturan Parlimen supaya kita akan mempunyai Parlimen yang mempunyai adab yang tinggi. Oleh kerana apabila kita bersuara tinggi serta emosional, kita akan mengeluarkan idea-idea yang bukan-bukan. Sampai kita menuduh orang lain dengan perkataan yang bukan-bukan. Tidak menguntungkan, hanya memalukan kita sahaja. Memalukan Ahli Parlimen. Di Amerika Syarikat, orang yang mengundi 50% kerana sebahagian besar daripada rakyat Amerika tidak percaya kepada *politician*, baik demokrat, baik republikan mahupun yang lagi satu ini. Kerana orang sudah hilang keyakinan kepada *politician*.

Jadi, semasa kita masih lagi pada peringkat rakyat mempunyai keyakinan kepada kita, kita jaga adab kita. Kalau di Parlimen kita tidak menjaga adab kita, bagaimana di luar? Siapa hendak *respect* kita akhirnya? Walaupun perbuatan yang dibuat oleh pembangkang, tetapi dia juga menjejaskan saya. Jadi, saya harap isu suara ini diberi perhatian.

Kedua, mengenai dengan persiapan Parlimen ke dunia globalisasi ini. Seperti mana dalam ucapan saya, kita tidak boleh lari daripada .....

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** Sekejap sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** Ya, ini penjelasanlah. Saya pun bersetuju tentang suara tinggi. Tetapi kalau suara yang asli begitu macam mana pula?

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya ingat perlu dilatih. [Ketawa] Perlu dilatih supaya suara ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat kadang-kadang takut juga ya. [Ketawa]

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Sebab kita datang ke Parlimen, kita mewakili pengundi kita di Parlimen. Kita bukan membawa budaya kita. Budaya yang tidak elok ini kita buang. Kita tinggalkan di rumah kita dan seharusnya kita bawa budaya yang baik.

Persiapan untuk globalisasi ini, dalam ucapan saya menyatakan kita tidak boleh lari daripada globalisasi. Kita mesti menghadapi globalisasi dengan membuat persediaan. Parlimen juga perlu membuat persediaan dalam proses globalisasi. Saya berpendapat kita perlu memainkan peranan penting dalam badan-badan antarabangsa dan di peringkat antarabangsa untuk menyuarakan pandangan kita. Selama ini, pandangan disuarakan oleh kerajaan, kali ini disuarakan oleh Parlimen.

Ini penting kerana saya lihat sekarang ini, pertama, tugas *legislators* untuk membuat undang-undang menjadi lebih kompleks. Dan keduanya, ada undang-undang yang ada persamaan antara negara-negara ini, macam undang-undang

mengenai dengan perdagangan. Dia sama, dalam proses globalisasi, sudah menjadi sama. Sistem telekomunikasi dan sebagainya. Jadi, di sini apabila kita terlibat dengan dunia antarabangsa, bukan sahaja kita dapat menyuarakan pandangan-pandangan kita. Selain itu kita dapat bertukar fikiran untuk kita melihat 'documents' di negara lain. Untuk diperkayakan dan perkasakan pemikiran kita, dia menjadi satu undang-undang yang kita boleh lihat kepada negara lain digunakan di sini supaya kita dapat melahirkan undang-undang yang lebih baik kepada negara kita.

Jadi, sehubungan dengan itu, saya dapati ramai Ahli Parlimen daripada luar yang datang ke negara kita tetapi kita tidak membuat lawatan ke luar. Saya berpendapat kita perlu membuat lawatan ke luar. Di samping itu, kita perlu *upgrade* Parlimen dari segi *facilities* penggunaan ICT dan semualah. Saya lihat di belakang sana, apabila tetamu datang, kerusinya pun tidak betul. Ada kerusi yang tegak, ada yang bengkok macam itu. [*Membuat gaya membengkok*] Tidak menggambarkan imej kita dalam dunia globalisasi.

Begitu juga dengan staf kita. Kita perlu *upgrading*. Bukan sahaja dari segi gaji tetapi juga dari segi latihan, *career path* mereka. Mereka tidak boleh datang ke Parlimen, satu perundangan yang tinggi tetapi pekerjaanya tidak mempunyai masa hadapan. Kita mesti melihat dari sudut itu. Dan juga kita mesti meningkatkan dari segi komunikasi bahasa Inggeris di kalangan pekerja. Pekerja di sini mesti *perfect* kerana kita akan berhubung dengan badan-badan luar yang akan berkomunikasi melalui surat-menyurat dan kita perlu mempunyai kepakaran atau *competency* dari segi bahasa Inggeris.

Saya percaya Parlimen perlu menubuhkan sekretariat. Kita ada badan-badan AIPO dan sebagainya, kita perlu ada satu sekretariat yang tetap untuk AIPO, untuk CPA, untuk IPU, untuk Asia Pacific Parliamentarian Forum dan sebagainya dan melalui sekretariat ini, baru kita boleh memainkan peranan yang penting.

Saya ingin menyentuh di bawah Lembaga Urusan Tabung Haji, Tuan Pengerusi. Saya bimbang melihat Lembaga Urusan Tabung Haji hendak mempelbagaikan perniagaan, sudah berfikir untuk membeli kapal terbang dan terlibat dalam industri kapal terbang, padahal *core business*nya adalah untuk mengurus pemergian haji dan ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila gulung.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Ya, baik. Dan tidak ada masalah, maknanya selama ini tidak ada masalah bagi Lembaga Urusan Tabung Haji. Ada pandangan mengatakan Tabung Haji beli kapal terbang sendiri. Beli ini, hendak menjaga kapal terbang bukan senang. Kenaikan harga minyak akan mengakibatkan kerugian dan ada yang berpendapat beli MAS. Kalau beli MAS pun, saya tidak bersetuju. Hutang MAS sehingga 31 Mac 2000 berjumlah RM9.39 bilion, jadi bermakna Tabung Haji akan memasuki satu industri yang akan menjadi liabiliti kepada dia.

Saya ingat dari segi masa depan Tabung Haji dan masa depan masyarakat umat Islam yang hendak menunaikan haji biarlah Tabung Haji tetap dengan *core business* dia iaitu mengurus orang pergi haji dan di samping itu melakukan pelaburan-pelaburan yang selamat. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Gading.

11.46 pagi.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya harap suara saya tidak mengganggu [*Ketawa*] Saya mohon untuk menyentuh tentang B.7 Butiran 231600 Hal Ehwal Wanita. Agak sedikit ada

kelainan hal ehwal wanita disentuh oleh lelaki tetapi sebenarnya wanita memang patut disentuh oleh lelaki. *[Ketawa]*

Sebelum saya masuk dalam ucapan atau tajuk yang khusus, sekarang ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sedang hebat didebatkan, diperkatakan perceraian golongan tua-golongan tua yang dilaporkan peningkatan perceraian suami isteri di kala umur yang tua dan yang menjadi sasaran dalam debat ini wanita dipersalahkan. Saya tidak berapa bersetuju apabila pasangan tua bercerai, berpisah, wanita disalahkan atau wanita dijadikan satu sasaran semata-mata bersalah dalam kes ini. Kadang kala perceraian orang-orang tua ini kadang gatal lelaki, *[Ketawa]* tidak dapat dinafikan ada juga disebabkan wanita tetapi kadang-kadang tidak dapat dinafikanlah. Kadang-kadang lelaki ini apabila sudah tua, dia berperasaan yang lain tetapi kadang-kadang wanita pun harus tahu perasaan lelaki ini.

**Tuan Saupi bin Daud:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Tanah Merah bangun..

**Tuan Saupi bin Daud:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya ingin tanya kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu gatal lelaki. Jadi ini adakah berasaskan pengalaman Yang Berhormat *[Ketawa]* ataupun kajian yang telah dibuat. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Bukan berdasarkan pengalaman, tetapi kita melihat.....

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada Peraturan Mesyuarat.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini adalah keluar tajuk yang sedang dibincangkan. Ini adalah program, kalau dia katakan program wanita, adakah ini satu program wanita di dalam Belanjawan ini. Saya rasa eloklah kita.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat rujuk kepada .....

**Puan Chong Eng:** Rujuk butiran yang mana? *[Disampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** 231600 Hal Ehwal Wanita yang diperuntukkan RM10 juta. Saya akan masuk, yang sebenarnya dalam ucapan saya ini, sebelum itu...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia kata dia akan masuk dia punya tujuan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jadi saya berharap anggapan perceraian pasangan tua ini jangan kita salahkan wanita semata-mata. Lelaki pun mungkin ada kesalahan. Biar kita berlaku adil supaya kita tidak kata orang itu mementingkan diri. Jadi kita kena adil kepada wanita. Memang ada sebab daripada wanita tetapi tidak juga kita nafikan disebabkan oleh lelaki. Jadi saya harap supaya kita berlaku adil kepada wanita.

Saya hendak menyentuh ibu tunggal. Saya begitu insaf dan terharu dijumpai oleh beberapa orang ibu tunggal di kawasan saya. Dengan sebab itu saya terpenggil untuk menceritakan atau menyatakan tentang nasib ibu tunggal. Saya difahamkan bahawa hampir 500,000 ibu tunggal di negara kita ini.

Ibu tunggal ialah memang sudah menjadi takdir kepada mereka tetapi kita merasa terharu apabila ibu yang menjadi tunggal ini benar-benar ibu tunggal yang teraniaya tetapi kalau dia ibu tunggal kerana permintaan dia sendiri, itu soal lainlah. Ibu tunggal yang disebabkan oleh kematian suami yang telah pun lanjut umurnya, hendak kahwin lain, hendak kahwin lagi memang tidak ada peluang.

Kita tahulah, saya tidak usah butirkan atau huraikan lebih lanjut. Kalau huraikan lebih lanjut, Bukit Mertajam pula marah, Seputeh marah, Batu Gajah marah, dia tidak faham itu [*Ketawa*] jadi saya tidak hendak lanjutkanlah kenapa perempuan yang sudah berumur payah hendak dapat suami, lebih-lebih lagi kalau mempunyai anak sampai 8.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, apakah tujuan Yang Berhormat kemukakan perkara ini? [*Disampuk*]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ini hendak terus, hendak pergilah ini. Saya mencadangkan....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Hendak peruntukkankah apa?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya hendak ceritakan, Tuan Yang di-Pertua, itulah tidak sentuh pun dia pun campur saya punya ucapan. Saya berharap supaya satu program membantu ibu tunggal ini dengan peruntukan-peruntukan yang mencukupi, peruntukan-peruntukan yang boleh melegakan, yang boleh meringankan beban tanggungan yang ditanggung oleh ibu-ibu tunggal yang benar-benar begitu terhimpit keadaan kehidupannya. [*Tepuk*] Yang menepuk itu wanita UMNO, bukan Puteri UMNO, Tuan Yang di-Pertua. [*Ketawa*]

Jadi saya minta supaya HAWA di Jabatan Perdana Menteri membentuk sekretariat dia yang benar-benar khusus bagi membantu dan melihat nasib ibu-ibu tunggal dengan tanggungan-tanggungan anaknya yang kebanyakan dan sebenarnya anak-anak ini ialah anak-anak di bawah umur yatim yang sedang melanjutkan pelajaran, yang sedang mengharapkan kasih sayang pembelaan ibunya kerana bapanya sudah tidak ada, kerana meninggal umpamanya. Jadi hendak bekerja di kilang, kilang tidak terima, hendak kahwin lagi orang tidak hendak, hendak menyara, harta tidak ada, hendak membuat sesuatu perkara yang agaknya yang lebih khusus, ilmu tidak ada.

**Puan Chong Eng:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Bukit Mertajam.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya, Okay.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, hari itu, dalam sesi ini Sri Gading ada mengatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional begitu prihatin kepada wanita dan katakan wanita sudah pun maju di bawah Kerajaan Barisan Nasional, mengapa sekarang pula dia datang sini, katanya tidak menjaga ibu-ibu tunggal tetapi pada fahaman saya, sudah ada program. Sri Gading ini walaupun di dalam Barisan Nasional seolah-olahnya tidak berapa tahu program-program yang telah dijalankan oleh kerajaan sendiri. Maka saya harap kita terima kasihlah kalau ada orang yang prihatin kepada keadaan wanita tetapi tolonglah faham sikit dengan isu-isu yang benar. Terima kasih

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila gulung, Yang Berhormat Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Bukit Mertajam. Ini parti pembangkang Datuk, kita kata hendak tambah, dia kata salah, kita tidak sebut membela, dia kata kita tidak bela, parti pembangkang tidak pernah tengok kerajaan ini baik. Ini pembangkang punya sikap. Jadi jangan...

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Sri Gading. Tadi Yang Berhormat ada menyebut bahawa terlalu sukar untuk ibu-ibu tunggal ini kahwin balik, jadi apakah sebenarnya punca-punca

kesukaran mereka ini berkahwin balik sedangkan saya nampak banyak ibu-ibu tunggal ini masih cantik, masih lawa, apakah punca-punca sebenarnya?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Secara keseluruhannya sebabnya kerana umur, umur. Lelaki ini, Datuk, dia kalau perempuan muda, memang meleleh air liur dia. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa cukuplah. Masa cukup Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa Peraturan Mesyuarat?

**Puan Fong Po Kuan:** 36(4), saya berharap Pengerusi boleh bagi teguran kepada Ahli-ahli Parlimen. Jangan gunakan isu wanita untuk diketawakan. Ini kata wanita harus disentuh, lihat wanita air liur meleleh, saya sangat malulah, mengapa, saya harap Pengerusi boleh bagi teguran.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukup, cukup

**Puan Fong Po Kuan:** Isu wanita bukan untuk dipermain-mainkan dalam Dewan ini. *[Tepuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya yakin beliau bukan memainkan isu ini.

**Puan Fong Po Kuan:** Kalau hendak cakap, guna bahasa yang lebih halus. Apa yang wanita ini....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Beliau juga meminta peruntukan. Yang Berhormat....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya, kalau dia tidak mahu 'air liur meleleh', tidak apa, saya tarik balik, 'menelan air liur'. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa cukup Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** Bagi bahasa yang lebih haluslah, Tuan Pengerusi, ini isu wanita *[Disampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sudah melelehlah, telan air liurlah. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Gading, masa sudah cukup.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya gulung, saya gulung.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup.

*[Beberapa Ahli Yang Berhormat bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya gulunglah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya ringkaskan, ringkaskan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, kalau ada rasa malu, malu pun ada peraturannya.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa Yang Berhormat Kota Melaka cuba hendak cakap?

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** Pakai *mike*, pakai *mike*!



**Tuan Kerk Kim Hock:** Kerana pihak sana....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa pihak sana, Yang Berhormat?

**Tuan Kerk Kim Hock:** Jangan berpihak sana, ini perkara serius.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kota Melaka, Kota Melaka, gunakan perkataan dengan baik-baik.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Okay, bagi peluang ya. Saya kata bahawa Tuan Speaker jangan memihak kepada Sri Gading. *[Disampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya tidak memihak.

**Tuan Kerk Kim Hock:** .....pendapat sendiri, saya kata.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tadi saya katakan, Yang Berhormat Sri Gading juga memohon peruntukan.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tidak, tidak, sebelum itu. Tuan Speaker ada kata, saya yakin bahawa dia tidak main-main.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Memang tidak main-main, saya serius apa!

**Tuan Kerk Kim Hock:** ....ini perkara serius.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya mengikuti perbahasan Yang Berhormat, Yang Berhormat Kota Melaka sila duduk.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]* Masa cukup, masa cukup.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Gading, masa sudah cukup.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya tidak main-main, saya gulunglah Datuk. Yang Berhormat Pengerusi, saya gulunglah. Payahlah, saya hendak membela wanita supaya Jabatan Perdana Menteri, HAWA .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Sri Gading, hendak gulung, gulung.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya gulung sekarang. Saya hendak membela wanita kerana wanita ialah sebahagian daripada hidup kita. 50% penduduk negara ini wanita dan nasib 500,000 ibu tunggal ini harus kita perhatikan dengan serius. Ini bukan soal jenaka, ini bukan soal remeh, ini soal hidup bangsa kita, rakyat dalam negara kita *[Tepuk]* yang kita kena berikan pembelaan kepada mereka.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Itu sebab saya harap Jabatan Perdana Menteri, HAWA memberikan perhatian yang serius kepada ibu tunggal yang memang benar-benar mengharapkan pembelaan daripada kerajaan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** Cukuplah, apa ini!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kalau saya cakap cara ketawa, Pembangkang kata saya meremehkan wanita, saya bercakap secara serius kerana saya ada keluarga di tengah kalangan wanita. Saya tidak boleh nafikan keluarga saya pun ramai wanita. Dalam keluarga saya pun ada ibu tunggal. Ini bukan soal remeh, ini soal menyentuh tentang hidup dan kepentingan rakyat kita. 500,000 ibu tunggal bukan satu angka yang kecil, maka haruslah kerajaan yang prihatin dalam pembentangan Belanjawan.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukup.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ....kita menyatakan masyarakat penyayang. Inilah yang hendak kita praktikkan, Kerajaan Barisan Nasional memberikan pertimbangan dan bantuan kepada ibu tunggal yang benar-benar mahukan bantuan daripada kerajaan, bukan daripada parti pembangkang yang tahu bercakap tetapi tidak tahu membuat. Sekian, terima kasih. [*Tepuk*]

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** [*Ketawa*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Seputeh.

**Puan Fong Po Kuan:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, apa Peraturan Mesyuarat.

**Puan Fong Po Kuan:** Tuan Pengerusi, saya mohon 36(4), bila bincang isu wanita, guna bahasa yang lebih halus. Saya bukan membantah bahawa peruntukan tidak harus diberi kepada wanita. Saya bukan membantah kerana Yang Berhormat Sri Gading membangkitkan mengenai masalah ibu tunggal. Saya hanya membantah kerana bahasa yang digunakan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa yang dikatakan?

**Puan Fong Po Kuan:** Jadi saya harap teguran boleh diberi.

[*Dewan riuh*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepong, Kepong.

**12.00 tgh.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, muka surat 35 – B.1, Halaman 107, Halaman 109 - B.7 dan Halaman 173 - B.8.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, yang pertama saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Pendang dan juga Yang Berhormat bagi Tambun. Sesiapa yang tidak mengikut peraturan ada mempunyai tingkah laku yang tidak begitu manis hendaklah berhenti.

*Kayu cendana di atas batu,*

*Sudah diikat di bawa pulang;*

*Adat di dunia memang begitu,*

*Benda buruk memang terbuang.*

Kita buang semua yang tidak baik termasuk Yang Berhormat bagi Sri Gading. [*Sorak*][*Tepuk*]

Tuan Pengerusi, mengenai B.1 Parlimen kita, urusan Parlimen, saya berharap kita dapat mengambil perhatian mengenai struktur-struktur di dalam Parlimen termasuk bekalan elektrik, termasuk benda-benda yang lain - yang usang kerana bangunan ini sudah lama dan kita mesti memperbaiki semua termasuk tandas -tandas yang bocor dari masa ke semasa kerana paip-paip itu sudah pecah. Ada perkara-perkara yang lain Yang Berhormat bagi Kota Melaka mesti ada benda lain yang dia hendak bangkitkan juga.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu kita mesti membaiki peraturan kita, amalan kita termasuk semasa soal jawab. Saya berpendapat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan seboleh-bolehnya datang ke Dewan ini sekurang-kurangnya dua hari satu minggu dan meluangkan masa mungkin 15-20 minit untuk menjawab soalan-soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Ini memang perlu dijadikan satu amalan yang baik kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dia kata, demokrasi berparlimen adalah terpenting sekali. Kalau begitu penting Yang Amat Berhormat mesti menunjukkan teladan bagi semua orang mengikut. Yang Amat

Berhormat sendiri datang 15-20 minit satu, dua hari, satu minggu untuk menjawab soalan-soalan daripada semua Ahli Yang Berhormat, tambah pula dengan kehadiran Yang Amat Berhormat besar kemungkinan Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat bagi Rompin, Yang Berhormat bagi Sri Gading akan berperangai baik, itu caranya, takut juga Yang Amat Berhormat hendak datang, memang bersopan santun, itu satu perkara.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis:** *[Menyampuk]* ....Yang Berhormat bagi Kepong yang baik selalu dikatakan baik. Maknanya sangkaan jahat kepada saya pula.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana sangkaan jahat, saya ....*[Disampuk]*.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis:** Yang Berhormat bagi Kepong, dia kata dia memang baik .....

**Seorang Ahli:** Dia ada panggil "hoi"

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tadi ada jeritkan "hoi! hoi!". Itulah.... *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Kepong, sila.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, yang seterusnya selain daripada menyeru supaya Yang Amat Berhormat datang untuk menyaksikan sendiri apa yang berlaku di sini dan menjawab soalan-soalan menjadi satu amalan, saya akan bangkitkan perkara ini selagi Yang Berhormat tidak terima.

Seterusnya mengenai jawatankuasa pilihan. Kita mesti mengikut zaman bertukar dan mesti beralih musim dan kita mestilah memodenkan peraturan-peraturan di dalam Parlimen termasuk jawatankuasa-jawatankuasa pilihan, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan serta hak kebebasannya mesti kita kaji, kalau perlu kita mewujudkan satu jawatankuasa khas untuk mengkaji peranan dan keberkesanan jawatankuasa-jawatankuasa tersebut. Misalnya kerana globalisasi kita memang mewujudkan suasana yang mesti kita ambil perhatian dengan sepenuhnya bagaimana kita mengendali masalah termasuklah, Tuan Pengerusi, masa ini kerana globalisasi wujudlah masalah para spekulasi wang, mata wang, wujudlah masalah yang menyusahkan negara kita termasuklah kawalan modal kita dan mungkin kita boleh adakah satu jawatankuasa khas dengan pakar-pakar yang membantu Ahli-ahli Parlimen yang mempunyai pengetahuan mengenai ekonomi kita, yang mempunyai kebolehan untuk sama-sama membincangkan kawalan modal kita dan strategi kita untuk menghadapi *architecture* kewangan antarabangsa dan sebagainya. Seterusnya mengemukakan cadangan kepada kerajaan untuk mengambil tindakan dan sebagainya. Ini satu cadangan saya yang saya pernah bangkitkan di sini beberapa tahun yang lepas dan saya menekankan sekali lagi kita perlu mengkaji.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Rompin bangun, hendak bagi jalan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Jawatankuasa Kira-kira Wang ini .....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis:** ....*[pembesar suara tidak dibuka]* ....kadang-kadang itu merayau tetapi ada juga cadangan yang baik. Mengapa tidak pandangan Yang Berhormat mungkin Yang Berhormat bagi Kepong, cadangan yang baik itu, mungkin semasa kita tidak ada persidangan, mungkin boleh mencadangkan kepada Tun Speaker adakan satu seminar, kita panggil tokoh-tokoh tertentu, mengapa tidak ini dicadangkan kepada Dewan. Saya ingat ini satu cadangan yang baik dan Yang Berhormat bagi Kepong saya minta sokong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi sendiri pun ada gagasan idea seperti ini juga. Tetapi ini kita tambah kepada idea itu untuk mengadakan satu jawatankuasa khas untuk mengkaji peranan dan keberkesanan jawatankuasa-jawatankuasa termasuk

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan Pengerusi sekarang pun saya ingat sibuk dengan TNB dan sebagainya sehingga tidak ada masa untuk mengadakan mesyuarat, cuma berpura-pura kezhahiran sahaja untuk menunjukkan begitu cekap dianya. Ini macam mana ini.

Tuan Pengerusi, seterusnya ada masalah lain iaitu, masalah umur bersara. Ini mengenai MAMPU, saya pernah di sini lebih satu dekad membangkitkan perkara ini kerana zaman berubah, musim bertukar, umur hidup purata bagi setiap warganegara Malaysia ialah lebih 70 tahun. Kalau bagi wanita, hidup lebih lama lagi. Kita masih ikut amalan yang ditetapkan oleh pihak penjajah kita, mereka tinggal di Malaysia sejak 1957 lagi tetapi perkhidmatan awam kita masih ikut jejak mereka kerana waktu itu mereka tetapkan umur 55 tahun untuk membolehkan pegawai British kembali ke tanah air, menyesuaikan diri di tanah airnya. Tetapi kita di Malaysia tidak payah balik ke mana-mana untuk menyesuaikan diri tetapi kita masih ikut jejak dan amalan British. Ini memang satu amalan ketinggalan zaman. Saya mengakui bahawa kalau kita mengubahkan umur bersara memang akan mewujudkan komplikasi dan konsekuensinya. Kita mesti kaji, MAMPU mesti mengkaji dengan secara mendalam macam mana negara-negara seperti Thailand, Singapura boleh dengan beransur-ansur menambahkan atau memanjangkan umur bersara tanpa menjejaskan perkhidmatannya. Ini memang mereka buat dah. Di Singapura sekarang lebih 60 tahun dah. Kalau tidak silap saya 63 tahun atau 65 tahun. Amerika Syarikat dan United Kingdom sendiri, 65 tahun umur bersara. Kalau umur orang Malaysia puratanya 72 tahun sekarang, macam mana mereka hendak buat selepas bersara. Tuan Pengerusi sendiri masih berkhidmat cemerlang. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Tambah masa.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tambah masa sedikitlah. *[Ketawa]* Saya berharap MAMPU dapat mempertimbangkan cadangan saya sekali lagi selepas lebih satu dekad.

Tuan Pengerusi, seterusnya mengenai Unit Perancang Ekonomi (EPU). Saya nampak ..... *[Disampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Pendekkan sedikit, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya akan pendekkan, sentiasa pendekkan. EPU memang buat tafsiran, pertimbangan, perhitungan mengenai projek-projek penswastaaan dan ada kalanya mewujudkan syak wasangka mengenai mengapa sekian-sekian syarikat diberi konsesi dan sebagainya termasuk Diligent Network, diberi kontrak untuk mengkomputerkan hospital-hospital kita termasuk Hospital Selayang, Alor Setar, Sungai Petani, Pandan di Johor dan sebagainya. Ia hendak diadakan sistem komputer yang paling moden dan diswastakan kepada Syarikat Diligent Network dengan nilainya di anggarkan RM1 bilion. Bagaimana pihak EPU dapat membuat tafsiran mengenai projek penswastaaan ini dan dengan cara ataupun kriteria apakah yang digunakan untuk melantik Diligent Network dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, seterusnya - ada banyak perkara lagi.

**Tuan Pengerusi:** Cukup, cukuplah Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ada banyak perkara lagi.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, cukup Yang Berhormat, ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Cukup dah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Yang Berhormat bagi Larut.

12.11 tgh.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyetuh B.1, B.5, B.7 dan B.8. Sebelum itu,

tadi pembangkang sibuk bercakap soal tambah masa tidak cukup tetapi semalam bila sambung malam tinggal tujuh orang sahaja.

**Beberapa Ahli:** Enam orang. Siapa?

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Pembangkang. Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh berhubung dengan pembayaran pencen minimum. Soal ini banyak telah dipertanyakan, memandangkan pencen minimum pesara kerajaan sebanyak RM180. Saya mohon supaya pesara dibayar kadar pencen mengikut formula pencen yang baru yang telah diluluskan sedikit masa dahulu. Pencen haruslah dibayar berdasarkan tempoh perkhidmatan sebenar dan tidak dihadkan iaitu, tidak melebihi dari setengah daripada gaji akhir diterima sebelum bersara. Kita kena ingat bahawa pesara bukan hidup seorang tetapi ada yang masih ramai tanggungan. Saya cadangkan supaya pencen minimum diberi sekitar RM480 hingga RM500 sebulan oleh kerana purata bilangan keluarga ialah 4.9 ahli dan bagi pesara pula mungkin andaian mereka tidak mempunyai anak.

Saya juga ingin menyentuh mengenai elaun khas untuk pekerja di pedalaman. Elaun Pedalaman JPA yang diperkenalkan semula adalah dialu-alukan. Begitu pun elaun ini nampaknya lebih banyak diberikan kepada yang ke Sabah dan Sarawak. Bagaimanapun di beberapa kawasan di Semenanjung harus juga diberikan. Selain itu adalah perlu untuk diberikan lebih 10% daripada gaji bagi kawasan yang benar-benar di pedalaman seperti di Sabah dan Sarawak.

Program pertukaran kakitangan antara pegawai-pegawai di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak yang dihentikan akibat kegawatan ekonomi dua tahun yang lalu hendaklah disambung semula secara lebih meluas.

**Tuan Mokhtar bin Radin:** Penjelasan.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Memang program ini sudah diwujudkan tetapi pertukaran selama dua tahun perlulah lebih meluas.

**Tuan Bung Mokhtar bin Radin:** Ya, terima kasih rakan saya, Yang Berhormat Larut. Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat bagi Larut bahawa pencen tetap RM480 hingga RM500, pada saya dalam keadaan harga barang naik, ini pun tidak cukup. Kalau pesara itu ada enam, tujuh anak masih belum bekerja, RM400, RM500 tidak cukup. Jadi, saya ingin mencadangkan kalau boleh pandangan Yang Berhormat Larut agar pencen ini dapat dinaikkan kerana pesara-pesara ini, mereka telah banyak berbakti kepada bangsa, agama dan negara untuk memulihkan ekonomi dalam negara. Terima kasih.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih. Memanglah bagi banyak mana pun tidak cukup, RM1,000 pun tidak cukup Tuan Pengerusi, nikah seorang pun tidak cukup, dua pun tidak cukup. Begitu pun memanglah kita suka sebab itu saya sendiri telah mencadangkan supaya bonus ini dikaji semula, supaya CUEPACS berunding baik-baik dengan kerajaan, tidaklah macam pembangkang ambil kesempatan menghentam kerajaan. Jadi, memanglah saya setuju tetapi mengikut keadaan. Kita tidak mahu bagi segala-galanya sampai negara kita jatuh bankrap dan akhirnya yang menderita bukan setakat Kuala Terengganu bahkan kita semua.

Saya juga hendak menyentuh berhubung dengan kemudahan perkhidmatan bagi Timbalan Speaker ini, Tun. Tun sudah okey dah. Tahniahlah Tun baru ini dianugerah sekali lagi Kedoktoran, tabik Tun.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat berucap sudah dua kali dah. [Ketawa]

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tiga kali pun tidak apa Tun. Tetapi saya tidak minta *injury time* Tun, jangan bimbanglah. Satu contoh teladan yang baik kepada kita semua apa yang telah dibuat oleh Tunlah. Cuma saya sentuh tentang Timbalan Speaker ini. Kalau boleh berilah kemudahan, pembantu, tidak ada pembantu, ruang pejabat yang sesuai, kereta pun tidak ada, mereka ini kalau

mengikut hakikatnya adalah dari segi protokol sama taraf dengan Timbalan Menteri. Jadi, kalau boleh saya minta dipertimbangkan kemudahan-kemudahan kepada Timbalan Speaker kerana dari segi protokol Timbalan Speaker pun tinggi.

Saya juga ingin mencadangkan supaya di ruang Parlimen ini Tun, kita bercakap soal MSC, IT dan sebagainya, tetapi di ruang Parlimen ini tidak ada. Jadi, kenapa kita tidak wujudkan Cyber Cafe sendiri untuk wakil-wakil rakyat agar wakil-wakil rakyat dapat menjalankan kajian yang sesuai. Kita berhubung dengan komunikasi dan teknologi maklumat tetapi tidak ada ruang untuk wakil-wakil rakyat untuk mereka yang berminat membuat kajian, merayau-rayau sambil merayau dan melayari Internet.

**Tuan Ronald Kiandee:** *[Bangun]*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Nanti dahulu, sekejap lagi.

**Tuan Ronald Kiandee:** Pandangan.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya, silakan.

**Tuan Ronald Kiandee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan cadangan untuk mengadakan cyber cafe di Parlimen ini. Tetapi, saya ingin tahu Larut sama ada beliau pernah menengok-nengok kawasan *Resource Centre* yang juga ada kemudahan internet yang diberikan oleh pihak Dewan. *[Ketawa]*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya, itu pendapat sahabat saya. Nanti kalau saya jawab nanti, pembangkang itu pula tahu sajalah. Tidak mengapalah, terima kasih. Pandangan Yang Berhormat itu memang patut diberikan *[Ketawa]*

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya meminta ini untuk keselesaan wakil-wakil rakyat, kerana Perdana Menteri sudah tegur sesetengah wakil rakyat kononnya tidak datang ke Parlimen. Jadi, kalau ada Batu Gajah, memanglah. Jadi kita meminta supaya diadakan satu ruang khas, supaya perkembangan ini dapat diamalkan dan disertai oleh semua pihak.

Saya juga ingin menyentuh berhubung dengan penggunaan komputer terutama di perpustakaan, di desa-desa, lebih banyak lagi di masjid-masjid, berhubung dengan celik komputer ini.

Akhir sekali saya hendak menyentuh berhubung dengan Tabung Haji. Walaupun sahabat saya dari Tambun katakan tadi dia tidak setuju dengan pembelian kapal terbang, tidak mengapalah, kita jangan beli kapal terbang dahulu, kita sewa kapal terbang, tetapi kita bubuh nama Tabung Haji Malaysia itu. Sebab apa, sewaktu saya di Tanah Suci Tuan Yang di-Pertua, saya amat berbangga kerana jika diikuti jemaah yang melakukan umrah di Tanah Suci, Malaysia jatuh di nombor dua selepas Iran di seluruh dunia. Ini amat membanggakan.

Jadi, saya juga berharap Tabung Haji memikirkan untuk memiliki bangunan sendiri, hotel umpamanya. Kita boleh runding dengan pihak Kerajaan Arab kerana sekarang pun di Tanah Suci, telah ada bangunan-bangunan hotel yang terkemuka seperti hotel Hilton dan sebagainya. Jadi saya memintalah kerana dengan demikian imej Tabung Haji yang sekarang ini menjadi tumpuan seluruh dunia terutama negara-negara Arab yang begitu tertarik dengan cara pengurusan dan pentadbiran Tabung Haji. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja yang hendak saya sentuh dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa. Terima kasih

**Tuan Pengerusi:** Kuala Kedah

**12.20 tgh.**

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Taun Pengerusi, 010000 – Urusan Parlimen. Saya ingin menyentuh supaya kalau boleh kenaikan pangkat di kalangan kakitangan

Parlimen ini hendaklah diutamakan mereka yang bertugas di Parlimen begitu lama. Kalau betul-betul perlu tidak ada keupayaan kakitangan Parlimen ini untuk mengisi tempat itu, barulah diambil daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Sebolehnya biarlah kakitangan yang telah bertugas lama di sini berpeluang naik pangkat apabila berlaku kekosongan.

Kebelakangan ini juga Tuan Pengerusi, seolah-olah ada rungutan kakitangan Parlimen iaitu mereka diperhati, kalau mereka berbaik, bersebang-sembang dengan 'kakitangan' pembangkang, seolah-olah mereka itu dicop sebagai pro pembangkang. Saya ingat perkara ini tidak perlulah kerana semua kakitangan Parlimen di sini adalah pegawai yang bertugas dan saya sendiri memanglah kalau *boring* berada di sini, berada dengan kakitangan sambil minum-minum teh, berborak-borak dengan mereka. Ada di antara mereka mengatakan. "Yang Berhormat jangan kerap sangat ke meja saya, nanti saya dimasukkan ke peti ais." [Ketawa] Jadi, perkara seperti ini tidak pernah timbul dahulu daripada zaman Tunku Abdul Rahman tetapi sekarang suara-suara itu telah mulai timbul. Jadi, tidak eloklah, tidak baiklah kerana kita bergaul dengan semua orang, kakitangan Parlimen ini yang berkhidmat dengan baik kepada kita tanpa mengira parti.

Tuan Yang di-Pertua, kita dalam Parlimen ini, kadang-kadang tuduh-menuduh, bersuara tinggi dan sebagainya termasuklah saya sendiri. Tetapi apabila ianya tertutup begini maka spekulasi di luar itu keluar pelbagai cerita. Misalnya akhbar hari itu, Tampin dan Pokok Sena. Di luar, pihak Barisan Nasional mengatakan Pokok Sena cabar, kemudian kami kata Tampin yang cabar. Ada orang yang telefon saya mengatakan "betulkah Rompin hendak bunuh kamu?" [Ketawa] Saya kata tidak. Kalau hendak bunuh politik mungkin, tetapi kalau bunuh fizikal tidak.

Ertinya cerita di luar keluar berbagai-bagai. Apa salahnya supaya rakyat dapat maklumat. Buatlah live telecast, barangkali itu boleh disiplinkan sedikit semua Ahli-ahli Parlimen. Jadi, kalau kita hendak bercakap kasar sangat hendak "*hoi, hoi*" kah, apa kah, kita tengok rakyat perhati. Begitu juga saya kalau hendak tumbuk meja lebih-lebih, rakyat perhati. Buatlah telecast supaya rakyat dapat menilai, kalau pihak di sana mengatakan kami '*samseng*', kami kata pihak di sana "*samseng*", kedua-dua cuba menegakkan hujah masing-masing.

Kalau hendak bagi disiplin, buatlah telecast. Contohnya Parlimen India. Parlimen India ini bukan setakat bertengkar, bertumbuk tetapi bila diadakan live telecast, memang Ahli Parlimen dia jauh berdisiplin selepas itu. Jadi kita harap, setujulah dengan pihak kita supaya diadakan siaran terus menerus, rakyat dapat menilai dan apabila hendak pilihan raya pula, wakil-wakil rakyat yang dianggap "*samseng*" itu serahkan kepada rakyat hendak undi atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjadikan Ahli-ahli Parlimen kita dan rakyat semuanya harmoni, jangan ada diskriminasi antara Ahli-ahli Parlimen. Oleh itu, kita sekali lagi, walaupun kita sudah bercakap perkara ini, tetapi kita tidak jemu untuk meminta supaya peruntukan kepada Ahli-ahli Parlimen diberi sama seperti dibuat oleh Kerajaan Negeri Terengganu.

Zaman sekarang ini zaman IT. Rakyat pandai menilai siapa yang zalim, siapa yang tidak adil, bukan sangat mereka bergantung selain daripada ceramah adalah juga media-media yang lain sekarang ini. Sekarang, kalau kita hendak buat macam tahun 60'an, soal diskriminasi ini dan sebagainya, rakyat sudah tidak boleh terima. Sebab itu langkah yang dibuat di Terengganu itu patut dicontohi supaya kita dapat juga menjalankan pembangunan melalui wakil-wakil rakyat seperti wakil rakyat Barisan Nasional menjalankannya.

Tuan Yang di-Pertua, B.7, 200000 iaitu kajian kependudukan dan pembangunan keluarga. Tuan Pengerusi, apabila kita baca laporan ekonomi, kita rasa agak lega melihat angka-angka yang ditunjukkan. Tetapi, apabila kita turun ke bawah, saya sendiri kadang-kala ragu terhadap kajian-kajian terutama hal kependudukan.

Di Kuala Kedah sendiri, semakin banyak saya berjalan dari rumah ke rumah, semakin risau kita melihat soal kemiskinan terutama sekali hal, saya tidak tahu kenapa. Tetapi di Kuala Kedah itu sekitar lima batu persegi bandar Kuala Kedah itu terlalu banyak orang-orang cacat Tuan Yang di-Pertua. Boleh dikatakan setiap lima, enam rumah kita jumpa satu orang cacat, lumpuh dan sebagainya. Jadi satu keluarga itu ada yang menanggung orang cacat dua orang, kadang tiga orang, kadang seorang. Selang lima enam buah rumah ada orang-orang yang cacat kekal, makhluk istimewa ini dan keluarga mereka tidak boleh bekerja di luar kerana menanggung orang-orang cacat itu. Dan keadaan ini, saya sebagai yang jadi Wakil Rakyat di situ agak begitu risau. Misalnya permintaan terhadap kerusi roda. Setiap kali saya pergi rumah, Yang Berhormat kerusi roda. Saya kata saya tidak ada peruntukan, kalau hendak minta daripada kerajaan, lambat. Jadi bila kita tengok warta berita, kita baca surat khabar negeri kita kaya, mewah. Bila kita balik kampung, kita berkerut dahi melihat keadaan masyarakat dalam negara kita. Sebab itulah kita....

**Dato' S. Veerasingam:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Mmm...ya, ya.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta jika ada masalah berkaitan dengan orang-orang cacat dan perlu bantuan segera, Yang Berhormat boleh memohon kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat atau pun jika ada masalah boleh berhubung terus kepada kementerian supaya kita dapat bantu orang-orang yang miskin, yang perlu bantuan. Terima kasih.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Terima kasih atas pengakuan itu. *[Tepuk]* Ini adalah baik, kita mahu macam itu. Tetapi bila kita hantar permohonan ini, jangan kata ini daripada pembangkang, tangguh dahulu. Sebab orang cacat ini tak adalah, tak usah kira partilah. *[Ketawa]* Kalau orang cacat pun kita kira parti kita bimbang doa mereka nanti dimakbulkan oleh Allah, maka berbahaya kepada kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu hal kajian kependudukan ini perlu saya rasa dibuat menyeluruh dan pameran keadaan yang sebenar dan negara kita hendaklah menjadi negara kebajikan. Kita malu misalnya kalau kita pergi ke England, kita tolak hal kebebasan seks. Itulah dia satu contoh yang dikatakan negara Islam kalau ditolak hal kebebasan seks dan lain-lainlah. Soal kebajikan kepada rakyat, orang yang tidak mengambil bantuan kerajaan, kalau ada anak cacat, keluarga itu boleh didakwa. Ertinya pegawai mereka menjalankan tugas pergi cari orang yang cacat. Ini kita cari sudah, kita beri laporan kadang-kadang responsnya tidak ada. Jadi kita sebagai sebuah negara contoh, sepatutnya perkara-perkara seperti ini kita mengambil berat soal kemiskinan, orang-orang cacat dan manusia istimewa ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain saya hendak sentuh soal BPR yang peruntukannya agak tinggi. Cuma saya hendak satu perkara, siasat kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak Qatar mengatakan bahawa Malaysia cuba rasuah untuk menjadi tuan rumah kepada Sukan Asia. Walaupun kita tak dapat jadi tuduhan dibuat oleh Qatar, akhbar-akhbar Qatar, pegawai-pegawai Qatar, maka kita mahu pihak BPR bertindak segera menyiasat aduan ataupun tuduhan yang dibuat oleh negara lain terhadap kita.

Perkara satu lagi iaitulah Tabung Haji. Saya amat bersetuju dengan pandangan Profesor Diraja Ungku Aziz supaya Tabung Haji yang ditubuhkan untuk menguruskan orang-orang yang hendak pergi haji dan tabung yang begitu berjaya bukan tugasnya untuk menyelamatkan syarikat-syarikat yang bermasalah. Dan kita menyokong penuh pandangan orang yang merangka Tabung Haji itu sendiri iaitu Profesor Diraja Ungku Aziz, terutama sekali Tabung Haji hendak membeli saham MAS sekarang ini dan kita tahu Tabung Haji adalah mengendalikan urusan haji yang bersangkutan-paut dengan akidah, kalau beli saham MAS bagaimana soal arak dalam MAS, soal pakaian pramugari dan sebagainya. Ia akan menimbulkan lebih banyak masalah lagi selepas ini.



**Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad:** Kuala Kedah

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Bersetujukah Yang Berhormat dengan tindakan pihak kerajaan menggunakan wang Tabung Haji untuk membina *express rail link*, dengan izin daripada KLIA Kuala Lumpur sehingga kepada K.L. Central dengan memakan belanja melebihi RMI bilion dan Tabung Haji hanya mendapat manfaat *concession* yang mana *concession* ini umumnya rugi, akan mendapat pulangan yang panjang tetapi kerja-kerja kontrak diberikan kepada YTL. Setujukah dengan tidakan seperti ini? Terima kasih.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tidak setuju. Tuan Yang di-Pertua, kita lihat Tabung Haji yang menabung duit orang-orang kampung, orang-orang yang hendak pergi Mekah dan dikendalikan agak baik, dia menjadi satu Tabung yang begitu besar sekarang ini. Ini tercabar, tercabar, BIMB, TENAGA, Telekom yang kita lihat mereka itu dikendalikan oleh orang-orang korporat yang mengaji tinggi-tinggi tetapi bila amanah itu tidak ada, maka kita lihat BIMB pun ditelan oleh Commerce Bank dan juga badan-badan yang lain. Oleh itu kita lihat amanah itulah yang paling penting dan Tabung Haji....

**Tuan Pengerusi:** Ya, minta gulung ya.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** ...Tabung Haji wang dia yang begitu banyak, berilah faedah kepada penyimpan-penyimpan dan orang yang telah menabung dalam Tabung Haji yang telah pergi Mekah macam saya, dahulu menabung sudah pergi Mekah dan bila sudah pergi kita tidak dapat apa lagi. Kita mahu selepas pergi pun kerana Tabung itu begitu hebat dan kita mahu orang yang telah pergi dan akan pergi dapat manfaat, bukan beri untuk menyelamatkan syarikat-syarikat yang bankrap termasuklah LRT yang hendak dibina dan sebagainya yang keuntungannya belum tentu. Dan Tabung Haji mesti memastikan pelaburannya itu benar-benar halal di sudut Islam.

Sekian Tuan Yang di-Pertua.

[*Ramai Ahli Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Serdang.

**Dato Yap Pian Hon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, nampaknya semua hendak berucap ini. Ya, macam mana saya hendak buat, ya. Ini kalau saya kurangkan dari sepuluh minit ke lima minit nanti gaduh pula. Oleh kerana kita sudah berucap dalam dasar 95 orang ya [*Disampuk*] Ya, sila, sila Serdang, sila.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Yang di-Pertua, B.7, Butiran 030000 – Unit Penyelarasan Pelaksanaan. Unit ini telah dihuraikan objektifnya berhasrat menjadikan agensi pusat utama penyelarasan dan pemantauan penswastan dasar strategi program dan projek pembangunan serta penyelarasan isu-isu berkaitan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan perkara penting kerana masalah-masalah dan isu-isu yang dibangkitkan oleh rakyat melalui Wakil Rakyat Barisan Nasional kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Daerah, perkara-perkara isu itu tidak dapat diselesaikan begitu lama terutama sekali projek-projek yang telah disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Masalah yang ditimbulkan di dalam mesyuarat itu tidak dapat diselesaikan selama satu tahun, tidak ada jawapan langsung jadi tergendala projek tersebut. Misalannya pembinaan sekolah menengah di Taman Sungai Besi Indah, di mana telah disenaraikan projek ini dalam Rancangan Malaysia Ketujuh begitu mendesak di kawasan tersebut. Tahun depan kalau sekolah tidak dibina, maka murid-murid di kawasan Serdang ini tidak dapat menampung murid-murid.

Oleh kerana projek itu telah disenaraikan, saya telah bangkitkan perkara ini dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Daerah. Tetapi oleh kerana projek ini tidak dapat dijalankan oleh sebab yang dimaklumkan kerana pihak pemaju hendak menyertai projek tersebut. Tetapi dengan tiga tahun, walaupun pihak kementerian sudah setuju, tapi tiga tahun tidak dilaksanakan, maka terpaksa saya minta projek kembali dipanggil untuk tawaran secara terbuka untuk membina sekolah tersebut demi kepentingan murid-murid di kawasan Serdang.

Inilah satu masalah yang kita hadapi pelaksanaan projek itu. Selain daripada ini, sebabnya perkara ini bagi kepentingan orang ramai, kepentingan murid-murid, kepentingan pendidikan di kawasannya. Oleh kerana projek telah disenaraikan, tidak dapat dilaksanakan begitu lama dan tidak dapat diselesaikan masalah isu yang dibangkitkan itu, maka hati marah daripada rakyat dan ibu bapa akan berbangkit. Itulah sebab salah satu contohnya.

Banyak lagi surat-surat yang dihantar kepada Biro Pengaduan Awam, surat-surat kepada forum-forum di surat-surat khabar, surat-surat yang dihantar kepada wakil rakyat Barisan Nasional untuk masalah yang ditimbulkan oleh rakyat kerana sesetengah agensi kerajaan, sesetengah jabatan kerajaan menghadapi masalah kelemahan pentadbirannya, maka masalahnya tidak dapat dilaksanakan, timbulnya rasa tidak puas hati rakyat.

Dengan demikian, emosinya timbul dan telah digunakan oleh pihak yang tertentu di mana undi kepada parti pembangkang. Isu penting sekarang, bukan parti Barisan Nasional, parti kerajaan tidak kuat, sebenarnya puncanya adalah rakyat merasai tidak puas hati di mana terhadap isu yang tidak dapat diselesaikan melalui kerajaan, melalui jabatan-jabatan kerajaan, melalui agensi-agensi kerajaan atau wakil-wakil rakyat Barisan Nasional, dengan demikian itu emosi berbangkit, maka masa pilihan raya datang, mereka rasa tidak dihargai, bukan katakan tidak sukakan kerajaan tetapi emosi tersebut, pengun di telah memilih kepada parti pembangkang.

Ini bukan ertinya parti pembangkang kuat, Tuan Pengerusi, sebenarnya puncanya tidak puas hati, sebab itu saya haraplah unit ini dan pihak-pihak yang berkenaan supaya mencari ikhtiar cara mana untuk mengatasi masalah-masalah yang ditimbulkan oleh rakyat melalui wakil-wakil rakyat Barisan Nasional dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Daerah itu atau mesyuarat-mesyuarat yang tertentu supaya masalah-masalah rakyat dapat dibereskan dengan segera.

Butiran 070000 – MAMPU. Objektifnya telah memberi satu huraian yang lebih terang untuk membawa perubahan pengurusan dan pentadbiran awam bagi meningkatkan mutu, kecekapan dan keberkesanan pentadbiran sejajar dengan keperluan negara. MAMPU juga memainkan peranan penting bagaimana untuk mengatasi kelemahan sesetengah agensi kerajaan atau jabatan-jabatan kerajaan terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh wakil rakyat Barisan Nasional dan juga rakyat jelata yang menghantar surat secara rasminya di mana isu-isu dapat diselesaikan dengan secepat mungkin, maka emosi rakyat tidak akan timbul. Maka dalam pilihan raya yang akan datang sokong kuat lagi kepada parti Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang saya ingin bangkitkan, walaupun mungkin dianggapkan perkara remeh atau kecil, tetapi pentingnya dibangkitkan perkara ini walaupun tidak ada berkaitan dengan kawasan saya, tetapi kepentingan rakyat hendaklah disuarakan.

Butiran 230900 – Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan. Saya difahami bahawa pemilik-pemilik kedai di Kampung Baru Jinjang Selatan dan Jinjang Utara telah memohon melanjutkan tempoh pajakan mereka dan dapatlah kelulusan daripada pihak Jabatan Tanah tetapi premium ke atasnya terlalu mahal. Dengan demikian itu, rayuan-rayuan telah disampaikan melalui MCA Cawangan Jinjang, di mana memohon pihak kerajaan, pihak Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan untuk menimbangkan supaya premium yang dikenakan kepada pemilik kedai yang memohon melanjutkan tempoh pajakan itu dapat dikurangkan.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan perkara ini penting kerana Kampung Jinjang Selatan dan Utara telah wujud dalam masa zaman darurat di mana mereka terpaksa masuk ke kawasan tersebut semasa penjajahan. Maka dengan keadaan kedudukan yang luar biasa, maka pertimbangan sewajarnya terhadap permohonan mereka untuk merayu mengurangkan premium itu dapat ditimbang sewajarnya dan munasabah.

Tuan Pengerusi, perkara ini penting kerana ada terdapat seramai 300 lebih pemilik-pemilik kedai itu walaupun wakil rakyat kawasan Kepong tidak membangkitkan tadi. Saya berfikir wakil rakyat Kepong akan bangkitkan berkenaan kawasan tersebut, tetapi tidak, terpaksa saya bagi pihak penduduk-penduduk Jinjang untuk merayu kepada .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Serdang, ada yang bangun.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tak payahlah, tadi sudah lupa, dia pun sudah lupa, biarkan saya bawa perkara ini bagi pihaknya. Saya tolong beritahu kerana kawasan Kampung Jinjang Selatan dan Utara begitu penting untuk masa depan. Maka saya harap .....

**Tuan Pengerusi:** Hendak beri jalan atau tidak ini?

**Dato' Yap Pian Hon:** Tak payah.

**Tuan Pengerusi:** Tak payah, tolong jawablah ya.

**Dato' Yap Pian Hon:** Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan supaya menimbangkan rayuan tersebut supaya pilihan raya yang akan datang penduduk-penduduk di Jinjang Selatan dan Utara akan memberi sokongan yang kuat lagi, supaya wakil rakyat Barisan Nasional akan dapat menang di kawasan tersebut semasa pilihan raya diadakan dan inilah satu rayuan daripada rakyat, saya harap DBKL akan dapat menimbangkan perkara yang begitu penting terlibat dengan pilihan raya di kawasan tersebut.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sila gulung ya.

**Dato' Yap Pian Hon:** Satu lagi Butiran 05100 – Projek Sosial, Rekreasi dan Kemudahan Awam Kuala Lumpur. Saya hanya sentuh satu perkara yang berkaitan dengan DBKL kerana Jalan Puchong/Sungai Besi yang sebahagiannya di bawah jagaan DBKL di mana telah mewujudkan lampu isyarat, terganggu lalu lintas begitu serius di kawasan tersebut. Saya telah minta satu penjelasan daripada DBKL apa sebab mewujudkan lampu isyarat di tengah-tengah jalan itu di dalam keadaan slope itu.

Tuan Pengerusi, jalan slope itu begitu bahaya tetapi wujudkan lampu isyarat terganggu lalu lintas, lalu lintas di Jalan Puchong/Sungai Besi begitu sibuk, beribu-ribu kenderaan melalui kawasan tersebut terpaksa terganggu, tunggu lampu hijau, tetapi kawasan yang membelok ke kawasan tersebut kurang kenderaan.

Saya minta di kawasan tersebut di mana pengguna-pengguna jalan melalui Puchong, kawasan saya, sentiasa memberi rayuan kepada saya, mintalah penjelasan lanjut berkaitan perkara ini daripada DBKL apa sebabnya terjadi demikian. Kenapa kenderaan akan membelok ke kanan jalan tersebut pada satu jam dan berapa kenderaan daripada Jalan Puchong ke kawasan ini. Dengan itu saya ingin mendapatkan satu penjelasan yang begitu saksama demi kepentingan pengguna, gangguan berlaku setiap pagi. Oleh kerana lampu isyarat tersebut maka akan sesak sampai dua kilometer.

Tuan Pengerusi, dengan demikian, saya mintalah pandangan dan saya haraplah perkara ini dapat diatasi, mungkin dengan membina satu jejambat ringkas untuk mengelakkan lampu isyarat, supaya lalu lintas di Jalan Puchong/Sungai Besi

yang begitu sibuk itu dapat berjalan lancar. Dengan demikian, saya memberi sokongan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Seputeh.

**12.44 tgh.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Pertama sekali saya ingin memberi sokongan kepada pandangan dari Tambun mengenai taraf perbahasan di Dewan yang mulia ini.

Sebagai seorang wakil rakyat wanita, saya memang suka melihat Ahli Yang Berhormat lelaki berbincang tentang hak dan kedudukan wanita. Tetapi apa yang saya rasa sedih ialah cara Sri Gading menyentuh isu wanita ini dan juga cara pembentangannya memang menyakitkan hati ramai Ahli Yang Berhormat wanita dan terutamanya ibu tunggal dan isteri yang bercerai, yang berada di Dewan ini. Saya rasa mungkin Sri Gading haruslah berhati-hati dalam ucapannya pada masa kelak.

Saya ingin berbincang tentang B.7 – 020000 – Unit Perancangan Ekonomi. Banyak projek syarikat besar yang diluluskan oleh kerajaan terbengkalai kerana krisis ekonomi yang berlaku sejak tahun 1997. Tetapi kesalnya kerajaan tidak mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah yang diakibatkan oleh projek-projek terbengkalai tersebut sehingga rakyat yang terlibat sengsara.

Saya ingin mengambil perhatian kerajaan terhadap projek KL Linear City yang diusahakan oleh Kumpulan Berjaya. Para penduduk di sepanjang tebing Sungai Klang telah didesak untuk berpindah dari kawasan tersebut. Para penduduk ini telah menandatangani perjanjian dengan pihak Syarikat KL Linear City di mana para penduduk diberi dua pilihan. Satu, ialah pampasan wang tunai RM22,000 ataupun sewa rumah sebanyak RM300 sebulan sehingga rumah kos rendah siap dibina dan dijual dengan harga berdiskaun kepada mereka.

Perjanjian tersebut disaksi oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Kerajaan Malaysia. Sekarang para penduduk yang dipaksa untuk berpindah dari tapak tersebut, telah pun dihentikan bayaran sewa sebanyak RM300 sebulan oleh syarikat tersebut dan rumah kos rendah yang dijanjikan dalam perjanjian tersebut tidak dibina.

Syarikat KL Linear City yang diarah oleh kerajaan untuk menghentikan projek tersebut tidak mengotai janjinya dengan penduduk yang dihalau keluar daripada tebing Sungai Klang. Memandangkan kerajaan dan EPU yang meluluskan Projek KL Linear City dan menjadi saksi dalam perjanjian di antara syarikat itu dengan para penduduk, jadi kerajaan mempunyai tanggungjawab moral terhadap para penduduk yang terlibat tersebut dan kerajaan digesa mengambil langkah untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh para penduduk yang terlibat tersebut.

Mengenai B.1 – 010000 – Urusan Parlimen. Saya merasa hairan untuk melihat peruntukan kepada Parlimen dikurangkan oleh kerajaan sekali lagi dalam Belanjawan 2001. Seruan daripada para Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini mengenai mengadakan peruntukan kepada kita semua untuk mengupah pembantu dan perbelanjaan pejabat perkhidmatan di kawasan kita masing-masing, memang tidak dipedulikan oleh kerajaan langsung. Ini menunjukkan bahawa kerajaan tidak mengambil berat tentang kerja dan tanggungjawab para Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dan menganggap fungsi Parlimen sebagai cop getah untuk meluluskan dasar dan kehendak kerajaan sahaja.

Saya juga ingin merujuk kepada peruntukan kepada Parlimen B.1 – 020100 – mengenai kenaikan gaji 10% dan ITP – 50%. Saya ingin menyeru pihak Parlimen dan kerajaan supaya memberi elaun kehidupan harian kepada para Ahli Yang Berhormat dari kawasan Lembah Klang dalam sidang Parlimen kerana perbelanjaan Ahli Yang Berhormat yang berkhidmat di kawasan Lembah Klang dan juga luar dari Lembah Klang dalam sidang Parlimen ini adalah sama. Jadi, layanan yang sama haruslah diberi kepada kesemua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Mengenai B.1 – 030100 – Peralatan dan Perisian Komputer Kakitangan. Saya ingin mengulangi kenyataan saya yang pernah saya buat dalam sidang belanjawan yang lepas iaitu mengenai pelengkapan komputer untuk para Ahli Yang Berhormat dan juga laman web Parlimen Malaysia. Walaupun Parlimen telah mengadakan beberapa buah komputer di Perpustakaan tetapi ini memang tidak mencukupi bagi kita semua.

Ini adalah kerana bangunan para pembuat keputusan yang tertinggi ini haruslah dilengkapi dengan lebih alat-alat komputer seperti seruan yang dibuat oleh Larut tadi, supaya kita boleh menunjukkan imej dan iltizam kerajaan yang mementingkan teknologi maklumat. Yang paling sedihnya laman web Parlimen sampai sekarang hanya menarik lebih kurang 76,000 pembaca sahaja. Kenapakah para rakyat Malaysia tidak berminat untuk masuk ke laman web Parlimen? Masalah laman web Parlimen kita adalah yang ia memang perlahan adakan *up-date* tentang apa yang berlaku di sidang Parlimen, terutamanya dari segi soalan. Saya selalu mendapati bahawa yang soalan pada keesokan hari itu lambat di*up-date* di laman web Parlimen terutamanya soalan pada hari Isnin.

Kedua, *Hansard* yang pernah dimasukkan dalam laman web Parlimen ini sekarang ini telah hilang dari laman web kita yang mana kesemua bil-bil, surat pemberitahuan, peraturan mesyuarat dan perkara-perkara yang dibentangkan di Parlimen itu semua tidak ditunjukkan dalam laman web kita.

Yang ketiga, sebenarnya yang kita semua Ahli Yang Berhormat di Dewan ini haruslah diberi *e-mail account*, tetapi sampai sekarang kita semua masih tidak ada diberikan *e-mail* daripada Bangunan Parlimen, walaupun Parlimen mempunyai *server* sendiri. Ini adalah memudahkan rakyat untuk mengadakan komunikasi melalui *e-mail* dengan Ahli-ahli Yang Berhormat di Parlimen.

Dan selain itu, walaupun laman web Parlimen kita disambung dengan laman web jabatan kerajaan yang lain, tetapi ia memang tidak mencukupi. Saya menyeru pihak Parlimen supaya menyambungkan laman web kita ini ke lebih banyak pertubuhan-pertubuhan antarabangsa di dunia dan malah di semua negara di dunia ini supaya kita boleh mengetahui apa yang berlaku di masyarakat antarabangsa dan juga berkenaan dengan bidang-bidang yang kita minati.

Saya juga bercadang supaya laman web Parlimen kita ini lebih interaktif, misalnya perkara yang penting yang berlaku di Parlimen seperti perbahasan usul, pembentangan belanjawan ataupun perasmian sidang Parlimen harus diadakan secara *live telecast* melalui laman web kita, mengadakan siaran langsung.

Jadi sebenarnya, kalau kita lihat, kalau kita merujuk laman web Parlimen di negara-negara maju seperti Australia, Amerika Syarikat dan United Kingdom. Kita mendapati yang pengurus ataupun web master, laman web Parlimen mereka sebenarnya bukan sebagai seorang *technician* sahaja. Tetapi mereka memang mengupah *researcher* atau pakar-pakar dalam bidang akademik yang menguruskan laman web mereka masing-masing. Jadi, saya menyeru yang laman web Parlimen kita akan menjadi lebih sempurna pada masa-masa yang akan datang.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, minta gulung, ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ya. Oleh itu Butiran 090000 – Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan dan Perancangan Lembah Kelang. Saya ingin menyebut tentang masalah penswastan kerja oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur khususnya penswastan kerja pembersihan bandar Kuala Lumpur kepada Alam Flora. Saya tidak faham kenapakah kerajaan ingin menswastakan kerja pembersihan kepada sektor swasta memandangkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai kakitangan yang cukup untuk menjalankan kerja pembersihan.

Sebagai seorang wakil rakyat di Kuala Lumpur, saya selalu menerima aduan mengenai sampah sarap yang tidak dibersihkan di sana-sini. Mereka yang mengadu pada saya mendakwa, Alam Flora tidak mengindahkan aduan mereka

ataupun menjalankan tugas dengan perlahan sehingga pejabat saya selalu terpaksa menghubungi pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menyelesaikan masalah mereka. Saya juga difahamkan bahawa syarikat Alam Flora selalunya memberi kerja pembersihan kepada sub-kontraktor mereka. Prestasi sub-kontraktor yang tidak berkesan ini pun menjejaskan imej Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Memandangkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan mengkaji semula kontrak dengan Alam Flora dalam bulan-bulan yang akan datang, saya berharap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan menghentikan penswastaaan kerja pembersihan tersebut dan pulangkan tugas ini kepada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Batang Lupar.

**12.53 tgh.**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ingin terlibat dalam membincangkan Maksud Bekalan di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam – Butiran 010000 – Program Perancangan Sumber Manusia Sektor Awam. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, dalam kita memajukan negara ini proses pengkomputeran pentadbiran kita, saya menerima banyak laporan mengatakan masih ada pegawai-pegawai kita yang tidak mahu terlibat ataupun mengikut aliran zaman pengkomputeran dan teknikal canggih pada masa ini. Jikalau benar, adakah pihak kementerian melihat di manakah letaknya kelemahan untuk memperkenalkan pengkomputeran ataupun untuk merealisasikan ilmu teknikal tinggi di Jabatan Perkhidmatan Awam.

Saya juga diberitahu iaitu apabila pihak-pihak jabatan untuk melaksanakan satu-satu program, sama ada soalan pengkomputeran ataupun menggunakan alat-alat canggih yang baru ditemui dan dipakai di luar negara, penerimaan alat-alat canggih ini dan sistem-sistem canggih ini tidak disambut baik oleh pihak-pihak jabatan. Kalau dulu kita mengguna, umpamanya kalau kita hendak buat *light house*, umpamanya ..... macam mana hendak sebut *light house* ini.....

**Tuan Pengerusi:** Rumah api, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Rumah api – ya *light house*. Sekarang kalau di luar negara *light house* ini tidak *di control* oleh manusia lagi di laut, dia boleh *di control* di pejabat saya di Kuching, semua 7 *light house* di Sarawak, umpamanya. Kita sudah boleh buat ini. Tetapi masalahnya, adakah pegawai kerajaan tahu benda ini. Kalau dia tahu pun, dia macam itu tidak hendak lagi. Sebab dia kata, masalah dia satu, soalan latihan, pegawai ini pegawai yang dilantik mungkin tahun 70-an dan tahun 80-an. Peruntukan untuk latihan tidak disediakan oleh pihak kerajaan. Kalau ada pun duit daripada lain dibawa masuk ke sini untuk latihan. Latihan tidak mencukupi. Dan, bila benda ini dia sudah terima nanti, *di commission* oleh pihak kerajaan, *maintenancenya*, dengan izin, tidak disesuaikan peruntukan dan juga latihan pegawai-pegawai untuk mengendalikan alat-alat yang canggih ini. Ini satu misal sahaja, saya sebut *light house*, banyak benda-benda lain lagi yang saya boleh sebutkan.

Tetapi dalam keadaan sedemikian, saya minta pihak kementerian mengenal pasti jabatan-jabatan yang perlu di up-gradekan dia punya *administration* dan pentadbiran ini daripada segi kecanggihannya dan pengkomputerannya. Adakah tidak pegawai kita tidak bersetuju dengan up-grading daripada segi teknologi ini ataupun tidak. Dan, apakah masalahnya daripada segi latihan, seminar, *workshop* dan bengkel yang kita adakan? Dan, adakah pihak kerajaan bersedia, kalau kita hendak pegawai mahu, kita kena bagi satu-satu insentif, bukan soalan hendak duit sahaja, sebenarnya soalan peruntukan. Kalau kita hendak adakan bengkel umpamanya, kita kena ada duit dia, jangan pegawai yang menjaga *warrant holder*, dengan izin, mengatakan kita tidak ada duit lagi buat ini, tetapi dia suruh juga buat. Tetapi dia ambillah duit daripada tempat lain, dia gunakan di sini. Jadi, program lain dibiarkan dan program ini dijalankan. Jadi, maknanya priority kita itu tidak boleh berjalan serentak.

Jadi, saya berharap pihak kerajaan melihat persoalan ini dan mengambil tindakan yang wajar, bukan sahaja untuk membuat unjuran berhubung dengan latihan pada tahun ini tetapi juga membuat peruntukan yang tertentu, mencukupi untuk latihan terutama sekali di negeri Sabah dan Sarawak, yang mana sekali lagi saya membangkitkan persoalan *Transport and Travelling (T&T)*, yang mana peruntukan itu diselaraskan macam mana yang diberi di Semenanjung ini. Kalau diberi di Semenanjung ini, maknanya 1/4 sahaja prestasinya boleh dilaksanakan. Kerana di Sarawak ataupun di Sabah, tempatnya masalah, kos di pedalaman, di Kapit, di Baram, jauh lebih mahal daripada apa yang boleh dilakukan di Kuching ataupun di Kuala Lumpur.

Masalah T&T ini, jadi berlakulah masalah yang mana pegawai yang ingin membuat kursus, bengkel dan sebagainya tidak boleh melaksanakan. Jadi, dengan itu juga masalah alat-alat canggih, penerimaan pelaksanaan alat canggih, komputer dan sebagainya ini, tidak boleh diterima. Mungkin bukan kerana pegawai tidak mahu tetapi peruntukan yang disediakan tidak mencukupi. Saya harap pihak Perancangan Sumber Manusia, sektor awam ini melihat bukan sahaja daripada segi hendak aturkan berapa banyak latihan, bengkel yang hendak dibuatkan tetapi peruntukan untuk melaksanakan, ini mestilah dibuat dengan secukupnya.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyebut persoalan Parlimen ini – Parlimen jauh ke belakang, terlepas, sebab - saya mintalah lain kali Yang Berhormat dari kementerian ikut format lamalah kalau dapat buku ini. Tebal sangat, hendak bawa masuk dalam bag pun tidak boleh, berat sangat. Format dulu dia nipis. *[Disampuk]* Saya ingat kalau dibuat *sensor* dalam Dewan ini, ramai ahli Parlimen tidak setuju. Jadi, saya *speaker* untuk semua orang minta format lama digunakan, jangan guna format ini. Format ini tidak sesuai, dia tebal sangat. Bag yang Parlimen bagi, kita pun tidak cukup, tidak boleh bawa. Saya mintalah format ini dikaji semula dan kalau dapat gunakan format yang lama. Senang lagi kerja kita. Sekarang saya hendak cari pun sudah hilang. Ini tempat Parlimen.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, minta sambung sebelah petang.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

*Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Batang Lupar sila sambung, ada empat minit lagi.

**2.30 ptg.**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Empat minit lagi. Di bawah bekalan B.1, di bawah Urusan Parlimen - 010000, menyentuh soal Parlimen sedikit sahaja, iaitu saya menyeru kepada Ahli Parlimen sama ada daripada pembangkang ataupun daripada kerajaan kita mestilah menunjukkan tatatertib yang baik dan bertanggungjawab, bersopan santun mengikut tradisi yang patutnya diamanahkan kepada Ahli Parlimen. Kerana adalah memalukan kalau Ahli Parlimen berlagak sebagai anak-anak dan budak-budak dan di hadapan pengundi kita, di hadapan anak-anak kita mungkin berada di sini dan pegawai kerajaan, malulah Ahli Parlimen. Pada masa sekarang mungkin Ahli Parlimen bukan lagi Ahli Parlimen tahun 1960'an. Kalau tak kurang pun orang dari

Sarawak - profesional, P.hd. dalam environment degree, peguam, jurutera, profesor, bermacam-macam lagi kelulusan, akauntan, inikah lagak profesional.

Jadi, saya mohonlah, saya tak hendak mencaci, tak menyebut nama sesiapa, saya mohon berikan kerjasama dengan Speaker, kerjasama dengan pengurus Dewan ini supaya kita boleh menunjukkan kita sebagai Ahli Parlimen....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** [*Bangun*]

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat duduk, saya tak ada masa, cuma empat minit sahaja. Itu pendek sahaja permintaan saya, tak panjang. Saya rasa kadang-kadang malu orang lama, saya 11 tahun duduk dalam Parlimen ini, kalau lihat yang tak senonoh saya rasa sedih sebagai *the highest law making body the land*, dengan izin.

Satu lagi saya ingin menyentuh, Tuan Pengerusi, berhubung dengan perbahasan kita di Dewan ini. Saya berharaplah pihak kementerian-kementerian serahlah *Hansard-Hansard* yang kita debatkan di Dewan ini. Kadang-kadang penyelidikan (research) yang Ahli Parlimen buat, kalau lihat Parit Sulong baca buku satu hari memang dua tiga buku, baca journal, baca bermacam-macam untuk mengetahui mendalam apa sahaja benda yang hendak dibahas di Dewan ini. Ini bukanlah zaman Ahli Parlimen zaman dahulu. Ini zaman moden, zaman IT, zaman Ahli Parlimen orang terdidik dan terpelajar. Walaupun karenah kadang-kadang sekali-sekala berlaku juga, tetapi tidak boleh dikatakan Ahli Parlimen pada masa sekarang Ahli Parlimen yang tidak mengetahui apa sahaja dari segi agamanya, dari segi teknologinya, dari segi *knowledgenya*, dengan izin. Kita boleh mengetahui semua ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, haraplah *Hansard* yang kita bahas ini diserahkan kepada pegawai-pegawai kerajaan dan dibaca dan diambil kira apabila menggubalkan undang-undang dan membuat undang-undang dan menggubalkan dasar di kementerian mereka. Saya menyebut ini oleh kerana ada satu sebab. Pada satu taklimat yang diberi oleh menteri, menteri kata, saya kena baca sedikit, "saya sudah berbincang dengan badan-badan ini, saya sudah berbincang dengan badan-badan itu, saya sudah berbincang dengan pegawai-pegawai saya, saya sudah berbincang dengan AG." Tak ada satu percakapan pun mengatakan perkara ini telah didebat di Dewan ini, yang mana perkara yang saya sendiri tahu, sudah 11 tahun saya duduk di sini perkara itu banyak disebutkan. Jadi, sebutlah sedikit. Janganlah tunggu apa yang berlaku pada saya sendiri, apabila seorang pegawai pos berjumpa saya di Kuching, mengatakan "Y.B. saya hendak jumpa Y.B. skit." Saya kata, "boleh, apa sebab ini" Saya kata soal yang bangkit dalam surat khabar. Saya kata "tak baca *Hansard*kah" "Tak ada Y.B., saya baca daripada surat khabar." Maknanya, apa yang keluar dalam surat khabar, itu sahaja yang dibaca oleh pegawai-pegawai kerajaan. Jadi surat khabar ini apa benda. What is news worthy baru masuk, kalau tidak...[*sambil menoleh ke belakang*]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, pandang ke sini.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sikit sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi, saya minta *Hansard-hansard* ini diserahkan kepada pegawai kerajaan, bacakanlah, nilaikanlah dan kalau bercakap itu berilah tahu input daripada Ahli Parlimen yang bijaksana ke dalam dasar-dasar atau penggubalan undang-undang kerajaan, kerana banyak input kita yang kita beritahu. Malangnya, saya tak boleh sebut semuanya. Lain kalilah saya cakap lagi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kuala Terengganu.

2.36 ptg.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin untuk membahas tentang Maksud B.1, 010000



– Urusan Parlimen. Dalam konteks perubahan-perubahan yang disebut oleh beberapa orang Yang Berhormat tentang kedudukan Parlimen kita. Yang pertamanya saya lihat dari perspektif perubahan-perubahan yang berlaku di negara kita sekarang ini terutamanya dari sudut globalisasi dan IT sendiri sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Seputeh tadi tentang keperluan-keperluan Parlimen ini sendiri dari segi membuat persiapan ke arah perubahan-perubahan di era IT itu sendiri.

Tuan Pengerusi, mungkin pengalaman saya sebagai seorang pensyarah universiti [*Disampuk*] saya banyak menggunakan Resource Centre di Parlimen ini sendiri. Tetapi ada sedikit kekecewaan saya, mungkin saya membandingkan sesuatu yang lebih besar dengan library di Universiti Malaya dengan library di Parlimen. Tetapi bagi Ahli-ahli Parlimen saya merasakan keperluan, kalau lihat dari segi budget ini sendiri di bawah 030300 - Pembelian Bahan-bahan Rujukan, peruntukan yang diberikan hanyalah RM75,000 untuk membeli bahan-bahan rujukan. Jadi, saya rasa ini satu yang perlu dilihat secara keseluruhan dalam membuat persiapan kepada Ahli-ahli Parlimen, bahan-bahan yang ada dalam pusat sumber itu sendiri, kadang-kadang ada bahan-bahan yang tidak dapat di dalam pusat-pusat sumber itu sendiri dari segi journal-journal yang terkenal, majalah-majalah yang menjadi keperluan, yang saya tekan di sini keperluan kepada semua Ahli Parlimen untuk kita membuat rujukan semasa supaya kita lebih update dengan isu dan juga dengan fakta yang ada untuk kita berbahas dalam Parlimen ini sendiri.

Yang keduanya, dari sudut IT ini sendiri. Di Parlimen memang ada ataupun di Pusat Sumber memang ada Internet service. Kita ada dua, tiga komputer dalam Pusat Sumber. Tetapi kalau sesiapa yang menggunakan Internet service di Pusat Sumber ini memang merasakan bahawa ianya terlalu perlahan (slow) dengan *speednya*....

**Tuan Pengerusi:** Kinabatangan bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalankah?

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita memang menyokonglah pandangan Yang Berhormat kerana ini pandangan yang bernas untuk kepentingan semua pihak. Jadi, apakah Yang Berhormat telah belajar daripada kesilapan dan boleh membetulkan diri, tahniahlah atas pandangan-pandangan yang bernas. [*Ketawa*]

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Tuan Pengerusi, saya tak tahu apa kesilapannya. [*Ketawa*] Wallahu waalam. Cuma saya ingin tekankan di sini dari segi keperluan kita semua Ahli-ahli Parlimen yang ada ini sendiri. Saya amat terasa dalam suasana yang ada sekarang with limitation, mungkin saya sendiri dari segi back ground yang ada pada saya mungkin kawan-kawan di pusat-pusat pengajian tinggi boleh membantu saya dari segi memberi bahan rujukan dan juga data-data keperluan untuk Parlimen ini sendiri untuk kita berbincang dan berbahas di Parlimen. Tetapi di kalangan Ahli-ahli Parlimen yang lain yang mungkin tidak mempunyai kesempatan yang demikian rupa ini, keperluan kepada tenaga dari sudut researcher, saya ingat ini merupakan sudah sampai masanya Ahli-ahli Parlimen diberikan seorang researcher, mungkin saat ini setiap bukan untuk setiap Ahli Parlimen, mungkin untuk setiap lima Ahli Parlimen ataupun 10 Ahli Parlimen disediakan seorang researcher sepenuh masa sepanjang sesi Parlimen ini untuk mereka memberi bantuan kepada Ahli-ahli Parlimen mencari bahan-bahan tertentu.

Sebab katakanlah sesi di dalam sesi yang kita lalui sekarang ini kita bermula pukul 10.00 pagi dan kita habis pukul 5.30 petang. Kadang-kadang kita habis sampai larut malam, kita tidak mempunyai sebarang kesempatan untuk membuat further reading, dengan izin, membuat rujukan, kita membuat penyelidikan yang lebih mendalam tentang perkara-perkara yang akan dibahas tentang soalan-soalan yang akan keluar esok harinya. Jadi, dengan adanya bantuan daripada researcher di Parlimen ini sendiri, saya berharap pihak kerajaan mengambil perhatian akan perkara ini, ianya akan memberikan pertolongan kepada Ahli-ahli Parlimen, bantuan kepada

Ahli-ahli Parlimen untuk bersedia dengan lebih baik dari segi membuat persediaan-persediaan yang ada.

Yang keduanya, saya ingin kembali kepada IT ini dari segi keperluan Internet service yang ada ini. Sebagaimana yang telah banyak dibahas di Parlimen ini sendiri dalam era yang ada sekarang kita tidak boleh lari dari segi sumber maklumat yang ada dalam era IT ini sendiri. Sebab itulah Ahli-ahli Parlimen perlu untuk mendapatkan service yang lebih baik di Parlimen ataupun di Pusat Sumber ini sendiri dari segi speed IT yang ada di Pusat Sumber ini adalah terlalu perlahan sehingga untuk kita membuka sesuatu *webpage* di Pusat Sumber itu memerlukan masa kadang-kadang sampai lima, enam minit kita terpaksa menunggu. Kadang-kadang saya sempat untuk membuat kerja-kerja lain dahulu sebelum sesuatu *webpage* itu dapat dibuka. Saya harap perkara ini dapat dipertingkatkan.

Yang ketiganya, dari sudut beberapa bahan, kadang-kadang *Hansard*, baru-baru ini saya pergi ke Pusat Sumber, ada beberapa *Hansard* yang sudah hilang tidak dapat dikesan lagi dan saya terpaksa merujuk di Universiti Malaya untuk mencari *Hansard-hansard* yang hilang ataupun misplaced, wallahu waalam saya tidak tahu tetapi tidak dapat di situ walaupun dengan bantuan beberapa orang pegawai-pegawai di Pusat Sumber ini sendiri.

Inilah perkara-perkara yang perlu kita lihat supaya prestasi semua Ahli-ahli Parlimen dapat dipertingkatkan. Saya rasa semua pihak melihat perkara ini agar kita dapat melihat perbincangan ataupun apa-apa perbahasan yang kita laksanakan di Parlimen ini dapat berjalan dengan lebih baik.

**Tuan Pengerusi:** Ya Bagan Datoh.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mohon penjelasan daripada sahabat saya Kuala Terengganu. Adakah Yang Berhormat bersetuju di dalam mempertingkatkan kemudahan penyelidikan di perpustakaan ataupun Pusat Sumber kita atau Yang Berhormat tadi mencadangkan supaya ada pembantu penyelidik yang harus diberikan kepada kita. Tidakkah boleh sama ada pembangkang ataupun penyokong kerajaan duduk bersama-sama dalam satu meja, satu jawatankuasa untuk memikirkan. Mungkin kita boleh bertelagah di Dewan ini, tetapi di luar atas nama kepentingan nasional kita duduk bersama-sama membincangkan sesuatu yang lebih boleh memberikan manfaat kepada sesuatu isu. Kita harap penyelidik-penyelidik sementara daripada universiti ataupun kolej-kolej swasta sepanjang kita bersidang, kita duduk bersama-sama. Jadi, saya rasa kalau Yang Berhormat bersetuju kita boleh duduk bersama-sama dengan Backbenchers Club. Terima kasih.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Terima kasih. Ini yang saya cadangkan dari soal *research* ini saya cadangkan mungkin di peringkat awal mungkin sepuluh orang Ahli Parlimen atau lima orang Ahli Parlimen seorang *researcher*. Tidak mengira pembangkang atau pihak kerajaan. Setiap *researcher* itu boleh memberi bantuan kepada setiap Ahli-ahli Parlimen dalam bahan-bahan dan keperluan-keperluan ataupun isu-isu yang akan dibawa di Parlimen itu sendiri. Saya harap perkara ini diambil perhatian serius tentang ini.

Yang keduanya oleh kerana masa terhad, saya ingin menyentuh sedikit mengenai HAWA di bawah B.7, Butiran 190000 – Hal Ehwal Wanita, dalam konteks kedudukan atau peranan yang dilakukan untuk kaum wanita. Sebagaimana yang disebut, terlalu banyak juga yang dibincangkan tentang peranan kaum wanita ini sendiri. Tetapi bagi saya, saya ingin menegaskan dari sudut kita terutamanya kita orang Islam, kita mesti menjelaskan secara ikhlas kepada saudara kita ataupun sahabat-sahabat kita yang bukan Islam, kedudukan wanita dari sudut syariat Islam dan kedudukan wanita yang dilihat dalam perspektif orang-orang bukan Islam.

Sebagai contoh ada perbezaan, kalau kita ambil dari konteks kaca mata apa yang diistilahkan sebagai moraliti dengan apa yang diistilahkan sebagai akhlak.

Dalam soal moraliti mungkin dari sudut universal, pandangan umum secara universal dari sudut akhlak kita melihat dari sudut syariat Allah S.W.T. Hukum-hukum Allah S.W.T. Perkara ini saya ada berbincang sedikit dengan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam tentang kedudukan wanita ini sendiri dalam perspektif Islam. Bagaimana dilihat dari perspektif Islam ini sendiri dari sudut syariat Allah S.W.T dan juga beberapa kajian yang dibuat. Perkara-perkara soal kedudukan wanita dari segi kebebasan wanita, pakaian wanita dan sebagainya. Sebenarnya ada kajian-kajian yang dibuat di Barat sendiri.

Sebagai contohnya isu yang diperkatakan seolah-olah kita ataupun pembangkang cuba untuk menyempitkan peranan wanita dari sudut berpakaian dan sebagainya. Sebenarnya kalau kita membuat kajian, ada banyak kajian-kajian di Barat sendiri tentang kesan-kesan dari segi wanita-wanita yang berpakaian, orang kata tidak senonoh ataupun berpakaian seksi. Saya telah memberi kepada sahabat saya Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam satu artikel yang dibuat oleh seorang profesor Julie Rigged di University Ohio, kalau tidak silap saya yang membuat satu kertas dan kajian-kajian. Perkara-perkara inilah yang perlu dilihat secara keseluruhan dalam peranan HAWA ini sendiri.

**Tuan Pengerusi:** Ya, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Ya, dalam peranan HAWA ini sendiri supaya kita melihat atau kita membezakan. *There's nothing* yang kita hendak sembunyikan. Kalau saya sebagai seorang Islam kita perlu memperjelas kepada saudara-saudara kita, sahabat-sahabat kita yang bukan Islam. Dalam perspektif Islam bagaimana peranan wanita dan bagaimana dilihat dalam perspektif bukan Islam. Ini adalah suatu yang penting. Jadi saya ingat itulah sahaja yang dapat saya sampaikan.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Parit Sulong.

**2.50 ptg.**

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada bekal B.1 mengenai Parlimen. Dalam hal ini saya menyokong apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Larut, Batang Lupar dan juga, untuk pertama kali, oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Jadi saya tidak payah ulas dengan lebih panjang, khususnya mengenai ganjaran Timbalan Yang di-Pertua, kemudahan-kemudahan yang diperolehinya, mengenai kemudahan-kemudahan pusat *research* dan sebagainya, demi kepentingan semua.

Seterusnya saya merujuk kepada B.4 Tuan Pengerusi, iaitu mengenai Suruhanjaya Pilihan Raya. Pada hakikatnya, Suruhanjaya Pilihan Raya bertanggungjawab merancang dan mengendalikan sistem pilihan raya dengan adil, (bukan macam di Amerika Syarikat. Hari ini ada pemerhati Amerika Syarikat, sampai sekarang pilihan raya Amerika Syarikat pun belum tahu siapa presiden), cekap dan telus bagi memelihara dan mengekalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen di Malaysia.

Sebab itulah salah satu strategi Suruhanjaya Pilihan Raya dalam Belanjawan 2001 adalah mengkaji semula dan meminda undang-undang, akta, peraturan, prosedur dan proses pendaftaran pemilih serta pilihan raya supaya urusan pendaftaran pemilih dan perjalanan pilihan raya dapat dilaksanakan dengan lebih mudah, lebih cekap dan lebih licin.

Sehubungan dengan ini, saya merujuk kepada Kepala 010000 Urusan Pilihan Raya. Dalam hal ini, saya tidak mahu menyatakan sama ada Suruhanjaya Pilihan Raya selama ini telah bertindak adil atau sebaliknya. Pokoknya rata-rata pilihan raya umum yang dijalankan memang menunjukkan SPR adalah cekap dan *the ballot box* menjadi saksi kepada demokrasi di dalam negara kita.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Bagan Datoh ya.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian terhadap apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong tadi tentang Suruhanjaya Pilihan Raya, terutamanya apabila Dato' Rashid Abdul Rahman orang lama Suruhanjaya Pilihan Raya selama berbelas-belas tahun sebagai Setiausaha. Suruhanjaya Pilihan Raya sekarang ini sebagai Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya yang baru. Pada pendapat Yang Berhormat, apakah kaedah-kaedah yang dilakukan semasa dahulu terutamanya apabila pilihan raya yang lalu memperlihatkan beberapa kekeliruan yang timbul, terutama dari segi daftar pemilih-pemilih yang tidak sama dengan daftar pemilih yang ada pada parti-parti politik. Saya fikir kawan-kawan kita dalam parti pembangkang dan rakan-rakan kita dalam Barisan Nasional juga menghadapi masalah yang sama. Kerana daftar yang diberikan kepada kita tidak sama dengan daftar yang ada pada pegawai-pegawai di tempat pemilihan itu. Jadi minta pandangan Yang Berhormat.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, itulah di antara berkuasa yang saya hendak sebutkan. Sebenarnya, dalam ucapan saya, saya hendak mengucapkan tahniah kepada sahabat lama saya Dato' Rashid Abdul Rahman, sebagai konteks sewaktu saya berkhidmat di *New Straits Times*, sekarang menjadi Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya. Saya harap kecekapan Suruhanjaya Pilihan Raya akan meningkat pada masa yang akan datang.

Saya teruskan Tuan Pengerusi. Biarlah rakyat jelata sendiri yang menilai prestasi Suruhanjaya Pilihan Raya menerusi pilihan raya umum 1999. Namun begitu, saya dapati ada kalanya Suruhanjaya Pilihan Raya seolah-olah tidak sensitif terhadap beberapa perkara, karehah dan kesongsangan pihak pembangkang sewaktu proses kempen pilihan raya berjalan.

Contohnya, Tuan Pengerusi, di kawasan Parlimen Parit Sulong. Dalam Pilihanraya Umum 1999, sewaktu proses berkempen, Suruhanjaya Pilihan Raya seolah-olah tidak berani menegur apatah lagi mengambil tindakan terhadap PAS yang memaparkan beberapa *billboard* dengan izin yang mengandungi beberapa terjemahan ayat al-Quran untuk mendorong pengundi menyokong parti berkenaan. Suruhanjaya Pilihan Raya juga terbukti tidak sensitif terhadap taktik pembangkang yang memaparkan gambar-gambar tertentu untuk meraih simpati rakyat.

Di kawasan Parlimen Parit Sulong, Tuan Pengerusi, PAS telah memaparkan terjemahan sepotong ayat al-Quran yang tidak tepat maksudnya. Saya bacakan dalam Dewan Rakyat ini seperti berikut: "*Tangan kamu akan menjadi saksi di akhirat*" Surah Yassin. Terjemahan yang tidak dihuraikan konteksnya ini diikuti oleh seruan "*Undilah PAS*". *Billboards* seperti ini dipacakkan di kawasan-kawasan strategi di merata ceruk dalam kawasan saya. Di samping *billboards* sedemikian dipaparkan pula gambar 'mata lebam' bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, sebentar, tadi saya dapat nasihat daripada Yang Berhormat bagi Pulaui. Ayat surah Yassin itu sebenarnya diambil daripada surah berikut: Bismillahir Rahmanir Rahim [*Membaca sepotong ayat dari Surah Yassin*] Yang bermaksud, "...*Pada hari ini, iaitu pada hari Kiamat, kami kunci akan mulut-mulut mereka itu dan berkata-kata akan tangan mereka itu dan naik saksi akan kaki-kaki mereka itu akan apa yang dilakukan oleh mereka itu*". PAS hanya mengambil sebahagian daripada ayat itu iaitu: jari kamu akan menjadi saksi di akhirat, undilah PAS. Adakah di hari Kiamat nanti, di Padang Mahsyar, akan dipanggil Malaikat supaya jadi saksi, "adakah jari kamu memangkah PAS atau memangkah Barisan Nasional. Kalau memangkah PAS masuk syurga, memangkah Barisan Nasional masuk neraka". Adakah itu ertinya. Adalah satu pengeliruan dan satu dosa besar untuk menggunakan ayat Al-Quran dalam konteks ini.

Beberapa cerdik pandai di kawasan saya amat kesal dengan apa yang berlaku.

**Tuan Mohd. Amar bin Abdullah:** [Bangun]

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya tidak beri jalan Tuan Pengerusi. Waktu saya pendek. Cerdik pandai Islam di kawasan saya kesal dengan perbuatan PAS mempamerkan *billboards* dan gambar seperti ini. Mereka berpendapat bahawa taktik PAS mengeksploitasi terjemahan ayat Quran seperti ini wajar diambil tindakan oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya. Mereka berpendapat sedemikian kerana terjemahan yang diambil secara *off context* dengan izin, jelas mengelirukan dan juga menakut-nakutkan para pengundi Islam.

Cerdik pandai Islam di kawasan saya juga mengatakan bahawa taktik PAS menggunakan terjemahan Surah Yasin, versi PAS, “tangan kamu akan menjadi saksi di akhirat”, yang diikuti dengan seruan undilah PAS itu perlu mendapat tindakan serius oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya. Saya yakin Ketua Pembangkang merangkap Presiden PAS akan terkejut dengan hakikat ini. Tetapi inilah realitinya tindak-tanduk PAS sewaktu berkempen dalam pilihan raya umum di peringkat akar umbi pada tahun 1999.

Berdasarkan taktik yang dikesali seperti di atas, maka saya mencadangkan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya pimpinan sahabat lama saya, iaitu Dato’ Abdul Rashid Abdul Rahman selaku pengerusi yang baru, akan mengkaji semula keseluruhan undang-undang peraturan, prosedur kempen untuk pilihan raya di masa akan datang. Saya membuat cadangan ini semoga undang-undang, peraturan dan prosedur berkempen di hari muka akan melarang perkara-perkara seperti yang telah saya sebutkan di atas. Peruntukan undang-undang, peraturan dan prosedur seperti ini penting supaya perjalanan sesuatu kempen pilihan raya tidak akan menjejaskan ketenteraman awam, tidak akan menyelewengkan masyarakat, tidak akan menjejaskan keselamatan negara dan juga perpaduan rakyat jelata setempat di peringkat akar umbi.

Saya faham bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya mungkin menghadapi masalah kekurangan kakitangan yang pakar mengenai Islam untuk memastikan pengeksploitasian ayat Quran oleh pihak pembangkang di dalam proses kempen pilihan raya umum dapat dibendung secara berkesan. Untuk mengatasi masalah ini Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya Suruhanjaya Pilihan Raya mendapatkan nasihat ulama untuk menggubal undang-undang peraturan dan prosedur pilihan raya yang berkaitan dengan soal-soal penyelewengan agama Islam dan ayat-ayat suci Al-Quran.

Untuk penguatkuasaannya, Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah membabitkan kakitangan pakar dari agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab di dalam pentadbiran Islam supaya menjadi sebahagian dari pasukan pegawai Suruhanjaya Pilihan Raya yang bertugas memantau, menyelia dan menguatkuasakan undang-undang, peraturan dan prosedur kempen pilihan raya sewaktu sesuatu pilihan raya dijalankan. Tidak lama lagi di Lunas akan mengadakan pilihan raya kecil. Cuba kita tengok bagaimana gelagat PAS.

Saya mengetahui dari sebuah laporan akhbar pada 9 November 2000 yang lalu, Suruhanjaya Pilihan Raya kini sedang melaksanakan satu siri pertemuan di seluruh negara untuk mengutip maklum balas atau *feedback* dengan izin, yang kelak akan dijadikan input kepada pembaharuan undang-undang, peraturan dan prosedur pilihan raya di masa akan datang. Saya menyokong usaha seperti ini. Tetapi, janganlah hanya dihadkan siri pertemuan dan pengutipan maklumat ini kepada NGOs atau badan-badan sukarela dan juga institusi pengajian tinggi. Sebaliknya saya harap Suruhanjaya Pilihan Raya akan mengadakan pertemuan dengan yang serupa dengan seluruh ahli politik. Kalaulah sukar untuk Suruhanjaya Pilihan Raya untuk menemui seluruh ketua bahagian atau ketua cawangan, temuilah wakil-wakil parti siasah di peringkat badan perhubungan negeri. Saya yakin banyak *feedback* yang positif dan negatif boleh diperolehi untuk memperbaiki lagi sistem perjalanan pilihan raya di masa akan datang.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Jabatan Perangkaan iaitu B.9. Merujuk kepada 020100 – Pembangunan Perangkaan dan Metodologi, 030100 – Demografi, Banci Penduduk dan Perumahan.

Secara khususnya, baru-baru ini lebih kurang dua tiga bulan yang lalu, kita menjalani satu proses bancian penduduk di seluruh negara. Yang saya kesalkan apabila kerajaan sekarang ini sedang giat untuk melihat sama ada keadaan jurang digital itu meluas atau tidak meluas dalam negara, tidak dimasukkan pun dalam satu bancian itu persoalan yang amat mudah, iaitu adakah anda mempunyai komputer, adakah anda termampu memiliki komputer, adakah anda celik komputer, adakah anda mempunyai *Internet connectivity* dan sebagainya.

Adakah Jabatan Perangkaan sensitif terhadap perkembangan zaman dan tuntutan zaman. Saya minta perkara ini diberilah perhatian yang khusus. Kalau tidak, bagaimana kita mahu mengukur jurang digital dalam negara yang kesannya amat dalam dan amat luas. Di Amerika Syarikat, saya nyatakan baru-baru ini, jurang digital wujud di antara masyarakat yang gajinya berbeza, yang tinggi dan yang rendah, masyarakat yang hitam dan yang putih, masyarakat dalam bandar dan luar bandar. Dalam negara kita, kita ambil satu contoh sahaja, yang gaji tinggi dengan gaji rendah, majoriti orang Melayulah yang bergaji rendah. Yang dalam bandar dengan luar bandar, majoriti orang Melayulah di luar bandar. Kalau kita tidak mengutip data-data yang penting untuk menggubal dasar di masa akan datang, apa gunanya perancangan kerajaan yang kita laksanakan.

Dengan itu, saya harap laksanakanlah satu kajian pungutan data mengenai data-data yang berkait dengan jurang digital ataupun digital divide. Digital divide adalah civil society issue of the century, adalah satu masalah masyarakat di alaf baru dan jurang digital ini kesannya amat jauh.

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Masa Yang Berhormat sudah hendak cukuplah itu.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Sudah hendak cukup.

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat ada menyebut jurang digital di Amerika. Jadi pilihan raya Presiden Amerika baru-baru ini mereka bukan jurang bahkan *digital up bound* sudah lebih di Amerika tetapi sehingga hari ini Presiden mereka pun belum dapat diputuskan. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Kemungkinannya akibat penggunaan sistem-sistem perisian yang tidak betul. Saya mengatakan jurang digital dari segi implikasi sosioekonomi di masa akan datang, Tuan Pengerusi. Sebab itulah indikator perangkaan adalah penting untuk kita merancang dasar-dasar yang sesuai dengan strategi kerajaan untuk mengatasi jurang digital.

Sebab itu saya minta supaya diadakan kajian yang teliti terhadap berapa jumlah rakyat Malaysia yang mempunyai Internet connectivity, berapa jumlah rakyat Malaysia yang mempunyai komputer peribadi di rumah, berapa ramai rakyat Malaysia yang celik komputer. Ini amat penting dijadikan input untuk kita menggubal dasar untuk mengatasi kemungkinan wujud jurang dan jurang ini memang akan wujud. Kita tidak boleh elak.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih Tuan Pengerusi, dan saya akhiri berilah perhatian yang sepenuhnya terhadap hal ini dan saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kota Melaka .

**3.02 ptg.**

**Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan mula dengan Maksud B.4 iaitu berkenaan dengan Suruhanjaya Pilihan Raya. Saya ingin menyeru supaya Suruhanjaya Pilihan Raya mengadakan satu perundingan di antara semua parti untuk mengadakan kod etika yang boleh dilaksanakan dengan efektifnya. Saya rasa banyak perlu lagi dibuat oleh SPR sebelum ia boleh meyakinkan rakyat bahawa ia berkebolehan untuk menjalankan satu pilihan raya yang dengan izin, *free, fair and clean*.

Sebenarnya sebelum pilihan raya lalu rombongan BA pernah berjumpa dengan Pengerusi SPR dan daripada apa kita telah bincang, saya dapati bahawa adalah sukar bagi SPR untuk mengadakan satu perundingan oleh kerana mereka berasa susah hendak menguatkuasakan apa yang dipersetujui. Dan saya haraplah semua parti kalau betul-betul kita percaya sistem demokrasi, kita sama-sama mengadakan satu kod etika yang boleh dilaksanakan dengan efektifnya dan dipatuhi oleh semua parti termasuk terutama sekali parti pemerintah.

Saya juga harap dalam kod etika ini kita boleh adakan satu peraturan di mana sesiapa parti pun tidak boleh membuat janji-janji kosong. Oleh kerana janji-janji kosong yang dibuat ini bukan sahaja menjatuhkan kredibiliti kerajaan tetapi juga menjatuhkan imej ahli politik. Saya bagi satu contoh di pilihan raya kecil Teluk Kemang. Pihak Menteri MCA telah menjanjikan bahawa bagi setiap ekor khinzir yang telah dimusnahkan, penambahan sebanyak RM20 akan diberikan kepada para penternak khinzir tetapi sampai hari ini pun kata-kata tidak dikotai.

Inilah menyebabkan orang memandang rendah ahli politik dan ramai orang tidak suka masuk politik oleh kerana mereka anggap ini adalah satu perbuatan yang tidak baik. Jadi saya berharaplah SPR di bawah sekarang Pengerusinya orang baru, Dato' Rashid, boleh memandang berat perkara ini.

Kini saya merujuk kepada Maksud B.3 berkenaan dengan Jabatan Audit iaitu Auditan Akaun Negeri. Tuan Pengerusi, saya dapati bahawa Jabatan Audit telah menjalankan tugas mereka dengan baik tetapi ada satu yang saya hendak sarankan di sini ialah bahawa bila saya baca laporan audit tahun 1997 berkenaan dengan negeri Melaka saya dapati bahawa ada satu kepincangan atau penyelewengan telah berlaku di mana MPMBB (Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah) tidak mengadakan penilaian taksiran harta dengan cepat iaitu sebaik sahaja CF dikeluarkan. Oleh kerana kelewatan ini Council atau Majlis telah kehilangan harta dekat RM6 juta.

Apabila saya cuba hendak tahu apakah tindakan yang telah diambil ke atas pegawai-pegawai yang terlibat, saya tidak dapat apa-apa jawapan. Tiada siapa yang akan memberikan jawapan. Bila saya pergi jumpa pegawai BPR, jawapannya ialah akta tidak membenarkan mereka memberitahu saya apakah statusnya.

Saya harap bahawa Jabatan Audit Negara boleh juga bagi kepada Ahli Parlimen ulasan kerajaan apakah tindakan yang telah diambil dan juga di sini ada pegawai yang telah salah gunakan kuasa dan jual tanah dengan harga yang rendah menyebabkan kerugian yang sebanyak RM600 Majlis Daerah Jasin. Dan orang ini saya dengar telah resign. Apa-apa pun tidak boleh buat kepada dia.

Jadi kalau kerajaan tidak memandang berat laporan Ketua Audit ini, saya rasa ini adalah boleh disifatkan sebagai harimau yang tidak bertaring. Saya difahamkan di Singapura sekiranya nama siapa sahaja jabatan dilaporkan dalam laporan audit, mereka menggegil oleh kerana Menteri Kanan Lee Kuan Yew begitu pandang berat terhadap laporan audit negara .

Tuan Pengerusi, saya juga mendapat laporan atau aduan daripada seorang di Johor yang mengatakan bahawa masa telah sampai untuk Jabatan Audit mengaudit peruntukan kawasan yang diberikan oleh wakil-wakil rakyat kepada persatuan-persatuan atau individu-individu. Orang yang mengadu kepada saya ini dia enggan mendedahkan identitinya. Beliau berkata bahawa persatuannya diberikan peruntukan sebanyak RM5,000 untuk membeli sebuah televisyen tetapi arahan ialah hendak

membeli daripada syarikat yang tertentu. Dan harga TV itu sebenarnya mungkin kurang daripada RM3,000 tetapi invois yang ditulis RM5,000. Jadi saya rasa ini ada satu salah guna.

Saya juga dapat aduan daripada seorang di Negeri Sembilan mengatakan bahawa sebenarnya walaupun ada wakil rakyat mengatakan mereka memberikan peruntukan sebanyak RM1,000 atau RM3,000 wang sepenuhnya tidak akan disampaikan kepada sesiapa penerima. Jadi saya rasa memang ada penyalahgunaan.

Saya juga pernah beberapa tahun dulu dimaklumkan oleh seorang pegawai bahawa bila JKKK membeli TV perkara yang sama berlaku walaupun televisyen itu berharga RM1,200 invois RM1,400 tetapi tidak ada siapa yang hendak mengutarakan perkara ini. Jadi saya kata orang-orang ini tidak berani tampil ke hadapan. Jadi, saya akan kata di sini bahawa kadang-kadang *the truth is more important than a proof*, dengan izin, Tuan Pengerusi. Saya harap Jabatan Audit boleh masuk dan membuat auditan yang menyeluruh dalam kes ini sebab saya rasa ini adalah satu kemungkinan ada penyalahgunaan yang besar telah berlaku begitu lama sekali.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya akan menyentuh sedikit berkenaan dengan Parlimen. Begitu banyak telah diperkatakan oleh beberapa orang Ahli Parlimen bahawa adalah tanggungjawab kita untuk meninggikan imej, untuk mengangkat martabat imej Parlimen. Itu saya rasa semua orang setuju. Tetapi saya rasa tanggungjawab kerajaan lebih berat daripada kita oleh kerana segala urusan yang dijalankan di sini adalah urusan kerajaan. Dan mutu perbincangan juga hendaklah ditingkatkan. Boleh juga ditingkatkan kalau kerajaan memainkan peranan mereka.

Jadi, saya difahamkan, saya datang lewat hari ini, difahamkan bahawa tempoh atau masa perbincangan telah dipendekkan. Walaupun kita bercakap dengan cara lemah lembut, ini tidak akan meningkatkan lagi mutu perbincangan di sini. Saya hendak bagi jalan tidak ada masa. Jadi, saya rasa janganlah kita cakap sahaja tetapi perkara-perkara yang mustahak kita tidak ambil berat.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, saya memang akur kepada perintah Tuan Pengerusi dan menghormati Tuan Pengerusi tetapi ada satu perkara saya rasa juga kita ingin membuat teguran ialah berkenaan dengan kamera yang wujud di Parlimen ini. Tuan Pengerusi telah menjelaskan bahawa ini adalah kuasa Tuan Pengerusi untuk membenarkannya. Tetapi kalau kita ada Jawatankuasa Dewan dan Jawatankuasa Dewan ini tidak dimaklumkan, maka kita merasa bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah diabaikan dan tidak dipandang berat.

Kalau kita ikut convention Parlimen, Speaker adalah *servant of the House*. Jadi saya rasa Speaker haruslah meminta kebenaran sekurang-kurangnya daripada Jawatankuasa Dewan sebelum membenarkan Perdana Menteri melihat kita daripada video camera. Ada tujuh. Satu, dua, tiga. Sana bulat-bulat itu semua kamera. Jaga sana ya. Ada tujuh. [*Sambil menunjukkan ke kiri dan kanan*]. Jadi saya rasa tanggungjawab Speaker juga begitu mustahak untuk mengangkat martabat Parlimen dan saya haraplah Tuan Pengerusi boleh memainkan tanggungjawab Tuan Pengerusi dengan lebih baik, lebih berkesan dan sampaikan ketidakpuasan hati pihak kita kepada kerajaan Kabinet berkenaan apa-apa sahaja yang kita sentiasa telah menimbulkan, cara kita hendak debat, masa tidak cukup, ada menteri tidak datang, menteri datang tidak berani bagi jalan. Ini semua tidak elok dan tidak baik untuk imej Parlimen. Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Selangau.

### 3.11 ptg.

**Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh [Selangau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk menyentuh Maksud B.4 berkenaan dengan Suruhanjaya Pilihanraya di bawah Butiran 030300 – Persempadanan semula Bahagian Pilihan Raya yang telah diperuntukkan sebanyak RM166,700 sahaja.



Tuan Pengerusi, memandangkan negeri Sarawak ialah negeri terbesar di Malaysia ini, dekat sebesar dengan Semenanjung dan wakil rakyat dari Sarawak iaitu Ahli Parlimen hanya 28 orang wakil rakyat, Adun 62 orang sahaja. Dan saya ingin bertanya kepada kementerian yang berkenaan, bilakah persempadanan semula bagi negeri Sarawak atau Sabah yang sebesarnya akan dikaji dan ditambah memandangkan yang saya perkatakan tadi bahawa hanya 28 orang Ahli Parlimen dan 62 ahli Adun yang wakil dari Sarawak dan apakah kriterianya untuk menambahkan semula persempadanan pilihan raya di negeri Sarawak.

Misalnya Tuan Pengerusi, di kawasan saya Selangau, kalau dibandingkan sebesar dengan negeri Perlis atau boleh dikatakan sebesar dari negeri Kelantan, hanya seorang Ahli Parlimen dan dua orang Adun. Jadi, saya rasa kalau tidak ditambah bagi negeri Sarawak bagi wakil-wakil rakyatnya memang sukar. Tuan Pengerusi pun sudah tahu.

Yang keduanya, saya hendak sentuh di bawah Butiran 010000 – Urusan Pilihan Raya. Di Sarawak kita kurang lebih 5,000 atau 6,000 buah kampung dalam rumah panjang di mana penduduknya telah bertaburan di merata-rata tempat. Rumah panjang ini dua tiga empat lima tahun mereka telah berpindah ke tempat yang lain oleh sebab masalah tanah. Penduduknya misalnya mula-mula mereka yang berumah panjang itu 20-30 pintu tetapi bila sudah 20 tahun mereka akan berpindah ke tempat lain. Tetapi Tuan Pengerusi, senarai pengundi masih tinggal di tempat rumah yang lama.

Jadi, saya minta SPR mengemaskinikan bahawa senarai-senarai itu akan ditempatkan di tempat mereka yang telah mengundi atau di *polling station* yang mereka hendak mengundi. Ini juga berkenaan musim pilihan raya tempoh hari, semasa Parlimen tahun yang lepas di mana Negeri Sarawak, masa hari mengundi hanyalah satu hari sahaja tetapi kawasannya luas dan jauh di pedalaman di mana pengangkutan pun sukar. Kebanyakan *polling station* ataupun *polling district* menggunakan bot kecil, kadang-kadang jalan kaki dua tiga jam untuk membawa peti undi ke tempat menghitung undi dan saya harap SPR akan membekalkan banyak lagi helikopter kepada pedalaman Negeri Sarawak. Itulah sebab tempoh hari semasa pilihan raya Parlimen, ada tempat-tempat di kawasan luar bandar di mana peti undi datang pukul 10.00 atau 12.00 malam di tempat menghitung undi. Jadi, saya bercadang supaya SPR untuk mengagihkan helikopter kepada tempat-tempat yang begitu jauh di pedalaman.

Perkara yang ketiga saya hendak sentuh, Tuan Pengerusi, ialah mengenai dengan Butiran 010200 iaitu Operasi Pilihan Raya di mana tempat mengundi itu atau *polling district* bagi kawasan saya misalnya ada 10 *polling district*. Tidak ada satu komputer pun dibekalkan oleh SPR. Jadi, bagi pemilih hendak cari senarai nama mereka ini, susah sedikit. Jadi, saya harap pada pilihan raya yang akan datang bagi Negeri Sarawak supaya *polling district* atau tempat-tempat mengundi itu dibekalkan dengan komputer supaya senang bagi pemilih untuk merujuk kepada nama-nama mereka sama ada mereka ditempatkan di mana-mana tempat. Ini senang kalau ada komputer untuk mereka buat rujukan.

Selain daripada itu juga, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Butiran 010000 berkenaan dengan Urusan Pilihan Raya di mana tempat yang jauh begitu, jaraknya kadang-kadang 20 ke-30 batu di Sarawak. Kalau boleh, SPR membuat tempat untuk membuang undi itu di kelompok sebuah kampung atau rumah panjang untuk memudahkan para pemilih datang ke tempat itu di kawasan masing-masing. Oleh kerana saya tahu ada seorang pemilih itu pergi ke tempat mengambil masa menggunakan bot selama 2 ke-3 jam. Tetapi, ada di satu kawasan ada sekolah yang tidak digunakan untuk tempat mengundi yang berdekatan dengan kampung atau rumah panjang. Jadi, saya harap kalau boleh sama ada balai rayakah atau sekolah-sekolah di tempat di mana rumah panjang atau kampung-kampung itu yang berdekatan, digunakan untuk tempat membuang undi supaya rakyat yang datang untuk

mengundi itu ke tempat yang terdekat sekali dan kos operasi semasa pilihan raya juga dapat dirangkan.

Jadi, yang akhir sekali saya ingin menyentuh mengenai Parlimen. Kita boleh anggap ini remeh-temeh tetapi saya setuju dengan saudara saya dari Batang Lupar tadi bahawa teks Anggaran Belanjawan kita agak tebal dan juga, saya hendak rujuk kepada buku harian (diary) yang dibagikan oleh Parlimen itu agak besar sangat. Kalau dapat, dulu - saya tidak ingat - dalam tahun 1991 atau 1992 agak kecil sedikit. Tetapi 1995 itu agak besar, susah sedikit hendak dibawa. Jadi, saya minta supaya buku harian itu tidak usah besar sangatlah, Tuan Pengerusi, kecillah, yang sedang-sedanglah.

Saya juga ingin menyentuh tentang tempat duduk di Parlimen ini. Tempat duduk di Parlimen, Tuan Pengerusi, agak sempit sedikit. Kita hendak keluar pun susah sedikit. Lebih lagi kaku kita dekat kawan kita yang Ahli Parlimen wanita. Jadi, saya fikir kalau tempat ini dapat jarang sedikit dan kita mempunyai galeri ini ramai tetapi saya tengok tiap hari tidak ramai juga orang duduk di galeri, kecuali masa *budget* sahaja. Jadi, kalau boleh tempat ini diperluaskan lagi supaya Ahli-ahli Parlimen senang keluar dan masuk ke Dewan ini tanpa tidak berapa selesa.

Jadi, saya tidak ingin bercakap panjang. Hendak beri masa kepada kawan-kawan yang lain. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi,.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Padang Terap.

**3.21 ptg.**

**Tuan Zawawi bin Haji Ahmad [Padang Terap]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada P.7, Butiran 03402 dan sebelum daripada itu, saya ingin menarik perhatian Dewan tentang apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong tadi dengan mengatakan bahawa PAS menggunakan ayat Al-Quran untuk memancing undi.

Bagaimana dengan ayat [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] yang begitu besar dan gambar dacing. Itu saya hendak tanya, apakah ini tidak menggunakan ayat Al-Quran dan [*Membaca sepotong Hadis*] juga dibuat oleh seorang pemimpin tengah dok bagi ang pau kepada budak. Apakah ini tidak menggunakan ayat Al-Quran? Dan yang ketiga, sekarang ini, pensyarah-pensyarah bagi pihak UMNO telah membangkitkan ayat Al-Quran, dia kata [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Fasikun ialah PAS. Padahal makna yang sebenar itu ialah fasik. Bagaimana keadaan ini? Itu sebagai perhatian kepada Parit Sulong.

Saya sekali lagi berharap peruntukan sebanyak RM12 juta untuk Kompleks Darul Quran dapat memberi impak yang lebih bermakna kepada umat Islam di negara ini. Pengajaran Al-Quran sangat penting bagi umat Islam kerana Rasulullah s.a.w pada ketika memberikan beberapa amanat yang terakhirnya telah menyeru umat dengan nada serius sehingga berlinang air matanya dengan mengatakan [*Membaca sepotong Hadis*] maksudnya “Bacalah Al-Quran kerana ialah yang akan datang kepada pembacanya untuk memberikan syafaat”. Saranan baginda sudah tentu bukan sahaja semata-mata untuk membaca tetapi sebaliknya ialah memahaminya dengan mendalam supaya mereka tahu apakah mesej yang Allah hendak sampaikan kepada para pembaca.

Tanpa memahami mesej yang hendak disampaikan oleh Allah, umat Islam tidak dapat membuat sebarang perubahan dalam hidup mereka. Kini, kita berhadapan dengan cabaran alaf baru yang serba kompleks. Oleh itu, generasi perlu dididik supaya mereka mampu menghadapinya dengan jaya. Saya mencadangkan supaya kurikulum Maahad Tahfiz Al-Quran disusun semula agar para graduan tidak hanya dapat memahami dengan luas akan masalah-masalah yang berkaitan dengan agama semata-mata, sebaliknya mereka juga dapat memahami masalah-masalah lain yang berkaitan dengan sains, sains sosial, politik, ekonomi dan lain-lain.

Di dalam Al-Quran terdapat banyak ayat-ayat *qauniyah* yang berkaitan dengan sains yang menjelaskan hakikat benda. Apabila seseorang itu mengetahuinya berasaskan perspektif Al-Quran, sudah tentu dia dapat menggunakan setiap benda yang dicipta oleh Allah itu dengan betul tanpa menyeleweng. Contohnya yang jelas, yang disebut oleh Al-Quran supaya umat Islam menggunakan akal fikiran bagi mempertingkatkan mutu pertanian ialah [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] dan ayat ini sentiasa diperdengarkan di dalam pertandingan-pertandingan Musabaqah Tilawatul Quran di peringkat negeri dan kebangsaan.

Maksud ayat ini ialah “*Tanaman sentiasa mengeluarkan tunas yang boleh membesar dan berkembang, lalu teguh di atas cabangnya sehingga ia boleh mempesonakan para penanam*”. Para saintis Muslim pada zaman silam seperti pada zaman pemerintahan Bani Umaiyah di Cordoba misalnya. Setelah membaca ayat-ayat ini, mereka cuba membuat penyelidikan di ladang-ladang. Mereka mengambil tunas-tunas pokok lalu ditutuk pada batang pokok yang lain dan terus membuat penelitian-penelitian yang rapi sehingga akhirnya mereka menemui satu kaedah untuk mempertingkatkan hasil tanaman menurut Al-Quran ialah dengan menggunakan kaedah cantuman.

Jadi, kaedah cantuman ini bukanlah berasal daripada orang Barat tetapi berasal daripada penyelidik-penyelidik Muslim pada ketika zaman Cordoba lagi. Sebab itu, apabila mereka menanam di antara hasil yang dikeluarkan pada masa itu ialah buah jambu. Jambu disebut dalam bahasa Arab ialah *Gawafah*. Tetapi apabila buah ini mendapat sambutan yang baik oleh pengguna-pengguna pada masa itu sehingga ke Eropah, maka perkataan *Gawafah* itu digunakan oleh orang Barat sebagai *Guava*. *Guava* itu ialah *Gawafah*, berasal daripada perkataan Arab yang mereka boleh membuang biji yang banyak itu menjadi satu bahan makanan buah yang tidak ada biji. Ini hasil daripada penyelidikan yang dibuat oleh para saintis Muslim pada masa itu.

Selepas mengkaji, mereka membaca lagi ayat-ayat yang lain dan memahaminya dengan mendalam, mereka menemui satu lagi arahan iaitu [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] maksudnya, “*Seterusnya buatlah lagi penyelidikan terhadap buah yang dikeluarkannya itu sejak mula ia terbit sehinggalah ia masak*”. Jadi, penyelidikan akan terus dilakukan dari masa ke semasa dengan membuat penyelidikan yang rapi terhadap hasil-hasil tanaman yang mereka tanam. Negara Islam pada ketika itu menjadi pelopor bagi sektor pertanian. Malangnya, apabila negara umat Islam jatuh ke tangan Barat, mereka telah memisahkan Al-Quran dengan ilmu-ilmu yang lain dengan menggunakan istilah *science knowledge and religious knowledge*, dengan izin. Sains dengan agama tidak ada perkaitan. Agama bukan sains dan sains bukan agama. Jadi, apabila ada pemisahan yang seumpama ini, Al-Quran telah dipisahkan daripada ilmu-ilmu yang lain. Sejak itu, Al-Quran dianggap sebagai sebuah kitab untuk dibaca bagi mendapat pahala semata-mata.

Tuan Pengerusi tahu, kita orang Kedah, baca Yassin adalah merupakan sebagai satu ayat, satu surah yang cukup popular. Anak-anak hendak pergi Amerika baca Yassin, beli kereta baru, tempek Surah Yassin kat dalam, kalau orang curi barang dia, dia kumpul 40 orang baca Yassin, biar pencuri itu cirit. Adakah Allah S.W.T. menurunkan Surah Yassin untuk menciritkan orang? Tetapi itulah yang menjadi amalan masyarakat Islam di negara kita ini, melihat Al-Quran itu hanyalah sekadar untuk mendapat pahala.

Ini termasuklah di negara kita. Hingga ke hari ini, satu kelebihan bagi negara kita ialah berjaya menganjurkan Musabaqah Tilawatul Quran pada tiap-tiap tahun. Malangnya, semua bacaan yang diperdengarkan di dalam majlis-majlis Tilawah dinilai dari sudut bacaannya sahaja. Sebab itu, johan-johan qari dan qariah, umumnya tidak mengetahui apakah mesej Ilahi yang terkandung di dalam ayat-ayat yang mereka lagukan itu. Kerana itulah masyarakat Islam di negara kita tidak berubah, malah kualitinya semakin merosot. Sekarang ini kalau kita lihat dalam statistik, dadah

umpamanya, umat Islam yang teramai dan begitu jugalah yang lain-lain. Maknanya merosot sekali kualiti umat Islam dari satu masa ke satu masa.

Oleh itu, saya berharap agar kurikulum Maahad Tahfiz Al-Quran dikaji semula bagi membolehkan para pelajarnya memahami isi kandungan Al-Quran secara yang lebih luas dan lebih menyeluruh dan benar-benar Al-Quran itu dapat ditunjuk bahawasanya ia adalah *source* ilmu yang sangat luas dan perlu dikaji.

Oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya tidak mahu curi masa yang lain. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Petaling Jaya Utara.

### 3.30 ptg.

**Puan Chew Mei Fun [Petaling Jaya Utara]:** Sudah lama saya berdiri. [Ketawa] Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan. Saya cuma ingin menyentuh berkenaan dengan Maksud Bekalan B.7 190000 mengenai hal ehwal wanita. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada HAWA Jabatan Perdana Menteri kerana di bawah pimpinan Timbalan Menteri Datuk Shahrizat telah menunjukkan [Tepuk] prestasi yang cemerlang dan telah mengadakan beberapa aktiviti yang sungguh bermakna bersempena dengan tema Hari Wanita tahun ini, 'Nur Bermula Denganmu'. HAWA telah menganjurkan satu persidangan meja bulat dan buat kali pertamanya mengumpulkan beratus-ratus orang wakil wanita dari seluruh negara untuk mengaji dan memberi cadangan terhadap 24 tajuk yang diperbincangkan. Walaupun masa sesi perbincangan tersebut terlalu singkat dan keberkesanannya mungkin juga terbatas namun ia tetap membawa erti yang sangat penting kerana telah memberi kesedaran kepada kaum wanita di mana mereka juga berpeluang menyertai perancangan pembangunan negara dan pendapat mereka dipandang berat oleh kerajaan.

Langkah dan dasar kerajaan membetulkan diskriminasi terhadap kaum wanita baru-baru ini seperti membenarkan para ibu mempunyai hak yang sama dengan suaminya untuk menandatangani dokumen bagi anaknya, kadar pelepasan cukai suami isteri yang sama rata, pemberian hak penduduk tetap kepada suami atau isteri negara asing, warganegara intelektual serta anak mereka yang tinggal lebih daripada enam bulan di Malaysia dan lain-lain telah membuktikan suara wanita pada masa ini semakin dipandang berat oleh kerajaan.

Walau bagaimanapun kami berharap undang-undang dan polisi yang masih tidak adil terhadap wanita dapat dipindahkan. Saya berharap pihak HAWA dapat mengumpul dan menyusun semua pendapat dan cadangan yang dikemukakan oleh para wakil wanita dari 24 kumpulan di sesi perbincangan wanita untuk diserahkan kepada Kabinet dan para ketua jabatan. Pada masa yang sama, ia juga patut diterbitkan supaya semua orang yang prihatin hak asasi wanita dapat mengkaji dan membuat persediaan untuk membuat perbincangan pada sesi hadapan.

Tuan Pengerusi, ramai wakil rakyat wanita telah menyentuh Akta Imigresen berkenaan dengan ketidakadilan permohonan suami atau isteri asing yang ingin menetap di Malaysia dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri telah juga menjawab bahawa mengikut Seksyen 4 dan 12 di bawah Akta Imigresen, kelulusan permohonan para isteri dari negara asing adalah bergantung kepada budi bicara Ketua Pengarah Jabatan Imigresen manakala kelulusan permohonan suami asing adalah bergantung kepada budi bicara Menteri Dalam Negeri. Ini adalah kerana kerajaan ingin melindungi hak kaum wanita negara kita untuk mengelakkan suami asing bercerai dengan isterinya selepas mendapat hak penduduk tetap atau mempergunakan isteri tempatan untuk memasuki negara kita seterusnya menimbulkan pelbagai masalah sosial kepada negara kita.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Kami amat faham dan menerima hasrat baik kerajaan ini tetapi pada pandangan saya, selepas negara kita di bawah pimpinan kerajaan Barisan Nasional, sistem pendidikan negara kita telah diperluaskan kepada setiap penjuru negara dan tahap pendidikan semua rakyat termasuk kaumwanita telah meningkat sehingga 65% daripada pelajar yang menuntut di universiti adalah terdiri daripada wanita. Wanita kita hari ini tidak lagi senang diperdayakan atau diperalatkan. Oleh itu saya meminta kerajaan, inilah masa untuk kerajaan tukar persepsi terhadap wanita dan mengkaji semula Akta Imigresen supaya membuat pindaan terhadap Akta tersebut untuk mempraktikkan semangat kesamarataan terhadap wanita supaya tidak menjadi isu yang boleh diambil kesempatan oleh parti pembangkang dan saya percaya kalau Akta Imigresen ini dapat dipinda, kita akan menggalak lebih banyak wanita tempatan dan suami yang intelektual mereka balik ke negara kita dan akan mendatangkan kebaikan untuk negara semasa kita menekankan usaha untuk memperluaskan dan membentuk negara k-ekonomi. Sekiranya kerajaan masih tidak dapat mengesah adakah wanita kita hari ini adalah lebih bijak dan pintar mungkin kerajaan khususnya HAWA boleh mengadakan satu penyelidikan terhadap perkara ini.

Tuan Pengerusi, kerajaan Barisan Nasional dalam beberapa tahun ini telah membuat pelbagai pindaan terhadap akta-akta yang tidak adil bagi wanita. Ini termasuk Distribution Act, Guardianship Act, Domestic Violence Act dengan izin dan lain-lain yang membuktikan kerajaan Barisan Nasional sentiasa peka terhadap keperluan wanita. Akan tetapi dengan masih berlakunya kes perkosaan, masih terdapatnya wanita yang kurang faham terhadap hak asasi mereka, masih terdapatnya wanita yang menghidapi HIV secara tidak sedar. Ini bererti kerajaan masih boleh mempertingkatkan usahanya dalam bidang publisiti dan pendidikan kerana bukan semua orang memperoleh manfaat. Justeru, saya ingin mencadangkan pihak HAWA selain daripada menganjurkan aktiviti di bandar mahupun desa juga patut mendirikan unit-unit panduan dan bimbingan wanita dan bekerjasama dengan biro bimbingan bakti seperti Biro Kaunseling Wanita MCA serta badan-badan bukan kerajaan yang lain untuk sama-sama memberi bantuan dan bimbingan kepada wanita di seluruh negara.

Selain itu HAWA juga harus menerbitkan risalah untuk mengajar para wanita melindungi diri daripada gangguan seks dan menyiarkan rancangan dan iklan atau mengadakan papan iklan yang berunsurkan pendidikan untuk menyebarkan konsep menghormati wanita dan pengetahuan untuk melindungi diri supaya kaum wanita benar-benar memahami hak sendiri.

Akhir sekali saya ingin menyentuh permintaan peserta persidangan meja bulat wanita pada 17 dan 18 Ogos tahun ini iaitu:

- meminta kerajaan memisahkan hal ehwal wanita daripada Jabatan Perdana Menteri supaya menubuhkan sebuah kementerian yang secara khususnya mengawal hal ehwal keluarga dan wanita.
- Meminta setiap kementerian memperuntukkan belanjawan untuk menjaga kepentingan dan rancangan kaum wanita semasa menetapkan belanjawan untuk kementeriannya.
- Meminta kerajaan menjemput wakil wanita untuk mengambil bahagian semasa mendrafkan sebarang rang undang-undang supaya tidak timbul peraturan yang tidak adil terhadap wanita.

Apakah perkembangan terkini terhadap permintaan-permintaan ini. Adakah cadangan daripada sesi perbincangan wanita tersebut akan diaplikasikan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Di harap pihak HAWA dapat memberitahu perkembangan perkara ini.

Tuan Pengerusi, dengan cadangan-cadangan di atas, saya bercadang menyokong belanjawan ini, sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sungai Benut

**3.38 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang untuk membahaskan ucapan berhubung dengan Perkara B.5, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, semua sekali iaitu bahagian naik pangkat juga dasar-dasar baru berhubung dengan penggunaan komputer dan sebagainya.

Satu perkara yang ingin saya tekankan di sini bagi menjayakan pembangunan-pembangunan Malaysia iaitu agar peruntukan perbelanjaan yang begitu besar dibelanjakan supaya berlaku 'seberkesan' mungkin ialah berhubung dengan masalah produktiviti negara. Perkara ini telah disentuh sepintas lalu dalam Belanjawan 2000 tetapi tidak pada kali ini. Produktiviti ini penting dalam semua perkara k-ekonomi dan dasar pembangunan wawasan yang akan menjadi teras pembangunan negara untuk tempoh 10 tahun akan datang. Pada asasnya, dijangkakan produktiviti negara akan mencatat pertumbuhan sebanyak 42% tahun ini selaras dengan penggunaan keupayaan yang tinggi berikutan peningkatan permintaan dalam negeri dan eksport iaitu pada tahun lalu produktiviti negara tumbuh pada kadar 3.9% sahaja berbanding dengan penguncupan 1.8% pada tahun sebelumnya.

Jadi saya mengalu-alukan pengumuman Menteri Kewangan di dalam belanjawan baru-baru ini iaitu supaya kerajaan mengurangkan lagi karenah birokrasi. Kita semua tahu bahawa perundangan dan peraturan yang terlalu banyak boleh menghakis semangat keusahawanan, memudarkan kesanggupan mengambil risiko manakala pulangnya pula tidak setimpal dengan risiko yang akan ditanggung. Cabaran utama di dalam sektor awam ialah untuk beralih ke arah iaitu dengan izin, self-regulatory bagi memastikan mereka berkembang di dalam persekitaran perundangan dan peraturan yang akan mendorong ke arah kemajuan yang lebih cemerlang. Bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua di Dewan yang mulia ini saya ingin sebutkan bahawa sektor awam tidak memerlukan kakitangannya bertugas dengan separuh hati, tidak mahu melaksanakan wawasan kementerian atau jabatan, berpolitik dalam pejabat serta juga menyebarkan berita-berita karut dan juga berunsur fitnah. Bagi saya perbuatan ini adalah merupakan perbuatan sabotaj kepada kerajaan.

Dalam kita bercakap mengenai usaha untuk mempertingkatkan daya saing negara yang perlu memperkukuhkan melalui peningkatan tahap kecekapan dan produktiviti serta penjimatan kos di dalam proses pengeluaran, apakah wajar kita mempunyai kakitangan yang kurang berminat melaksanakan tugas-tugas mereka, bermain politik di pejabat dan menjalankan kerja-kerja rahsia bagi menjatuhkan kerajaan. Wajarkah di meja-meja dan di dinding-dinding pejabat mereka ataupun di kenderaan-kenderaan mereka ditampal dengan simbol-simbol yang seolah-olah menyokong kepada satu-satu parti politik. Kakitangan kerajaan seperti ini bukan sahaja tidak mencapai tahap produktiviti yang diharapkan tetapi juga sebagai duri dalam daging pada kerajaan yang didukung.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya kita membiarkan perkara ini akan merosakkan pengeluaran dan kecekapan pentadbiran, akhirnya sekiranya produktiviti menurun ke tahap yang rendah iaitu ke tahap pentadbiran yang lemah, kerajaan juga akan dipersalahkan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya apabila menilai pencapaian seseorang kakitangan daripada peringkat pengurusan sehinggalah ke peringkat bawahan, produktiviti diberikan keutamaan. Perkara ini tidak boleh dipandang remeh dan satu garis panduan untuk menggantikan Surat Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam pada tahun 1991 hendaklah digubal dan diperkenalkan segera peraturan yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan produktiviti ini, saya nampak penggunaan teknologi maklumat ataupun IT adalah menjadi teras penting. Menurut laporan produktiviti 1999, IT digunakan secara menyeluruh bagi fungsi-fungsi pentadbiran dan majoriti syarikat yang menggunakan IT secara intensif bagi membantu fungsi-fungsi ini. Semua sektor kecil mencatat pertumbuhan yang mantap iaitu mencapai lebih 90% di dalam penggunaan IT bagi fungsi-fungsi pentadbiran khususnya dalam perakaunan dan kewangan iaitu 99%. Selain itu sebahagian besar industri menggunakan IT di dalam bahagian pembayaran gaji 97% berbanding dengan 94% pada tahun 1997 dan proses urusan 91% berbanding dengan 85% pada tahun 1997 dan proses urusan 91% berbanding 81% pada tahun 1997. Walau bagaimanapun masih banyak industri yang tidak menggunakan IT walaupun sedikit di dalam aktiviti sokongan dan aktiviti asas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sementara sektor kecil elektrik dan elektronik menunjukkan peratusan yang tertinggi bagi syarikat yang menggunakan IT dan aktiviti sokongan 89% dan aktiviti asas 84%. Sektor kecil getah dan produk getah dan tekstil dan pakaian melaporkan tahap terendah penggunaan IT di dalam sokongan dan aktiviti asas. Bagaimanapun penggunaan keseluruhan perisian proses pembuatan masih rendah kecuali rekaan bantuan komputer atau CAD bagi mendraf dan mereka bentuk. CAD digunakan dalam lebih separuh industri pembuatan dan mengalami peningkatan 12% daripada 1997. Ini adalah laporan daripada Produktiviti Negara.

Antara industri yang menggunakan CAD secara menyeluruh termasuk industri jentera dan kelengkapan 90%, tekstil dan pakaian 75% dan kelengkapan pengangkutan 71%.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan ini saya mengalu-alukan langkah kerajaan yang telah mengadakan satu web sendiri iaitu, iaitu web pembuatan se dunia bagi menggalakkan pertumbuhan sektor pembuatan yang mewujudkan suasana yang sesuai bagi pembuatan nilai tambah yang menggunakan IT.

Jadi Tuan Pengerusi, saya mengharapkan supaya agensi-agensi awam yang terlibat dengan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi supaya seiring dengan sistem atau penggunaan IT yang ada di kalangan syarikat-syarikat dan juga dengan sektor awam.

Jadi Tuan Pengerusi, walau apa sekali pun sasaran produktiviti mesti dicapai bagi mengekalkan momentum bagi pertumbuhan ekonomi yang berterusan. Saya mencadangkan supaya sektor awam akan dapat merangsang usaha dan sumber bagi menyumbang ke arah persaingan kebangsaan. Ini penting kerana jika kita rujuk kepada tahap produktiviti iaitu faktor menyeluruh ataupun 'TFM' iaitu, faktor menyeluruh negara, kadar purata pertumbuhannya ada pada tahap 1.6% iaitu, 22.1% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

**Tuan Pengerusi [Datuk Li m Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Jadi, sedari dari produktiviti menyeluruh perlu berkembang sekurang-kurangnya 2% setahun.

Jadi Tuan Pengerusi, buat akhirnya walaupun pada dasarnya tahap produktiviti negara kita Malaysia sebanyak 4.4% dari 1991 hingga 1999 iaitu mengatasi tahap beberapa negara Pertumbuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) seperti German 2.4%, Amerika 1.5% dan Jepun 0.8%. Jadi, usaha-usaha yang lebih keras kita perlu digembleng untuk menjamin kita menjadi negara maju.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

**3.50 ptg.**

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh B.3 - Jabatan Audit. Saya ingin menyampaikan syabas ataupun tahniah kepada jabatan ini kerana jabatan ini adalah merupakan sebuah jabatan

kerajaan yang masih mempunyai integriti yang rakyat nampak ia dapat menjalankan kerjanya dengan izin, *without fear and favour* dan juga berpegang kepada profesionalisme. Kalau berbanding dengan Badan Pencegah Rasuah dan SPR bahawa ini adalah satu-satu jabatan kerajaan yang perlu menjadi teladan kepada jabatan yang lain.

Saya dapati bahawa Jabatan Audit telah membuat kajian khas terhadap perkhidmatan-perkhidmatan tertentu kepada agensi-agensi kerajaan yang tertentu. Umpamanya di Pulau Pinang, ia buat kajian khas terhadap Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Saya faham bahawa Jabatan Audit ini ia bukan sahaja membuat audit terhadap kira-kira sahaja tetapi ia juga boleh membuat pengauditan terhadap prestasi jabatan. Memandangkan saya sokong apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka tadi bahawa peruntukan untuk Kawasan Parlimen perlu dibuat pengauditan dan juga saya berpendapat bahawa perkhidmatan yang diberi oleh Jabatan Imigresen perlu dibuat kajian khas kerana kalau kita baca surat khabar kita dapati ada surat-surat dari rakyat yang menulis kepada surat khabar menyuarakan pengalaman-pengalaman mereka yang tidak elok di Pejabat Imigresen kita.

Ini adalah surat khabar *NST*, 24 Jun 2000, '*Indian National's Horror Experience on Touch Down at KLIA*' dan pada bulan yang sama, '*Inhospitality Immigration Officer*, 19 Jun 2000, *Caught in Turbulence with Immigration*, ini semua akan menjejaskan imej baik kita bukan sahaja kepada orang-orang luar tetapi ramai rakyat kita juga berhadapan dengan masalah apabila pergi ke Jabatan Imigresen.

Yang kedua, saya ingin menyentuh B.1- Parlimen. Saya menyokong apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah dan juga Yang Berhormat bagi Tambun, tetapi ada sedikit yang saya hendak tambah. Saya memohon supaya lebih banyak komputer dan komputer diisikan dengan semua *software* semua bahasa supaya saya dapat menerima e-mail dalam bahasa Cina walaupun saya di Parlimen. Saya suka juga memohon supaya sekurang-kurangnya dalam sesi Parlimen di *library* kita akan mengadakan surat khabar dalam semua bahasa. Ini sudah dalam era ICT. Kita sepatutnya mempunyai semua maklumat yang kita boleh dapat di dalam Dewan ini.

Selain daripada itu saya pun ingin mencadangkan kita meminda Peraturan 18(2), ini mengenai *emergency's motion*, di mana sekarang ia memerlukan 24 jam. Saya memohon supaya ia dipinda menjadi 2 jam, dahulu ialah 4 jam dan dipinda 24 jam kerana apa-apa perkara yang dikatakan *urgent* selepas 24 jam mungkin ia tidak *urgent* lagi. Saya harap, kalau tidak salah saya, kita ada Jawatankuasa Peraturan Dewan mungkin tidak pernah bermesyuarat. Saya harap jawatankuasa ini boleh bermesyuarat dan membincangkan cadangan-cadangan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini.

Saya juga merayu supaya jawatankuasa-jawatankuasa Parlimen komposisinya akan mencerminkan komposisi di dalam Dewan ini umpamanya CPA, Jawatankuasa CPA dan Jawatankuasa IPU. Pada masa sekarang tidak ada seorang ahli pembangkang di dalam jawatankuasa ini, ini tidak elok. Ia tidak mencerminkan bahawa kita berpegang kepada prinsip demokrasi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, itu perlantikannya atau pilihannya?

**Puan Chong Eng:** Pilihan. Walaupun pilihan, memang kalau kita semua berpegang pada prinsipnya adalah baik kita mengadakan satu jawatankuasa yang boleh mencerminkan *composition* di dalam Dewan.

Saya merasa kesal semasa perbahasan, Ahli-ahli UMNO khasnya, yang sungguh *obsess* kepada politik, umpamanya masalah disiplin di sekolah iaitu satu masalah yang begitu serius tetapi apabila datang ke Dewan ini ia menjadi satu isu politik yang memang tuduh-menuduh.



**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini mana satu butiran?

**Puan Chong Eng:** Urusan Parlimen. Saya harap walaupun kita berpolitik tetapi sekiranya itu masalah yang penting, kita lebih baik kurangkan tuduh-menuduh siapa yang hendak memancing undi ataupun berpolitik kerana orang yang cakap orang berpolitik itu dia sendiri berpolitik.

Sekarang saya ingin sentuh P.7 mengenai Pusat Khidmat Wanita, Butiran 11702. Saya pernah menyoal sebelum ini mengenai Pusat Khidmat Wanita ini tetapi saya tidak mendapat jawapan di mana ia akan ditubuhkan dan bagaimana ia akan dikendali. Pada fahaman saya, pada sekarang ia dikendalikan melalui pejabat wakil rakyat yang saya rasa itu tidak berapa elok. Lebih baik kita sekiranya boleh, memberikan peruntukan untuk NGO yang berpengalaman untuk menjalankan tugas ini kerana Pusat Khidmat Wanita jangan ia memberi perkhidmatan yang sudah sedia dibekal oleh jabatan-jabatan lain umpamanya jangan ia menjadi juga satu pusat kesihatan.

Saya harap ia akan membekalkan perkhidmatan khasnya untuk wanita yang dalam keadaan krisis, mereka yang mengalami keganasan, mangsa-mangsa rogol dan sebagainya dan sekiranya kita hendak mengenalkan satu pusat khidmat yang efektif ia perlu mempunyai sekurang-kurangnya dua orang pekerja sosial yang terlatih dan saya harap juga satu negeri akan.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, boleh gulung.

**Puan Chong Eng:** ...Satu negeri akan mengadakan satu *shelter* kerana sekiranya tidak ada *shelter* ini tidak akan memberi khidmat yang efektif. Saya juga harap adalah baik kita mengadakan persidangan wanita dan sebagainya tetapi sekiranya ia tidak diikuti dengan langkah-langkah dan *action* maka apa yang dibincangkan itu tidak menjadi kenyataan, ia akan sia-sia sahaja. Saya harap HAWA akan menunjukkan bahawa ia *action oriented* dan memberi satu jadual masa untuk menangani masalah, isu seperti meminda akta-akta yang diskriminasi terhadap wanita. Ini sekurang-kurangnya apa yang kita boleh buat.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Pulau.

**4.00 ptg.**

**Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar [Pulai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya suka membawakan dalam Majlis kita ini ialah P.7, Butiran 06703 - Perpustakaan dan Komputer Masjid

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, masjid-masjid dan surau-surau bagi kita orang-orang Islam khususnya adalah merupakan pusat perkembangan ilmu dan juga pusat pembangunan ummah yang juga akhirnya menjadi tempat pusat perpaduan ummah. Untuk menguatkan keimanan seseorang sebagaimana apa yang berlaku zaman Rasulullah s.a.w. dibina masjid itu dengan asas untuk menguatkan ketakwaan kepada Allah S.W.T.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, pentadbiran dan juga pengimarahannya masjid dari satu masa ke satu masa berubah. Pada hari ini mengikut keadaan semasa bahawa pentadbiran masjid-masjid dan surau-surau yang ada di seluruh negara pada hari ini adalah menyesuaikan keadaan semasa. Oleh itu, peruntukan yang diberikan ini adalah membanggakan kita. Berapa banyak terpulung di dalam 'buku' kita. Perpustakaan dan komputer ini amat penting sekali mengikut keadaan semasa pada hari ini utama bayangannya. Di negeri Johor satu daripada syarat untuk membina masjid, ruang perpustakaan mesti ada, ruang pendidikan mesti ada, bilik mesyuarat mesti ada, demikian juga yang lain-lain mengikut semasa kini.

Dari itu diharapkan kepada Jabatan Perdana Menteri akan dapat memberikan pertolongan kepada pentadbiran masjid seluruh negara terutama dalam bahagian perpustakaan akan diisikikan dengan pelbagai buku-buku dan juga alat-alat yang boleh membantu kepada masyarakat setempat khususnya kepada remaja-remaja kita atau pemuda-pemuda, belia dan beliawanis kita untuk satu daripada hasrat dan tujuannya untuk tidak secara langsung mendampingi diri ke masjid tersebut.

Oleh itu diharapkan kepada Jabatan Perdana Menteri akan dapat menyalurkan mengikut pandang dan tilik daripada Jabatan Perdana Menteri ke mana hendak disalurkan, kita harapkan asal sampai kepada masjid-masjid sama ada melalui negeri ataupun Jabatan-jabatan Agama, atau majlis-majlis agama negeri masing-masing.

Demikian juga komputer yang mana hari ini, kerajaan kita mengharapkan supaya tiap-tiap seorang pemastautin celik komputer. Maka, satu daripada perkara yang amat penting sekali untuk membangunkan masjid dan untuk mendampingi diri ke masjid, maka diadakan satu kelas ataupun kelas-kelas bagi mendidik dan mengasuh anak-anak remaja kita supaya celik dalam bahagian komputer ini.

Satu lagi yang hendak dibawakan dalam majlis ini ialah Butiran 04801, Pembinaan/ubahsuai Masjid. Masjid sebagaimana yang dikatakan tadi, merupakan pusat perkembangan ilmu dan perpaduan ummah. Oleh itu, untuk menarik perhatian kepada masyarakat, masjid hendaklah dihiaskan. Masjid dibentuk dengan keadaan-keadaan yang tertentu supaya menarik perhatian kepada masyarakat, cenderung dan menarik hati kepada masjid-masjid terutama sekali bagi penduduk-penduduk di tempat itu.

Pada hari ini, kita harapkan kepada seluruh masyarakat terutama anak-anak kita dan remaja-remaja kita supaya dapat mendampingi diri ke masjid-masjid. Sebab itu, saya katakan tadi bahawa pentadbiran masjid pada hari ini adalah mengikut keadaan semasa. Kalau dahulu barangkali masjid-masjid tidak boleh dibina gelanggang-gelanggang sepak takraw atau badminton tetapi pada hari ini agaknya berlainan sedikit. Untuk menarik supaya remaja-remaja kita mendampingi masjid, maka diadakan gelanggang-gelanggang berhampiran masjid-masjid dengan cara yang teratur dan syarat-syarat yang tertentu.

Maka diharapkan kepada pihak pusat dan khususnya kepada Jabatan Perdana Menteri akan dapat memberikan bantuan-bantuan yang lebih daripada yang lepas-lepas supaya dapat negeri-negeri membina atau mengubahsuai masjid-masjid yang ada pada hari ini supaya menarik perhatian masyarakat kita keseluruhannya.

Satu lagi yang hendak diperkatakan di sini ialah Butiran 04802, Pembinaan Sekolah Agama. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, hari ini kita risau dan semua masyarakat risau dengan keadaan sosial yang tidak menentu pada hari ini. Kita tidak menyalahkan sesiapa. Sebab itu, satu daripada agendanya ialah pembinaan keluarga.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, sekolah-sekolah amat penting. Kalau dahulu barangkali dididik, diasuh di rumah masing-masing, tetapi dengan keadaan semasa pada hari ini, kebanyakan daripada ibu bapa yang agaknya tidak ada daya usaha dan tidak ada kuasa dan juga barangkali dengan sebab keadaan semasa hari ini yang sibuk dengan keadaan kehidupan masing-masing, maka pihak kerajaan telah mengambil sebahagian daripada kewajipan tanggungjawab ibu bapa walaupun asas pendidikan, didikan, asuhan, pimpinan dan juga tarbiah kepada anak-anak itu tanggungjawab ibu bapa, sebagaimana hadis Rasulullah menerangkan yang bermaksud "*anak dilahirkan dengan keadaan bersih*", maka ibu bapalah yang bertanggungjawab mencorakkan anak-anak itu sama ada apa yang dicorakkan sebagaimana maksud hadis.

Dari itu, pembinaan sekolah agama juga di samping sekolah-sekolah kebangsaan sama ada rendah mahupun menengah amat diperlukan. Pada hari ini, sama ada dengan bantuan penuh atau sebagainya, ini terpulang kepada kebijaksanaan

dan pentadbiran negeri masing-masing dan majlis agama masing-masing. Di Johor, alhamdulillah, sekolah agama terbahagi kepada dua - satu kepada kerajaan dan satu lagi di bawah Majlis Agama Islam. Di bawah kerajaan sebanyak 670 buah, tidak ada masalah, di bawah Majlis Agama Islam ini yang dahulunya dikatakan sekolah rakyat sekarang diambil alih oleh Majlis dan ditadbirkan oleh Majlis. Mudah-mudahan, akan mendapat sambutan.

Maka diharapkan kepada pihak Kerajaan Pusat terutama sekali dalam bahagian pendidikan dan juga Jabatan Perdana Menteri ini memberikan bantuan-bantuan yang sepatutnya ke seluruh negara kerana anak-anak inilah warisan kita, anak inilah generasi yang akan datang yang menggantikan kita sebagai warisan yang kita harap-harapkan. Jangan sampai masa esok, sebagaimana ayat Al-Quran menyatakan, [*membaca sepotong ayat Al-Quran*] mereka itu bimbang, khuatir akan meninggalkan warisan yang banyak tetapi lemah. Lemah ilmu pengetahuannya, lemah dari segi akhlakunya dan ini amat merusunkan kita hari ini. Dari itu, pembinaan sekolah sama ada sekolah agama mahupun sekolah apa sekalipun, tetapi dalam bahagian sekolah agama inilah yang amat diperlukan oleh anak-anak kita dapat dididik, diasuh, dibimbing, dipimpin agar menjadi anak yang berilmu dan berakhlak yang mulia, sebagaimana yang diperkatakan pemimpin-pemimpin kita, penganjur-penganjur kita mengharap generasi-generasi yang berakhlak, yang bersifat dengan insan kamil. Insan kamil rasa saya amat payah sekali, tetapi berilmu dan berakhlak akan dapat dicorakkan dengan sebaik mungkin.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulung.

**Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar:** Dari itu, diharapkan kepada pihak Jabatan Perdana Menteri khususnya akan dapat menyalurkan bantuan-bantuan kepada sekolah-sekolah yang perlu dibantu supaya akan dapat memberikan tempat mendidik, mengasuh anak-anak kita supaya berilmu dan berakhlak. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kubang Kerian.

4.07 ptg.

**Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 170000, Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand. Semasa perbahasan di peringkat dasar saya telah menyentuh mengenai pendaratan gas dari kawasan MTGDA di Songkla dan kemudiannya di salurkan ke Changloon dan akan menyebabkan negara mengalami banyak kerugian ekonomi, kewangan dan guna tenaga. Bagi bayaran 'pretax fee' atau tol sahaja menjelang 2007, ia mencecah RM1.2 bilion setahun yang kena dibayar kepada kerajaan tempatan Songkla dan selain daripada itu, kos tambahan bagi pemasangan paip sahaja ialah berjumlah RM2 bilion.

Saya telah menunggu sampai larut malam, malam tadi dan berharap Menteri Kewangan akan memberikan sedikit penjelasan terhadap apa yang telah dibangkitkan. Rupa-rupanya tiada mana-mana kementerian yang memberikan penjelasan kepada apa yang telah saya bangkitkan dan jika pada hari ini, projek ini belum lagi dimulakan kerana kita semua tahu mengikut laporan-laporan surat khabar di Thailand, isu ataupun projek ini telah mendapat bantahan yang meluas dan hangat daripada masyarakat Thailand setempat atas isu alam sekitar dan sehingga hari ini, projek ini belum boleh dimulakan.

Sehubungan dengan perkembangan ini, negara kita masih mempunyai kesempatan merundingkan semula keputusan yang telah dibuat. Saya yakin jika pihak kerajaan berkemampuan menggunakan pengaruhnya, pihak berkuasa Thailand tidak keberatan mengalihkan semula pusat pendaratan itu ke sebelah Semenanjung Malaysia dan yang paling hampir ialah di Kelantan iaitu 140 kilometer seperti yang telah saya terangkan sebelum ini.

Thailand tidak keberatan mengalihkan pusat pendaratan itu walaupun Thailand mungkin akan kehilangan bayaran . 'pretax fee' tetapi dari penjimatan kos

yang berlaku disebabkan oleh jarak yang lebih hampir di antara Kelantan dengan Telaga Cakerawala berbanding dengan Songkla dan Cakerawala, membolehkan projek ini mendapat keuntungan bersih yang jauh lebih besar untuk kemudiannya dikongsi bersama.

Kes yang kedua, jika sekiranya kerajaan melalui Petronas dan MTGDA boleh membayar apa yang dipanggil sebagai tol ataupun 'pretax fee' yang begitu besar jumlahnya, maka pada hemat saya kerajaan Terengganu juga patut dibayar bayaran yang sama kerana laluan paip daripada telaga-telaga di perairan Terengganu.

Saya merujuk kepada Butiran 040000, iaitu mengenai dengan Perang Saraf dan Gerak Saraf di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya masih teraba-raba makna sebenar butiran 'Perang Saraf dan Gerak Saraf' yang telah kita peruntukkan sejumlah wang setiap tahun. Sudi jika kiranya pihak kerajaan bermurah hati menjelaskan apakah fungsi sebenarnya unit ini, aktiviti-aktivitinya serta bilangan petugas yang terlibat dengan unit ini dan *modus operandi*nya secara ringkas. Dengan penggunaan wang negara yang kita peruntukkan, penjelasan hendaklah diberikan tentang gunanya unit ini kepada negara dan keberkesanan gerak kerja unit ini secara keseluruhan.

Saya juga mencadangkan supaya penjelasan diberikan mengenai garis pemisah di antara urusan kerajaan dan kepentingan parti pemerintah sepanjang berkaitan dengan unit ini. Pada fahaman saya yang mendarat, perang saraf dan gerak saraf antara lain bertujuan untuk mengukuhkan imej kerajaan dan dengan itu meningkatkan sokongan rakyat kepada kerajaan dan juga mengatasi isu-isu yang melingkungi kerajaan dan menangani bersama krisis-krisis yang berlaku dalam negara. Dan pada masa yang sama, mencadangkan bentuk komunikasi masa yang berkesan kepada kerajaan. Dan ini pada hemat saya bermula dengan mendapatkan maklum balas mengenai kedudukan isu-isu yang berbangkit dan mencadangkan pandangan-pandangan balas kepada kerajaan secara berterus-terang tanpa menyembunyikan senario yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua bersetuju saya kira bahawa kepentingan ramai mengatasi kepentingan satu orang, malah satu kelompok orang dan saya berharap ini menjadi prinsip kerja unit ini dalam menyampaikan pandangan balas mereka kepada kerajaan. Maknanya jika ada pemimpin yang harus mengundurkan diri bagi membolehkan negara beralih rasa dan bernafas dalam udara politik yang baru, pandangan itu hendaklah disampaikan. Memanglah perit bagi mana-mana pemimpin untuk berundur bagi mana cita-cita politiknya masih ternyala. Tetapi kepentingan negara haruslah lebih diutamakan.

Pengunduran seseorang pemimpin dalam setengah keadaan adalah satu pengorbanan. Memang benar bahawa kadangkala ada unsur-unsur kekuatan tertentu kepada pemimpin-pemimpin ini yang masih diperlukan oleh negara. Tetapi benar pula bahawa kehilangan relevansinya dengan kehendak rakyat dan penerimaan suasana-suasana yang baru yang wujud terhadap dirinya itu juga hendaklah dijadikan ukuran sama ada pemimpin berkenaan perlu mengambil langkah terhormat daripada terus menjadi beban negara yang berterusan. Saya berharap unit ini pada laporan-laporannya dapat memberikan satu maklum balas yang lebih benar kepada pemimpin-pemimpin negara dan daripada hal ini dapat mengenal pasti punca-punca masalah yang wujud.

Saya mengambil peluang ini untuk berkongsi pandangan mengenai punca-punca krisis ini untuk diambil kira supaya penyelesaian yang tepat dirumuskan oleh Unit Perang Saraf dan Gerak Saraf negara dan demi kepentingan negara secara keseluruhan hari ini dan akan datang bahawa intipati krisis ini ialah krisis kepimpinan. Dan ia menjelma dalam pelbagai fenomena krisis ekonomi dan kewangan, pertelingkahan dan ketegangan, fenomena keagamaan, kehakiman dan perundangan, integriti dan kepercayaan dan merebak kepada luar negara sehingga dalam setengah keadaan merombak kebijaksanaan diplomatik yang telah kita bina sekian lama.

Jika saya membuat huraian terhadap fenomena ini tiap satunya, ia akan menimbulkan ketegangan dan perbahasan emosi dalam Dewan ini. Saya tidak berhasrat mencari ketegangan tersebut tetapi saya berhasrat melafazkan sesuatu yang berguna untuk negara.

Saya perlu tegaskan di sini, jika kita membiarkan pemimpin ini meneruskan kesengsaraan hidup politiknya yang penuh goyah ini, negara kita akan dis eret kepada kemelut-kemelut yang lebih menyiksa yang tidak perlu. Ketegangan antara dua parti politik Melayu Islam.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** ...akan menjadi lebih....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sila gulung.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** .....lebih kritikal, sudah cukup 10 minit?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Gulung, masa untuk gulung.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Sebagai satu contoh yang ringkas ialah tentang Sekolah Wawasan. Dalam satu kenyataan tertentu pemimpin negara telah mengatakan bahawa, Persatuan Pengetua-pengetua Sekolah Cina ingin mengembalikan pendidikan Cina seakan-akan di negara China. Pada hemat saya kenyataan-kenyataan seperti ini hendaklah disaring dan Unit Perang Saraf dan Gerak Saraf mestilah mengingatkan pemimpin negara bagaimana komunikasi masa yang lebih bijaksana dalam sebuah negara berbilang kaum berasaskan pola-pola yang telah kita terima selama ini untuk mewujudkan kestabilan dan ketenangan dalam negara kita. Agenda-agenda peribadi pemimpin tertentu hendaklah dibataskan supaya keadaan-keadaan yang berlaku di dalam negara kita..... [*mikrofon tidak besfungsi seketika*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cuma sementara cuba guna di sebelah.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya, hendak gulung sekarang ya. Masuk kepada perenggan yang kedua akhir. Kita bukan *personality centric* tetapi *national centric*, dengan izin, iaitu perang saraf ini dapat memberikan satu panduan terhadap menteri-menteri terutama sekali untuk memiliki satu kebijaksanaan yang lebih dapat menimbulkan semula kestabilan dan keharmonian dalam negara kita.

Saya juga ingin menyambung sedikit apa yang telah disebut oleh.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Masa sudah cukup ya. Terima kasih, sekian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Bentong.

**4.15 ptg.**

**Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan pada kali ini.

Saya ingin menyentuh berkenaan dengan Jabatan Perdana Menteri, Maksud Bekalan 1, Butiran 030100 mengenai peralatan dan perisian komputer kakitangan berjumlah RM135,000 bagi maksud ini.

Saya amat setuju dengan apa yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat bagi Tambun dan Yang Berhormat bagi Batang Lupa bahawa Parlimen ini merupakan satu pengubalan undang-undang yang tertinggi dan seharusnya memainkan peranan yang penting dalam semua aspek. Oleh itu kerajaan perlu memberikan perhatian yang cukup untuk memastikan semua kemudahan dan bermacam lagi infrastruktur yang

ada akan memastikan bahawa Parlimen ini diberi peluang yang terbaik dalam menggubal undang-undang. Objektif Parlimen sebagaimana yang kita tahu adalah untuk memastikan proses membuat undang-undang negara ini dapat berjalan dengan lancar.

Oleh itu saya tidak mahu menyentuh apa-apa perkara yang mereka telah sentuh, saya setuju dengan apa yang mereka sentuh tadi. Saya hanya menambah beberapa tambahan lagi di mana kita tahu bahawa pada masa kita ada sesi Parlimen ini, sesi ini walaupun panjang tetapi masa yang diberikan kepada kita memang adalah tidak mencukupi dari segi masa, yang saya kata masa soal jawab. Masa soal jawab pada peringkat pertama adalah satu jam sahaja di mana kita dapat lihat sepanjang sesi ini, 25 soalan pada masa satu jam memang tidak cukup untuk dihabiskan dan banyak lagi soalan-soalan tambahan tidak dapat kita sempat untuk memberi jawapan. Saya berpendapat bahawa sesi soal jawab ini kalau boleh kita panjangkan ke dua jam dan soalan tambahan boleh diberi kepada sekurang-kurangnya tiga soalan tambahan.

Satu lagi saya ingin menarik perhatian bahawa semua Ahli Parlimen diberi peluang untuk memberi soalan jawab lisan sebanyak 10 soalan dan jawapan bertulis sebanyak lima soalan. Saya rasa walaupun 10 soalan dan lima soalan ini adalah tidak memadai tetapi yang menghairankan ialah jawapan-jawapan bertulis yang kita hantar kepada Parlimen tidak ada jawapan langsung daripada kementerian-kementerian berkaitan. Saya ingin menarik perhatian bahawa kita ini wakil yang telah diberi mandat oleh rakyat datang ke Parlimen, menyoal masalah rakyat, saya rasa sebagai satu kerajaan yang bertanggungjawab kena memberi perhatian bahawa walaupun soalan-soalan bertulis, perlulah memberi jawapan-jawapan dan memberi peluang kepada kita untuk balik ke kawasan dan memberitahu rakyat bahawa kita telah pun menyoalkan masalah-masalah mereka di Parlimen ini.

Satu lagi Tuan Pengerusi, saya mendapati bahawa untuk meningkatkan martabat dan juga imej Parlimen ini, peranan media ini amat penting. Saya ucapkan terima kasihlah kerana memang ramai wartawan dan media telah pun memberi sokongan kepada Ahli-ahli Parlimen untuk menyiapkan soalan-soalan dan juga pertanyaan di Parlimen. Memandangkan memang penting untuk rakyat mengetahui apa yang berlaku di sini dan ada saranan daripada pihak sebelah sana mengatakan, mahu adakan siaran langsung. Tetapi memandangkan memang masa *air time* ini memang mahal dan terhad, saya ingin mencadangkan bahawa kalau boleh kita boleh adakan liputan media, TV dan radio dan kita kalau boleh adakan rancangan khas semasa sesi Parlimen berlangsung, bersidang, kalau boleh nampaknya rancangan televisyen kita perlu adakan sesi khas untuk memberi liputan yang lebih meluas lagi semasa Parlimen bersidang.

Dan juga bagi akhbar-akhbar, kita lihat sekarang, akhbar hanya memberi liputan satu muka surat sahaja, selalu kita lihat hanya satu muka surat, memang adalah sangat terhad, kita meminta jasa baiklah media, akhbar .....

**Seorang Ahli:** Tiga muka.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Oh, tiga muka, ada yang tiga muka surat, tetapi ada akhbar lain yang hanya satu muka surat sahaja. Kita minta kalau dapat beri liputan yang lebih meluas agar apa-apa yang berlaku, apa-apa yang ditanya di dalam Parlimen ini akan diambil perhatian kerana ini adalah amat penting, walaupun cadangan-cadangan itu adalah ringkas, saya rasa ini adalah suara rakyat.

Tuan Pengerusi, satu lagi ini berkenaan dengan bangunan kita, bangunan yang tinggi di sebelah Dewan ini, Bangunan menara Parlimen. Walaupun Ahli-ahli Parlimen diberi peluang untuk boleh menggunakan bilik-bilik tersebut, saya rasa saya ingin bangkitkan perkara ini bahawa memang saya ini masuk sesi yang ketiga di Parlimen ini, memang jarang Ahli-ahli Parlimen dapat menggunakan bilik-bilik tersebut kerana memang tidak mempunyai kemudahan yang cukup, adakan kerusi, meja dan telefon sahaja, itu sahaja. Ya, sila.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Pengerusi, saya hendak menanya kepada Yang Berhormat sama ada beliau tahu atau sedar bahawa pada satu masa dahulu Bangunan Menara Parlimen dalam bilik boleh kita tekan butang supaya mendengar apa-apa yang telah berlaku dalam Dewan Parlimen ini, tetapi sekarang kalau naik ke bilik saya, tekan butang langsung tiada suara.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Tuan Pengerusi, saya tidak tahu. Memang dimaklumkan ada kemudahan ini tetapi masa ini memandangkan tidak ada orang, tidak ada Ahli Parlimen yang menggunakan kemudahan itu ataupun kemudahan itu telah diputuskan. Oleh itu saya difahamkan bekalan *air-condition* juga telah ditamatkan untuk masuk ke bilik-bilik tersebut.

Oleh itu, saya rasa untuk memastikan Bangunan Menara Parlimen ini tidak menjadi *white elephant*, gajah putih di mana kita semua Ahli-ahli Parlimen mempunyai kemudahan-kemudahan ini, kita dapat menggunakan....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Pengerusi, kalau menara itu di *convert* jadi macam tempat penginapan Ahli Parlimen tidak boleh?

**Tuan Liow Tiong Lai:** Tuan Pengerusi, memang kita Ahli-ahli Parlimen ini sidang ini panjang masanya, macam semalam kita sampai pukul 10.30 malam, kalau boleh digunakan, jadi tukarkan jadi bilik rehat, saya memang bersetujulah. Saya juga ingin mencadangkan bahawa tadi seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Bagan bahawa kalau dahulu tekan butang ada mengetahui apa perkembangan di Dewan ini, memandangkan sekarang ada kamera-kamera sudah pun dipasang, saya haraplah kita boleh sambung lintasan terus masuk ke bilik-bilik tersebut supaya kemudahan ini bukan sahaja Tuan Pengerusi yang boleh digunakan, kita semua Ahli-ahli Parlimen, saya rasa bolehlah kita dapat menggunakan kemudahan ini.

Oleh itu Kota Melaka jangan bangkanglah selalu ya, jangan bangkang kena sokong juga.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, sedikit. Saya bersetujulah dengan pandangan Yang Berhormat bagi Bentong, tetapi sedarkah Yang Berhormat bahawa Timbalan Pengerusi pun tidak ada pembantu ini. Jadi kita *jack* sedikit, tolonglah. Saya sokong.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Tuan Pengerusi, saya tadi sebab saya kata saya sudah sokong pendapat dan cadangan Ahli-ahli Parlimen yang lain yang telah disentuh, saya tidak sentuh lagi, memang saya sudah sokong. Saya sokong Dato' Pengerusi selaku Timbalan Yang di-Pertua perlu mempunyai pembantu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu tidak penting, yang penting di sini perlu mendapatkan sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, bila kita mengadakan perbahasan patuhi peraturan, itu yang lebih penting.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Ya, saya bersetuju dan sebagai wakil rakyat yang bertanggungjawab perlu memberi kerjasama yang penuh kepada Tuan Pengerusi selaku Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ha, itu yang baik sekali. Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Tuan Pengerusi, saya masuk ke maksud yang lain. Berkenaan dengan B.7, Butiran 070000 – MAMPU, Butiran 070300 – *Electronic Government* dan Teknologi Maklumat. Ini saya nampak peruntukan untuk MAMPU untuk seksyen ini telah berkurangan dan saya ingin mendapat tahu sejauh mana MAMPU ini telah dapat memastikan matlamat e-government ini dapat dicapai kerana Perdana Menteri telah mengatakan e-government akan diwujudkan dengan secepat mungkin tetapi sehingga kini, saya tidak nampak kemajuan terutamanya di kementerian-kementerian untuk memastikan rakyat jelata dapat menggunakan kemudahan *electronic government* ini.

Oleh itu saya juga ingin mendapat tahu daripada kerajaan sama ada kerajaan, MAMPU ini dapat memberi nasihat kepada kerajaan-kerajaan negeri dan juga kerajaan-kerajaan tempatan bagi majlis-majlis daerah yang cuba hendak meningkatkan penggunaan komputer tetapi apabila penggunaan komputer mereka tidak setaraf dengan komputer yang digunakan oleh Kerajaan Pusat, maka banyak litar ataupun penyambungan di antara negeri dan juga Persekutuan tidak dapat dilangsungkan.

Oleh itu, saya minta penjelasan daripada kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Batu.

**4.26 ptg.**

**Tuan Ng Lip Yong [Batu]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Sudah lama saya berdiri. Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh perkara di bawah Maksud Bekalan B. 1, Parlimen sahaja.

Tuan Pengerusi, dalam buku ini di bawah tajuk strategi untuk Parlimen. Strategi ini berbunyi: "*Mempertingkatkan dan mengemaskan tugas-tugas urus setia dengan menggunakan peralatan-peralatan canggih untuk mengemaskinikan rekod-rekod persidangan Parlimen serta prestasi kakitangan.*"

Pada saya ini bermaksud bermakna semua peruntukan Parlimen adalah untuk pengurusan Parlimen sahaja dan tidak termasuk kemudahan-kemudahan penting untuk Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Pengerusi, pandangan saya Ahli-ahli Parlimen perlu banyak kemudahan supaya kita boleh menjalankan tugas dengan lebih cekap dan berkesan. Kalau kita lihat sistem yang kita ada dalam Dewan yang mulia ini, kita hanya boleh menggunakan mikrofon dan *loud speaker* sahaja. Saya tidak tahu apa kegunaan panel ini dan saya rasa memang kita harus menggunakan apa alat-alat yang kita ada.

Dan saya juga ada beberapa cadangan Tuan Pengerusi, sebagai badan legistik yang tertinggi di dalam negara kita ini, saya rasa Parlimen kita harus menjadi teladan kepada rakyat dan dalam zaman keekonomi ini dan ICT, kita mesti jadi teladan penggunaan ICT atau penggunaan komputer dan teknologi, dengan izin, *paperless office* sebenarnya bermula dari sini, oleh sebab itu saya bercadang Parlimen kita, kita mesti ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Mambong.

**Dr. James Dawos Mamit:** Tuan Pengerusi, terima kasih, terima kasih Yang Berhormat. Sedar atau tidak Yang Berhormat bahawa kita sudah bersidang 19 hari di sini dan setakat ini kita telah pun *shoving papers around*, saya sudah menganggarkan bahawa 9.65 tan kertas yang telah pun diedarkan. Ini bermakna kita sudah menebang balak hutan seluas satu hektar setakat ini. Walaupun kita boleh kitar semula kertas tetapi bahan-bahan kimia yang kita gunakan agak tinggi dan ini mencemarkan alam sekitar. Bersetuju atau tidak?

**Tuan Ng Lip Yong:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Mambong. Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Mambong. Sebenarnya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat telah ada dalam teks ucapan saya, beliau telah *steal the thunder from me*, dengan izin. *[Ketawa]*

[Tuan Pengerusi (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusi kan Mesyuarat*]

Tuan Pengerusi, saya bercadanglah kita mesti *wire-up* Parlimen ini dengan kabel pun boleh, gunakan teknologi *wireless* pun boleh. Di hadapan setiap ahli Parlimen, kita mesti ada satu terminal supaya kita boleh ada *connectivity* dengan Internet, supaya kita boleh buat *research* atau menyediakan ucapan kita di tempat duduk kita ini.



Tuan Pengerusi, berkenaan dengan kertas, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Mambong, saya hendak mencadangkan, kita menggantikanlah semua dokumen-dokumen yang diedarkan kepada kita dengan *CD-Rom* atau media lain. Misalnya *Hansard*. Tiap-tiap hari kita dapat *Hansard* tetapi sekarang kalau kita hendak buat *index*, susah, kita hendak buat *reference*, susah. Tetapi kalau kita ada dalam CD, kita boleh buat *cross reference*, dengan izin, dengan sangat senang untuk membuat *cross reference*.

Selain daripada itu, rang undang-undang juga biasanya kita diedar pindaan sahaja, kita tidak dapat rang undang-undang asal. Oleh sebab itu, susah kita hendak rujuk kepada akta asal. Kalau kita ada satu network di sini, kita ada *server*, kita boleh dapat semua maklumat yang kita perlu. Saya percaya dan yakin kalau kita ada kelengkapan seperti ini, *computer network*, *local area network* kah, kita boleh menjalankan tugas kita dengan lebih berkesan.

Tuan Pengerusi, zaman buku berat macam ini sudah tamatlah. [*sambil memegang buku Belanjawan Persekutuan 2001*] Sampailah masanya kita mesti gunakan teknologi yang kita ada. Tiap-tiap kali bila kita ada sesi Parlimen, *bisect muscle* kita pun lebih kuat kerana banyak kertas yang kita perlu bawa ke rumah dan saya berharaplah Parlimen akan ambil berat cadangan ini dan kita akan ada sistem yang lebih baik, lebih sesuai dengan masa elektronik kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tanjong.

**4.34 ptg.**

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dan saya hanya akan menyentuh tentang Maksud Bekalan 11 – Badan Pencegah Rasuah, di mana saya mendapati bahawa peruntukan pada tahun 2001 ini berjumlah RM61.4 juta yang merupakan satu penambahan 200% dari tahun 1991 di mana cuma RM20.4 juta diperuntukkan.

Ini merupakan satu penambahan yang agak besar berbanding dengan tahun-tahun yang lepas tetapi saya rasa penambahan atau peruntukan sebanyak RM61.4 juta ini masih tidak mencukupi untuk menjadikan Badan Pencegah Rasuah sebagai satu badan yang *effective* untuk menangani masalah korupsi di negara ini memandangkan badan ini sekarang pun menghadapi masalah kekurangan kakitangan yang mencukupi dan penyiasat-penyiasat dan lain-lain pegawai yang diperlukan untuk menjalankan kerja atau beban kerja yang meningkat memandangkan keazaman kerajaan untuk menangani masalah korupsi di negara ini.

Tuan Pengerusi, saya berharap dengan penambahan ini dapat benar-benar menggambarkan satu iltizam politik yang sebenarnya bagi Kerajaan Barisan Nasional untuk menghapuskan masalah korupsi di dalam sektor awam dan juga sektor swasta di negara ini. Sebab setiap tahun negara ini dicatatkan dalam *Corruption Perception Index (CPI)* oleh *Transparency International* yang melaporkan setiap tahun mengenai *indeks korupsi* di seluruh dunia di mana setiap tahun khususnya tahun ini, tangga yang dicapai oleh negara ini telah merosot sehingga tempat yang ke -36, negara yang paling *corrupt* dari 90 negara yang dikaji selidik oleh badan ini.

Sebab dalam zaman globalisasi dan liberalisasi kini *foreign direct investment* dari negara-negara asing perlu menilai pelbagai aspek sebelum membuat keputusan untuk melabur dalam sesebuah negara. Bukan sahaja dari segi pasaran dan ekonomi sahaja tetapi juga meliputi perkara-perkara seperti pentadbiran negara, urusan tadbir kerajaan yang baik, indeks korupsi, pengamalan hak asasi dan kebebasan akhbar dan sebagainya. Jadi, sekiranya kita tidak menumpu perhatian untuk memperbaiki imej negara, kita akan mendapati bahawa FDI yang ingin datang ke Malaysia akan dipengaruhi oleh aspek-aspek yang bukan ekonomik ini dan akan menjejaskan pelaburan asing di negara ini.

Saya memerhatikan di bawah Butiran 040200 – Kajian Persepsi Masyarakat Terhadap Rasuah, saya mengalu-alukan tindakan Badan Pencegah Rasuah untuk menjalankan kajian persepsi masyarakat terhadap rasuah. Saya rasa peruntukan ini diberikan adalah sebagai satu *'one-off'* di mana diberikan satu kali sahaja. Saya rasa peruntukan untuk menjalankan kajian ini oleh Badan Pencegah Rasuah haruslah ditetapkan setiap tahun memandangkan gejala rasuah dan orang-orang yang terlibat di dalam rasuah ini semakin cepat dalam segi taktik-taktik mereka untuk memberi rasuah dan mengamalkan taktik rasuah.

Saya berharap melalui pengajian yang dilakukan oleh Badan Pencegah Rasuah dapat memastikan apakah punca-punca masalah korupsi di negara ini dan dengan berbuat demikian melalui kajian yang mendalam dan menyeluruh ini, Badan Pencegah Rasuah ini dapat mengenal pasti *loopholes* di dalam prosedur birokrasi, kerana birokrasi di negara ini yang dapat menggalakkan amalan-amalan korupsi di jabatan-jabatan kerajaan mahupun di sektor swasta supaya dengan ini dapat mengambil langkah-langkah pencegahan melalui pemantauan ataupun siasatan di pelbagai peringkat di mana amalan korupsi ini dapat dikesani.

Saya berharap Badan Pencegah Rasuah ini senantiasa akan menjalankan kajian yang khusus terhadap corak dan bentuk korupsi yang wujud di negara ini supaya dapatlah mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya untuk mencegahnya dari menjadi lebih buruk.

Saya rasa walaupun dengan penambahan peruntukan pada tahun ini, namun haruslah ditambahkan peruntukan dalam tahun-tahun yang akan datang memandangkan agensi ataupun Badan Pencegah Rasuah ini memerlukan lebih banyak sumber-sumber kewangan dan pegawai-pegawai ataupun sumber manusia yang lebih terlatih dalam bidang elektronik dan lain-lain supaya dapat mengesan urusan korupsi yang semakin kompleks di dalam sistem kerajaan pada masa kini.

Saya juga ingin menyentuh tentang Butiran 020000 - Operasi, di mana pada tahun ini saya memerhatikan Badan Pencegah Rasuah telah mengambil banyak tindakan untuk membongkarkan amalan rasuah khususnya di sektor awam. Saya rasa dengan tindakan-tindakan ini dapatlah membantu kerajaan menangani masalah korupsi khususnya di dalam kerajaan. Saya ingin penjelasan dari pihak kerajaan mengenai penyiasatan, mengenai lesen terbang yang dibongkarkan beberapa bulan dahulu di mana sejumlah 100,000 lesen terbang dikatakan wujud dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan. Saya rasa ini memanglah satu pembongkaran yang baik, menunjukkan bahawa wujudnya korupsi yang serius di JPJ. Tetapi nampaknya selepas heboh-heboh dalam media, perkara ini nampaknya 'hangat-hangat tahi ayam' sahaja, tidak ada tindakan susulan untuk mendakwa orang-orang yang terlibat.

Jadi, saya ingin tahu sama ada Badan Pencegah Rasuah akan mendakwa pegawai-pegawai ataupun pengusaha-pengusaha agensi pemandu kereta ini dalam masa yang terdekat. Sebab kalau rakyat tidak nampak sebarang dakwaan dilakukan di dalam mahkamah, mereka rasa kerajaan pun tidak begitu serius untuk menangani masalah ini. Sebab kita haruslah menunjukkan bahawa badan ini dapat mendakwa dan juga secure conviction di dalam mahkamah sebagai menjadi satu amaran serius kepada lain-lain pihak yang ingin melibatkan diri dalam amalan rasuah...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila gulung, Yang Berhormat.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Ya...dan juga untuk nilai pendidikan di mana apabila orang melihat dakwaan ataupun securing conviction kes-kes rasuah ini mereka akan berhati-hati dan mengelak diri dari menceburi dalam kegiatan amalan rasuah ini. Seperti di negara China pun pegawai korupsi ini digantung mati dan gambar-gambar mereka dipapar di surat khabar. Walaupun saya tidak setuju dengan hukuman mati ini tetapi sekurang-kurangnya ini memberi satu kesan psikologi kepada pegawai-pegawai kerajaan ataupun orang di sektor swasta supaya mengelakkan diri dari amalan ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah habis.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Satu para lagi. Akhirnya, saya berharap pihak kerajaan juga memberi penjelasan mengenai kes yang saya bangkitkan mengenai ugutan yang diterima oleh Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah, Datuk Ahmad Zaki Hussin yang dikatakan menerima ugutan semasa menjalankan kegiatan untuk mencegah rasuah. Jadi, saya berharap pihak kementerian bolehlah memberi satu jawapan....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah habis.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Ya.....kepada apa yang saya bangkitkan. Dengan ini, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Tuan Pengerusi. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sibü.

**4.46 ptg.**

**Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibü]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hanya menyentuh dua, tiga perkara sahaja. Saya merujuk P.7, Butiran 08500 - Perumahan Polis Diraja Malaysia akan diperuntukkan RM377,200,000 Tuan Pengerusi, saya ingin tanya antara dari jumlah ini berapa untuk Jabatan Polis di Sibü, kerana saya telah terima banyak rayuan. Biasanya di dalam duti khidmat, mereka tinggal di compound polis, di kuarters.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Polis?

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Selepas mereka pencen, mereka susah cari rumah. Ini adalah satu perkara penting, mungkin kerajaan boleh wujud satu skim supaya menggalakkan mereka membeli rumah secepat mungkin di dalam karier mereka.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Di bawah mana Yang Berhormat bercakap ini?

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** P.7, Butiran 08500 - Perumahan Polis Diraja Malaysia. P.7....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jabatan Perdana Menteri?

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Tidak. P.7, lagi Butiran 100000, peruntukan jumlah RM17,240,000 ini ialah untuk Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Sarawak. Saya ingin tahu berapakah akan diperuntukkan kepada 'Zon Tengah' iaitu pusat di Sibü untuk membina satu estet perindustrian, kerana di dalam tempoh 20 tahun sampai sekarang - Sibü ialah satu pusat untuk 'Zon Tengah' di negeri Sarawak. Kami tidak mempunyai satu estet industri yang baru. Kerana itu banyak graduan balik daripada universiti asing dan tempatan susah cari kerja. Saya harap di samping Kuching, zon industri atau manufacturing industry park perlu dibina secepat mungkin di Sibü, Miri dan Bintulu iaitu kota utama di Sarawak di samping Kuching, kerana negeri Sarawak bukan sama negeri biasa di Semenanjung, kerana area geographicalnya terlalu besar. Kalau hanya satu estet industri di Kuching itu tidak mencukupi, pembangunan di kota-kota lain tidak akan sama maju dengan Kuching. Saya harap kementerian memberi perhatian.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya ingin menyentuh ialah tentang B.5 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Butiran 010700, peruntukan RM869,800 kepada Sarawak dan B.8 - Jabatan Perkhidmatan Awam, jumlah peruntukan lebih kurang RM12 juta.

Di sini saya hanya ada satu permintaan. Saya haraplah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam atau Jabatan Perkhidmatan Awam perlu mengkaji semula dasar

untuk menerima atau melantik *candidate* memasuki sekolah, kolej atau jabatan-jabatan kerajaan untuk bekerja. Saya difahamkan contohnya di Sibu, baru-baru ini kerajaan membina satu kolej untuk melatih jururawat. Saya difahamkan dalam lebih 120 *candidate* atau calon yang diterima masuk ke kolej jururawat, kaum Cina hanya dua setengah orang, dua ialah *full blooded Chinese*, satu ialah *mix blood* dengan izin [Ketawa] Saya bukan *chauvinistic approach* keadaan saya di sini kerana saya pun menerima aduan daripada jururawat-jururawat kaum tertentu kerana ini tidak *balance*, dengan izin. Dia punya *number* terlalu banyak supaya di dalam hari perayaan, contohnya Hari Raya atau Gawai dan lain-lain, mereka susah mendapat cuti untuk balik kampung.

Saya haraplah Jabatan Perkhidmatan Awam perlulah melaksanakan satu dasar supaya semua kaum boleh masuk. Saya menyokong kita masih memberi peluang dan keistimewaan kepada bumiputera tetapi saya fikir supaya jangan begitu lopsided, dengan izin.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila gulung Yang Berhormat.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Ya, saya harap Jabatan Perkhidmatan Awam perlu ingat apakah yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, iaitu masa sudah tiba untuk kerajaan atau Jabatan Perkhidmatan Awam menerima lebih banyak bukan bumiputera berkhidmat di dalam sektor awam supaya kaum bumiputera boleh memainkan peranan lebih penting di dalam sektor swasta, di dalam bidang perniagaan dan lain-lain.

Itu sahaja, sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Mambong.

**4.55 ptg.**

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya akan menyentuh perkara-perkara yang spesifik sahaja dalam perbahasan saya ini. Saya bermula dengan maksud B.1 Butiran 030300 yang berkaitan dengan pembelian bahan-bahan rujukan di Parlimen. Peruntukan RM75,000 ini saya anggap tidak mencukupi. Saya nampak di *Resource Center* di Parlimen bahan-bahan rujukan memang tidak mencukupi. Oleh yang demikian saya ingin mengaitkan perkara ini kepada maksud B.7 Butiran 10600, Pembangunan Aplikasi Kerajaan Elektronik atau e-government. Peruntukan RM133,283.000, amat membanggakan. Tetapi saya menyarankan agar aplikasi *electronic government* harus bermula di Parlimen.

Sejak permulaan Dewan ini bersidang bermula 16 Oktober saya menganggarkan bahawa seseorang ahli Parlimen telah pun diedarkan dengan sekurang-kurangnya 50 kilogram laporan-laporan kertas ataupun dengan izin, *we have been shoving papers around*. Ini bermakna 9.65 tan kertas telah pun diedarkan.

Walau pun kertas dapat dikitar semula tetapi industri akan menggunakan bahan-bahan kimia yang lebih banyak, yang berlebihan berbanding dengan pengilangan kertas menggunakan *fresh pulp* Ini akan menyebabkan pencemaran alam sekitar. Tambahan lagi kalau kita kirakan dari segi berapa pokok yang telah ditebang, saya telah pun menganggarkan bahawa enam pokok kayu balak. Dari segi pengurusan hutan mapan di negara kita, kita sudah menggalakkan pembalakan di kawasan hutan seluas 1 hektar. Bayangkan sampai penghujung sesi Parlimen ini.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cadangan, cadangan Yang Berhormat.

**Dr. James Dawos Mamit:** Berapa banyakkah hutan akan kita tebang. Oleh yang demikian.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cadangan Yang Berhormat apa supaya kertas tidak banyak digunakan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Penjelasan

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apa terus, hendak beri penjelasan. Ini Yang Berhormat bagi Bagan berdiri.

**Dr. James Dawos Mamit:** Yang Berhormat bagi Bagan okay. Sedikit sahaja

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya mengikuti ucapan daripada Yang Berhormat bagi Mambong tadi dan saya juga mengikuti ucapan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Bentong.

**Tuan Lim Hock Seng:** Batu, kedua-duanya serupa iaitu sejak Parlimen bersidang telah memakai 61/2 tan kertas. Dan kayu balak yang perlu dikitar untuk membuat kertas ini 1 hektar.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Biasalah itu Yang Berhormat, serupa sahaja.

**Tuan Lim Hock Seng:** Jadi kedua-dua ini serupa. Adakah kedua orang ini sudah berbincang siap-siap di luar.

**Seorang Ahli:** Satu guru [*Ketawa*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Biasalah Yang Berhormat.

**Dr. James Dawos Mamit:** Tuan Pengerusi, *great men think alike* [*Ketawa*] [*Tepuk*]. Oleh yang demikian Tuan Pengerusi, saya menyarankan agar Parlimen membekalkan *laptop* ataupun *note book computer* kepada setiap Ahli Parlimen agar laporan-laporan dapat diedarkan dalam bentuk CD atau disket. Dari segi kosnya pula saya menganggarkan RM965,000 jumlah kos komputer. Di *Resource Center* Parlimen hanya terdapat dua unit komputer *Internet ready*. Tetapi dua unit komputer ini saya nampak *speed*nya sangat perlahan. Saya selalu menggunakan..

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini serupa dengan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Tidak apa.

**Dr. James Dawos Mamit:** Tuan Pengerusi, kita selalu menggunakan komputer untuk mencari bahan-bahan rujukan. Jadi ini kita memang tahu. Saya harap Parlimen akan mengambil kira apa yang saya sarankan.

Saya ingin merujuk kepada Maksud P.7 Butiran 04600 yang berkaitan dengan jalan-jalan dan jambatan. Saya anggarkan peruntukan ini adalah bagi projek jalan kampung. Peruntukan RM7,4020,00,00 ini saya anggap mungkin tidak mencukupi memandangkan bahawa banyak kampung di negeri Sarawak sahaja, jalan kampung belum diturap. Di kawasan saya sendiri terdapat 30 buah kampung lagi di mana jalan kampung belum lagi diturap.

Merujuk kepada P.7, Butiran 08400 dan 08500 berkaitan dengan perumahan Angkatan Tentera Malaysia dan perumahan Polis Diraja Malaysia. Saya memang mengalu-alukan peruntukan yang banyak tetapi saya ingin bertanya, adakah peruntukan ini untuk membina quarters mereka ataupun untuk membina rumah-rumah yang akan dimiliki oleh anggota-anggota ATM dan Polis Diraja Malaysia.

Dan yang terakhir sekali – ini berkaitan dengan Butiran 11300 Pusat Pentadbiran Persekutuan Sarawak. Kerajaan negeri telah pun memberi tapak 2,020 ekar kepada Kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan pusat pentadbiran yang canggih semacam juga Putrajaya. Saya harap pusat ini akan dibina dengan secepat mungkin. Tetapi peruntukan RM17 juta ini mungkin tidak cukup untuk tahun 2001. Cuma saya ingin bertanya sama ada peruntukan ini untuk meratakan dan tembokan tanah ataupun untuk pembinaan infrastruktur. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Shah Alam.

5.01 ptg.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Shah Alam]:** Terima kasih..

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya minta maaflah tidak dapat beri serentak. Jika boleh kalau saya suruh empat orang cagak tidak jadi apa-apa pulak. Jadi terpaksa saya pilih. Sila.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh kepada Kepala B.7 Maksud 010500 – Biro Tatanegara. Sebagaimana kita sedia maklum bahawa sumber pembangunan manusia adalah satu perkara pokok yang akan membawa Malaysia maju pada 2020. Dan pada pagi tadi saya berasa begitu terperanjatlah bahawa Pokok Sena mengatakan bahawa kursus-kursus yang dianjurkan oleh BTN ini menggambarkan ...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Pokok Sena?

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Pokok Sena.

**Seorang Ahli:** Pendang, Pendang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Pendang. Pokok Sena tidak ada ya.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Seolah-olah ianya sebagai satu gerakan *Freemason* dan ini satu tuduhan yang amat berat saya rasalah kerana pada tanggapan saya bahawa soal Biro Tatanegara yang diberikan tanggungjawab untuk membina bangsa ini adalah satu cabaran yang berat.

Justeru kerana itu saya fikir bahawa kurikulum dan pendekatan yang harus diambil ataupun telah pun diambil ataupun telah pun dipertingkatkan supaya cabaran jati diri dapat dipertingkatkan kerana dalam persejagatan dan teknologi maklumat memberikan cabaran kepada semua bangsa di dunia dalam mengekalkan jati diri dan toleran dengan perubahan nilai hidup yang berlaku dalam masyarakat.

Jadi, Gagasan Melayu Baru yang dicetuskan pada awal 1991 adalah acuan pemikiran dan tindakan sebagai benteng menepati era persejagatan yang kini berada di kemuncaknya. Baru-baru ini pun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Boleh sikit?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Sri Gading berdiri.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya. Itulah dia contoh apabila Ketua Pembangkang memutarbelitkan dan membuat kekeliruan kepada rakyat yang menjadi contoh kepada pengikut-pengikutnya. Kalau yang bertaraf Presiden sanggup memutarbelitkan apa yang sebenarnya yang berlaku, jadi itu sebabnya tidak pelik anak-anak buahnya juga akan mengikut.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Saya amat setuju dengan pandangan sahabat saya bagi Sri Gading. Itu yang saya maksudkan bahawa tugas untuk membina bangsa ini adalah satu tugas yang cukup besar. Dan sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa pihak pembangkang senantiasa menggambarkan bahawa seolah-olah tugas untuk membina negara ini selalu diambil kira untuk memperkuatkan dan memperkukuhkan serta memperkasakan agenda politik kepartian.

Sebenarnya itu satu perkara yang tidak wujud kerana Tuan Pengerusi, abad ke-21 sebenarnya meletakkan manusia dalam dunia yang cukup mencabar lagi mengelirukan. Dengan penguasaan manusia terhadap teknologi maklumat dunia telah menjadi semakin kecil. Inilah dunia realiti dan cabaran Melayu Baru. Sesuatu yang berlaku di satu penjuru dunia bukan sahaja diketahui malah akan turut mengubah nilai hidup di sebelah sini.

Melayu Baru adalah realiti baru yang belum pernah dialami sebelum ini. Melayu Baru bukanlah sekadar memboloskan diri daripada kongkongan struktur

pemikiran dan imej masyarakat tani yang mundur tetapi wajar turut berada di arena sejagat. Pada era persejagatan sesebuah bangsa boleh hilang jati diri kecuali yang mempunyai daya tahan dari segi pemikiran dan ilmu. Ini adalah cabaran besar kepada Melayu baru untuk turut bersaing dalam teknologi. Pada masa yang sama memastikan jati diri Melayu menjadi tonggak kepada budaya ilmu untuk bersaing dalam dunia tanpa sempadan.

Kita percaya apa yang perlu diisi dalam Gagasan Melayu Baru ialah semangat bersaing dan budaya ilmu untuk menangani cabaran zaman moden. Ia menganjurkan satu budaya baru yang lebih dinamik untuk menangkis modenisasi daripada perspektif Barat. Persejagatan yang memangkin modenisasi Barat membawa satu persepsi baru terhadap nilai hidup umpamanya menolak institusi perkahwinan, kekeluargaan dan liberalisasi tanpa sempadan.

Sukalah saya menegaskan di sini bahawasanya Melayu Baru bukanlah manusia-manusia yang berperwatakan moden, elitis, mewah dan menolak nilai-nilai hidup Melayu sebagai jati diri. Melayu Baru tidak hanya berubah kepada aspek fizikal malah yang penting adalah perubahan sikap untuk mendepani cabaran di samping mengekalkan jati diri Melayu. Lantaran itu kalau ada kalangan yang mampu memasuki sempadan zaman yang mencabar ini, dengan meninggalkan nilai jati diri mereka sebenarnya bukanlah Melayu Baru dalam makna yang sebenarnya.

Sesungguhnya menganjurkan budaya Melayu Baru bukanlah boleh ditafsir secara mudah sebagai proses menukarkan costume tradisional kepada coat yang membawa imej korporat. 'Baru' dalam konteks Melayu Baru bukanlah membentuk suatu yang baru dan meninggalkan yang lama.

Jadi, Tuan Pengerusi, untuk mengisi tuntutan pembaharuan itu pula Melayu Baru perlu realistik bahawa proses perubahan bangsa di mana sebenarnya adalah satu kerja yang bukan mudah. Justeru daripada itu, pendekatan yang kita lihat yang dilakukan kerajaan bagi melakukan perubahan *the new mindset*, anjakan paradigma senantiasa mendapat tentangan, rintangan serta halangan.

Jadi, dalam soal konteks ini saya rasa bahawa peranan dan tanggungjawab Biro Tatanegara peruntukan yang disediakan dalam maksud 010500 ini sebanyak RM20 juta ini adalah suatu peruntukan yang kecil kalau dibandingkan dengan tugas dan tanggungjawab yang harus diberi. Saya rasa bahawa satu gerakan besar-besaran harus dilakukan untuk memberikan satu anjakan paradigma kepada bangsa Melayu ini kerana kita tahu bila bercakap tentang soal perpaduan bangsa, tadi ada daripada pihak pembangkang, Pendang, menyebut bahawa kursus-kursus yang dijalankan oleh BTN ini seolah-olah sebagai satu pu sat yang akan membakar semangat orang Melayu untuk membenci orang Cina.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila gulung, Yang Berhormat.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Saya hendak gulung. Ini saya rasa satu pendekatan dan fitnah dan dakyah yang cukup jahat, tidak baik langsung kerana kita tahu bahawa untuk menjadikan Malaysia ini sebagai negara yang maju, soal kestabilan dan keharmonian bangsa itu adalah satu soal pokok yang asas.

Tadi Sibū bercakap dia menghormati tentang apa yang ada dalam Perlembagaan, hak keistimewaan orang Melayu, *social contract* itu yang dipegang dalam Perlembagaan itu adalah sebagai satu yang diterima pakai tetapi soal mengimbangkan supaya ada juga ruang yang dibuka supaya bangsa-bangsa yang lain, Cina, India dan lain-lain itu dapat menikmati arus perdana adalah satu perkara yang menjadi satu tuntutan dan itulah dasar yang diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Saya rasa bahawa permainan politik pihak pembangkang sehingga hari ini Parit Sulong berkali-kali menegaskan bahawa pertubuhan yang ada di kalangan mereka itu sebenarnya satu pertubuhan yang tidak didaftarkan. Dan jikalau

pertubuhan itu tidak didaftarkan mengikut takrif Perlembagaan, dia adalah satu pertubuhan haram. Jadi daripada ini saya sokong.

**Seorang Ahli:** Pertubuhan apa?

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Ini Barisan Alternatif. Mana dia BA? Tidak ada, tidak ada. Jadi, Tuan Pengerusi, saya ingat sudah sampai petang ini sudah naik letih bercakap, saya ucap terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Arau.

**5.09 ptg.**

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin memberikan pandangan kepada beberapa perkara dalam membincangkan peruntukan bagi Jabatan Perdana Menteri.

B.1 mengenai Parlimen. Peruntukan yang diberi anggaran tahun 2001 untuk belanja mengurus dan pembangunan sebanyak RM37,324,600. Parlimen sebagaimana kita tahu adalah merupakan *House*, dengan izin, di mana kita membuat undang-undang dan ahli-ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat berada di sini diberi peluang untuk mengeluarkan pandangan dan pendapat supaya pendapat ini dapat diambil oleh kerajaan untuk menentukan dasar negara. Kita rasa kecewa apabila Parlimen pada sesi yang kesepuluh ini dicemari dengan gelagat-gelagat dan tindakan-tindakan, kelakuan-kelakuan yang boleh menimbulkan satu pandangan yang tidak baik kepada Ahli-ahli Parlimen.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Parit Sulong berdiri Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Saya masa suntuk Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa sepuluh minit, tidak ada tambah.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Timbalan BBC saya bagilah.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya minta pandangan dan komen daripada Yang Berhormat Arau. Apa pendapat Yang Berhormat – pembangkang ini ada satu sahaja tetapi surat khabar tulis situ 67 orang. Dia tidak letak pecahan pembangkang atau apa? Apa pandangan Yang Berhormat mengenai hal ini?

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Pengerusi, di dalam Parlimen ini, surat khabar ada menulis dipamerkan dalam *New Straits Time* kehadiran Ahli-ahli Parlimen dari jam sekian berapa hadir, jam sekian berapa hadir. Sebenarnya Ahli-ahli Parlimen, rakan-rakan saya backbencher ramai di Parlimen, cuma tidak ada dalam Parlimen ini. Kebanyakannya ada di luar, ada di *library* membuat rujukan dan sebagainya. Tetapi memang benar dinyatakan bahawa nampaknya ahli pembangkang ada wakil seorang, buat ubat. Ada satu.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh:** Yang Berhormat Arau, saya mohon penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, Arau, penjelasan lagi.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Minta... Oh Tan Sri ya.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh:** Yang Berhormat, saya mohon penjelasan. Adakah mendukung kuorum itu peranan dan tugas parti pemerintah sahaja ataupun seluruh anggota Parlimen?

**Beberapa Ahli:** [Sorak]



**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Pengerusi, memang tanggungjawab mendukung kuorum adalah tanggungjawab bersama. Tidak patut ditunjukkan kepada parti pemerintah sahaja.

Kembali kepada soal peruntukan kepada Parlimen, Parlimenlah merupakan sebuah tempat di mana kita membuat dasar. Hari ini kita melihat negara kita telah pergi kepada transformasi yang ketiga iaitu di mana penggunaan ICT dan keekonomi ditekankan. Untuk itu, saya juga sebagaimana rakan-rakan yang lain, mengharapkan bahawa di Parlimen ini kita mendahului jabatan, agensi ataupun pihak-pihak yang lain dalam penggunaan komputer.

Malahan, Tuan Pengerusi, saya pernah melihat dan pernah diberi peluang melihat Parlimen di South Africa, di Pakistan dan beberapa lagi Parlimen negara-negara lain. Saya nampak ada peningkatan ruang yang dapat kita tingkatkan dari segi infrastruktur misalnya, di depan sana ada...

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Yang Berhormat....

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** ...*electronic board* yang ...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Shah Alam berdiri, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Minta maafilah. Masa saya suntuk.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Sekejap sahaja. Saya hendak tanya, betulkah Pakistan ada ICT?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, berdirilah siapa dia hendak bagi. Duduklah, kalau tidak, janganlah sama-sama berdiri.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tidak ICT tetapi *electronic board* di depan sana ada. Ya, Islamabad. Saya pergi melawat di Islamabad, ada. Di sini kita dapati di Parlimen kita, misalnya mikrofon ini sahaja kita teragau-gagau hendak menentukan mikrofon ini dapat berbunyi dan banyak lagi perkara-perkara yang dapat ditingkatkan. Saya bersetuju dengan rakan-rakan saya tadi supaya Ahli-ahli Parlimen diberikan laptop dan juga laporan-laporan Parlimen. Saya rasa kita ini sudah secara *conventional*, secara sistem yang lama. Kita dibekalkan dengan buku-buku yang begitu banyak. Kita mengharapkan bahawa pada masa akan datang, kita dapat melihat satu perubahan bermula di Parlimen ini sendiri.

Tuan Pengerusi, saya sebenarnya beberapa kali membuat ucapan dasar tetapi ucapan saya terpaksa *retype* oleh kerana apabila saya menggunakan komputer saya sendiri apabila bawa ke perpustakaan (*library*), rupanya perpustakaan masih lagi menggunakan *Wordstar 95*. Maknanya terlalu masih lagi kebelakang. Disket saya rosak, terpaksa saya menaip balik semula. Jadi, memang nyata bahawa kemudahan-kemudahan yang ada di Parlimen ini, tidak memadai saya menyokong rakan-rakan yang lain supaya dipertingkatkan.

Tuan Pengerusi, saya terpaksa pergi lebih cepat, bimbangkan masa yang begitu pendek. Perkara B.04 – Suruhanjaya Pilihan Raya. Suruhanjaya Pilihan Raya adalah merupakan badan yang diberi amanah untuk menyelenggarakan pilihan raya di negara kita. Baru-baru ini saya mendapat laporan bahawa nama yang terkeluar daripada senarai pilihan raya yang boleh mengundi apabila pilihan raya akan diadakan, begitu banyak sekali. Saya ingin bertanya kepada Suruhanjaya Pilihan Raya, tambahan pula sekarang ini telah pun dilantik Ketua Jabatannya yang baru, supaya dapat melihat perkara ini kerana pengeluarannya agak keterlaluan dan baru-baru ini apabila pilihan raya berlaku di Teluk Kemang, ada mereka yang memang bermastautin di tempat yang berkenaan tidak dapat mengundi. Ini sesuatu yang meragukan kita dan kita berharap supaya Suruhanjaya Pilihan Raya mengambil perhatian yang serius.

Dalam kita bercakap soal penggunaan ICT dan juga penggunaan komputer, saya rasa Suruhanjaya Pilihan Raya juga harus meningkatkan keupayaan dan kemampuan mereka supaya kemudahan-kemudahan dapat digunakan oleh rakyat Malaysia dan kita dapat meningkatkan prestasi dan produktiviti kita sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Sungai Benut.

Tuan Pengerusi, perkara B.07 – Jabatan Perdana Menteri. Inilah mauduk yang saya ingin perkatkan di sini iaitu mengenai Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA). Objektif ditubuhkan jabatan ini adalah untuk membangunkan dan memaju dan mengukuhkan kedudukan wanita dalam pelbagai sektor yang dikenal pasti melalui perancangan, penyelarasan dan pemantauan program dan aktiviti agensi-agensi tertentu secara cekap dan berkesan. Kami wanita berterima kasih kepada kerajaan kerana wanita Malaysia memang kita diberi perhatian dan juga Jabatan Hal Ehwal Wanita ini daripada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah pun dipindahkan ke Jabatan Perdana Menteri. Ini satu pengiktirafan yang besar. Tambahannya pula, Jabatan Hal Ehwal Wanita ini diketuai oleh seorang Timbalan Menteri yang begitu bersungguh-sungguh menjalankan usaha untuk membangunkan wanita di Malaysia [*Tepuk*] dan wanitalah merupakan sebahagian daripada penduduk negara.

Tuan Pengerusi, selain daripada Jabatan Hal Ehwal Wanita di peringkat persekutuan, kita tidak mempunyai jabatan di peringkat negeri dan di negeri diserahkan tanggungjawab kepada Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita yang dipengerusikan oleh pengerusi-pengerusi yang dilantik dan dijalankan secara sukarela. Apabila Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita yang menanggung tanggungjawab yang begitu berat di peringkat negeri, menjalankan program-program untuk pembangunan wanita bersama-sama dengan HAWA di peringkat kementerian, apabila pihak kementerian meminta supaya peringkat negeri mengemukakan kertas-kertas kerja untuk pembangunan, pihak negeri walaupun mereka bekerja secara sukarela, banyak negeri yang telah menghantar peruntukan kertas kerja kepada pihak pusat tetapi malangnya tidak dapat diproses oleh pusat.

Saya sebenarnya, dua tiga tahun yang lalu, marahlah. Sekarang tidak marahlah sebab Timbalan Menteri kita ada di sini dan saya cuba menghayati dan juga cuba menganalisa kenapa perkara ini berlaku.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila gulung, Yang Berhormat. Gulung ya.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Alah, Tuan Pengerusi, bagi peluang saya capak sedikit. Apabila saya semak...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, 10 minit sudah cukup ya.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** ...dari segi perjawatan, saya dapati bahawa Jabatan Hal Ehwal Wanita yang merupakan sebuah jabatan, cuma dianggotai oleh 26 pegawai dan akan mengendalikan separuh daripada penduduk Malaysia. Apabila saya bandingkan dengan jabatan-jabatan yang ada di dalam Jabatan Perdana Menteri, jauh bezanya. Begitu juga dari segi peruntukan saya melihat bahawa peruntukan yang diberikan pada tahun ini, peruntukan mengurus dan juga peruntukan pentadbiran 92% kurang daripada peruntukan tahun lalu. Saya pun sudah tidak jumpa cari, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa sudah habis, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Ha, ya ada. Hal Ehwal Wanita – kalau tahun lalu diberi sebanyak RM24,356,400 dan tahun ini RM1,828,200, kekurangannya adalah 92.5%.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa sudah habis, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Saya tidak tahulah kalau saya silap melihat ini. Saya ingin penjelasan kenapa ataupun bagaimana penurunan yang begini besar dalam Hal Ehwal Wanita dan saya menyokong pandangan rakan saya dari PJ Utara tadi bahawa hasrat wanita sebenarnya lebih besar. Kita hendak supaya dapat ditubuhkan Jabatan Hal Ehwal Wanita di peringkat negeri dan juga kementerian, keluarga dan juga pembangunan kanak-kanak ini adalah hasrat yang dihasratkan oleh wanita.

Akhir sekali.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa sudah habis, Yang Berhormat. Masa sudah habis.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Saya patuhlah arahan Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sipitang. Selepas itu menteri menjawab.

**5.20 ptg.**

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, setelah bangun beberapa kali, sekali ini dapat menjawab. Saya ingin menyebut Perkara B.1 iaitu Parlimen. Saya setuju dengan rakan-rakan bahawa Parlimen ini mesti lebih canggih. Semua telah disebut tadi walaupun ada dalam nota saya Tuan Pengerusi, tetapi saya ingin menyebut satu perkara iaitu soal keselamatan dalam Parlimen ini.

Kita bernasib baik bahawa negara kita ini aman dan tidak ada kejadian yang tidak baik berlaku. Saya mohon kalau bolehlah di pintu masuk depan itu perlu ada *screening machine* seperti di Airport yang boleh membuat *screening* beg-beg yang mungkin juga mungkin ada senjata dan sebagainya. Ini dibuat di Parlimen-parlimen lain yang pernah saya lawati kerana apa yang ada dalam beg itu kita tidak tahu dan apabila mereka masuk ke kawasan Parlimen ini, mereka bebas bergerak, kita tidak tahu bila dia masuk ke Parlimen ini kerana pintu semua tidak berkunci.

Sebelum benda ini berlaku Tuan Pengerusi, kita kena prihatin, kita berdoaalah supaya tiada apa yang berlaku tetapi kita mesti sediakan payung sebelum hujan, Tuan Pengerusi, dan juga memberi gambaran bahawa kita prihatin kepada keselamatan Ahli-ahli Yang Berhormat kita.

Perkara yang kedua ialah di bawah B.7 Jabatan Perdana Menteri iaitu Perkara 050000 JAKIM dan di bawah 050400 Pembangunan Pendidikan Islam dan Latihan dan juga P.7 di bawah 04802 Pembinaan Sekolah Agama Islam. Saya akan merumuskan sekali gus.

Tuan Pengerusi, Agama Islam adalah agama rasmi negara. Hal ehwal agama adalah di bawah kerajaan negeri tetapi Kerajaan Persekutuan perlu peka kerana sekarang ini masalah yang timbul begitu banyak seperti masalah sosial, pengajaran sesat dan sebagainya. Pendidikan agama tidak menentu. Saya melihat di negara kita ini, perlu diselaraskan, perlu dilihat.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri dan juga pegawai-pegawai daripada Jabatan Perdana Menteri mengenai kedudukan semua jenis sekolah agama di seluruh negara. Apakah kerajaan berpuas hati dengan bilangan sekolah agama yang ada di seluruh negara pada masa ini, itu yang pertama.

Yang kedua, apakah guru-guru sekolah agama pada masa ini mencukupi. Kebanyakan sekolah agama adalah di bawah kerajaan negeri, apakah ada penyelarasan dari segi silibus pendidikan. Apakah ada badan yang memantau sistem pelajaran di sekolah agama ini. Kemudian, siapakah yang bertanggungjawab

menyelidiki dan memberi laporan tentang masalah-masalah sekolah agama ini dan apakah cara penyelesaiannya. Kemudian, apakah kedudukan terkini mengenai bantuan kewangan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri untuk membina sekolah-sekolah agama.

Tuan Pengerusi, keadaan pendidikan agama di Sabah. Di Johor saya mendengar tadi memang ada masalah juga dan saya percaya di seluruh negara pun ada masalah. Di Sabah, Tuan Pengerusi, saya melihat di Sabah cuma terdapat 160 buah sekolah agama iaitu pecahannya ialah sekolah menengah agama ada lima, sekolah agama rakyat menengah ada tiga, sekolah agama Islam rakyat ada 99, sekolah agama rakyat rendah ada 37. Jumlah semua adalah 144 dan campur tadika ada 16. Jumlah semua 160. Bilangan murid 31,500, bilangan kelas 880, purata 35 orang setiap kelas. Bilangan guru pula ialah 698, purata satu guru menjaga 45 murid dan purata satu guru menjaga 1.3 kelas dan ini tentu tidak mencukupi.

Sekolah-sekolah ini menghadapi pelbagai masalah, misalnya bangunan. Bilangan sekolah yang terlalu rendah berbanding dengan keperluan masyarakat setempat. Ada sekolah yang masih menumpang di sekolah rendah, balai raya dan juga lain-lain bangunan. Banyak bangunan terlalu uzur dan perlu diperbaiki dan diganti.

Guru pula, bilangan guru amat kurang berbanding dengan kelas yang ada. Misalnya di kawasan Parlimen Sipitang, kawasan saya Tuan Pengerusi, Sekolah Agama Islam Ulu, Sipitang, murid 134, kelas ada 6, guru agama ada 2 sahaja. Sekolah Agama Rakyat Kampung Contoh Petagas di Parlimen Penampang, bilangan murid 280, kelas ada enam, guru ada dua.

Bagaimanakah guru dua orang menjaga 280 murid yang enam kelas ini. Saya tidak tahu bagaimana guru agama ini mengajar. Bilangan guru ini amat kurang berbanding dengan kelas dan bilangan murid yang ada. Kebanyakan guru tidak menentu, saya tidak tahu apakah kelayakan guru yang ada di setiap sekolah agama tersebut.

Kemudian, Tuan Pengerusi, kemudahan pula. Kebanyakan sekolah tidak ada kemudahan khusus, banyak peralatan seperti kerusi, meja cuma mohon ehsan dari penderma. Saya pernah menderma satu sekolah agama, tidak ada kerusi. Jadi kita minta kementerian prihatin, Jabatan Perdana Menteri.

Yang kedua, sistem mengajar adalah cara lama. Sepatutnya perkara ini diambil peningkatan secara moden, sistem komputer yang ada sekarang ini dan sebagainya. Ini masih lagi cara-cara yang lama. Kemudian, rumah guru sangat berkurangan dan ala kadar sahaja.

Jadi, Tuan Pengerusi, sudah sampai masanya sistem pendidikan agama ini diambil perhatian secara serius. Kerajaan Pusat tidak boleh lepas tangan kepada kerajaan negeri semata-mata. Satu sistem pemantauan perlu ada. Gejala sosial yang timbul akibat kemajuan dan globalisasi perlu dibendung. Cara tradisional seperti mengongkong anak-anak dan belia-belia tidak lagi praktikal. Satu cara perlindungan baru mesti dicari. Pendidikan agama dan kefahaman agama adalah satu cara penyelesaian masalah ini.

Kebanyakan belia dan beliawanis yang bermasalah mempunyai latar belakang yang lemah dari segi pegangan agama dan juga semangat mereka atau latar belakang agama yang begitu tidak kuat, jiwa mereka kosong. Oleh yang demikian, jiwa yang kosong ini perlu diisi tetapi perlu diisi dalam pengajaran Islam yang betul, bukan Islam yang berunsur politik dan melatih untuk membenci kepada mereka yang berjaya dan menidakkan kelemahan diri sendiri yang perlu diperbaiki.

Tuan Pengerusi, masalah pendidikan agama perlu dikaji semula dan Kerajaan Pusat perlu memberi bantuan kepada kerajaan negeri. Yang pertama, bangunan yang tidak cukup perlu ditambah, sekolah yang rosak perlu diperbaiki, masa ini di Sabah, cuma ada lima sekolah menengah agama perlu diperbanyakkan termasuk di kawasan saya sendiri tidak ada sekolah agama sedangkan di kawasan saya itu 90% penduduknya daripada lebih kurang 100,000 adalah penduduk beragama Islam.

Guru-guru yang tidak cukup perlu ditambah. Satu maktab latihan guru agama perlu didirikan di Sabah. Kekurangan guru-guru yang ada sekarang ini perlu diselesaikan. Jika perlu kita ambil guru-guru yang diiktiraf dari Semenanjung, diperbanyakkan dan juga dari Indonesia kalau tidak ada ataupun negara-negara lain yang sesuai. Pusat-pusat latihan dakwah yang ada di Sabah saya tidak tahu apa fungsinya, cuma untuk berdakwah sahaja barangkali. Kalau boleh kita tukar kepada pusat latihan untuk melatih guru-guru agama yang begitu kurang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila gulung, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Saya gulung. Teknik mengajar perlu diubah dipermodenkan. Pengajaran agama perlu diambil serius. Keadaan politik dan dunia hari ini menyuruh kita supaya bangun. Kita tidak mahu status agama cuma sebagai syarat, saya ulangi Tuan Pengerusi, sekarang ini status sekolah agama cuma sebagai syarat untuk mengisi masa lapang anak-anak. Melihat kepada kemudahan yang ada sekarang, ramai anak-anak Islam tidak berpeluang mengikuti pendidikan Islam.

Melalui pendidikan Islam kita mahu anak-anak kita boleh membezakan yang halal, yang haram, yang mana dosa, yang mana pahala. Kita mahu jiwa mereka diisi sebagai perisai terhadap dunia luar dan pengaruh globalisasi dan ICT. Biar ada yang melindungi mereka, ibarat seperti kata kita berada dalam dulang kaca juga seperti bak kata, “ikan di laut biar hidup dalam air masin tetapi isinya tidak masin”. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Menteri menjawab. Ya, 12 (3) kalau Yang Berhormat hendak tambah, boleh tambah lima minit tetapi saya kira sudah mula, sambung besok tidak apa. Sila, mula.

**5.28 ptg.**

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Noh bin Haji Omar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama kali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian, memberikan pandangan mengenai peruntukan Jabatan Perdana Menteri. Seramai 27 orang telah pun mengambil bahagian dan saya cuba menjawab seberapa yang boleh mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan.

Tuan Pengerusi, yang pertama daripada Pendang telah membangkitkan mengenai BTN tidak menepati sasaran dan juga matlamat dan ini juga telah dibangkitkan oleh Shah Alam dan terima kasih saya ucapkan kepada Shah Alam kerana lebih memahami matlamat penubuhan Biro Tatanegara.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, sila sambung besok.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Besok? Hari Isnin?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, hari Isnin. Majlis bersidang semula.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sambung hari Isnin ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis kita ditangguhkan sehingga hari Isnin 20 November, 2000 pukul 10.00 pagi.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.*